

**Bil. 78**

**Rabu  
11 Disember 1996**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENGGAL KEDUA  
MESYUARAT KETIGA**

# KANDUNGAN

<b>JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Ruangan 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	(Ruangan 12)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Perbekalan 1997 Dan Usul Anggaran Pembangunan 1997.	(Ruangan 12)
<u>Jawatankuasa:</u>	
<u>Jadual-</u>	
Maksud B.48	(Ruangan 13)
Maksud B.49	(Ruangan 22)
Maksud B.50	(Ruangan 35)
Maksud B.51	(Ruangan 56)
<b>USUL</b>	
Anggaran Pembangunan 1997	
<u>Jawatankuasa:</u>	
Maksud P.48	(Ruangan 13)
Maksud P.49	(Ruangan 22)
Maksud P.50	(Ruangan 35)
Maksud P.51	(Ruangan 56)
 Waktu Mesyuarat Dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat.	 (Ruangan 41)

Oktober, 1996.

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' (Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)
- “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)

- Yang Berhormat      Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “      Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “      Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “      Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “      Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “      Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “      Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “      Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “      Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “      Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “      Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “      Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “      Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “      Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “      Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “      Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “      Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “      Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “      Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)

- Yang Berhormat      Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “                      Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “                      Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “                      Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “                      Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “                      Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “                      Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “                      Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “                      Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “                      Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “                      Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
- “                      Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “                      Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “                      Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “                      Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “                      Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “                      Raja Dato' Ariffin bin RAja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “                      Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “                      Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “                      Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “                      Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “                      Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “                      Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “                      Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “                      Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “                      Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “                      Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)

- Yang Berhormat Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)

- Yang Berhormat Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)

- Yang Berhormat      Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
- “                      Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “                      Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “                      Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “                      Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “                      Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “                      Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “                      Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “                      Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “                      Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “                      Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “                      Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “                      Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “                      Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “                      Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “                      Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “                      Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “                      Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “                      Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “                      Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “                      Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “                      Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “                      Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “                      Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “                      Dr. Tan Yee Kew (Kelang)

- Yang Berhormat      Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “                      Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “                      Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “                      Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “                      Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “                      Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “                      Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “                      Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “                      Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “                      Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “                      Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran)
- “                      Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “                      Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “                      Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “                      Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “                      Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K.  
(Kuala Kedah)

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN  
PARLIMEN MALAYSIA**

Setiausaha Dewan Rakyat	:	Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha	:	Said bin Sidik
Penolong Setiausaha Kanan	:	Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha	:	Haji Mustakin bin Selamat

**CAWANGAN DOKUMENTASI**

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Mohd Saleh bin Mohd. Yusop Hajah Supiah binti Dewak Mohamed bin Osman Hajah Norishah binti Mohd. Thani Jainah binti Sakimin Shamsina binti Janor
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar Hasan

**CAWANGAN BENTARA**

Bentara Mesyuarat	:	Lt Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib Mejar (B) Zakaria bin Salleh
-------------------	---	--

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Rabu, 11 Disember 1996

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

## DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**PENGUMUMAN OLEH TIMBALAN YANG DI-PERTUA**
**Had Masa Perbahasan di Peringkat Jawatankuasa Rang Undang-undang Perbekalan 1997**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan hormatnya dimaklumkan kita terpaksa menghabiskan perbahasan peringkat Jawatankuasa Rang Undang-undang Perbekalan 1997 pada esok hari untuk memberi masa bagi kita menyelesaikan rang undang-undang yang lain-lain pada minggu hadapan. Malangnya pula kita tidak boleh memanjangkan masa mesyuarat pada hari ini dan hari esok.

Oleh yang demikian, saya berharap kerjasama daripada Yang Berhormat sekalian supaya dapat kita selesaikan sehingga ke Kementerian Pembangunan Usahawan pada hari ini dan kita akan menyelesaikan baki dua kementerian lagi itu pada esok hari. Kerjasama dan bantuan Ahli-ahli Yang Berhormat adalah perlu untuk menjayakan tujuan ini.

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN**
**INSTITUSI KEWANGAN MEMBIAYAI  
KEGIATAN SYARIKAT TEMPATAN**

1. **Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman [Libaran]** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian Kewangan supaya menyahut seruan Perdana Menteri bahawa institusi kewangan hendaklah mengambil lebih banyak risiko dalam membiayai syarikat tempatan dalam kegiatan seperti teknologi maklumat serta membantu mereka menubuhkan operasi di luar negara terutama di negara-negara yang baru maju seperti Vietnam.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua,

saya minta izin untuk menjawab soalan-soalan ini serentak dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Batu Gajah dan Rompin yang sepatutnya dijawab pada 18 Disember 1996 kerana semua tiga soalan ini menyentuh perkara yang sama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Baik.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, seruan kerajaan tidak bermakna institusi kewangan dikehendaki mengambil lebih banyak risiko dengan sewenang-wenangnya tanpa penilaian yang cermat. Perlu disadari bahawa dana institusi kewangan bukanlah dana kerajaan, dan sebarang kerugian daripada pengambilan risiko berlebihan yang tidak setara dengan keuntungan mungkin akan menjejaskan keselamatan dana para pendeposit.

Namun begitu, seruan kerajaan tersebut adalah berhasrat untuk menggalakkan institusi kewangan meningkatkan tahap kemahiran dan keupayaan untuk menilai dan menghadapi risiko tambahan yang berpunca daripada pembiayaan projek-projek baru dan perkembangan syarikat-syarikat tempatan dengan selamat.

Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, satu daripada langkah yang diambil adalah untuk menggalakkan institusi kewangan meningkatkan saiz dan modal mereka supaya mempunyai kapasiti untuk menampung risiko yang lebih tinggi.

**Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam hal menggalakkan pelaburan terus, apakah langkah-langkah kerajaan untuk mewujudkan modal selain daripada dana institusi kewangan untuk perusahaan baru?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, tidak berapa lama dahulu kerajaan telah menggalakkan penyemaran apa yang dipanggil modal teroka ataupun venture capital. Dan sehingga kini ada lebih kurang 20 syarikat venture capital ataupun modal teroka yang diuruskan oleh lima organisasi pengurusan. Venture capital ini ataupun modal penerokaan ini adalah bertujuan untuk memberi pembiayaan kepada syarikat-syarikat ataupun perusahaan Yang Berhormat maksudkan yang mempunyai risiko tinggi. Di samping itu, kerajaan telah menubuhkan PUNB untuk bumiputera memasuki di dalam bidang berisiko tinggi dan yang tidak diterokai oleh orang lain, iaitu PUNB membantu bumiputera melalui equity participation di dalam mana-mana

perusahaan. Kerajaan juga akan mengadakan kemudahan untuk over the counter yang mana syarikat-syarikat yang tidak mempunyai syarat-syarat cukup untuk disenaraikan di dalam bursa saham akan digalakkan ataupun akan diberi kemudahan membuat pembesaran modal ataupun modal melalui over the counter.

Yang akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, Khazanah Malaysia sendiri adalah satu-satunya badan atau badan korporat yang diwujudkan untuk menangani soal-soal perusahaan yang berisiko tinggi dan menghendaki modal yang besar serta berteknologi tinggi seperti mana yang ditanya oleh Yang Berhormat itu.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setakat ini berapakah jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh pihak bank tempatan untuk membiayai projek-projek syarikat tempatan dalam kegiatan mereka di luar negara dan berapakah pula permohonan pinjaman yang ditolak dan apakah sebab ditolak?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini terlalu spesifik dan ianya memerlukan jawapan bertulis, jadi saya minta notis.

#### PROGRAM KHAS UNTUK BELIA

2. **Dr. Lee Chong Meng [Bukit Bintang]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan sama ada kementerian ada mengaturkan program-program khas untuk melatih pemuda-pemudi untuk menghadapi cabaran Wawasan 2020.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil]:** Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh, Draf Pembangunan Belia adalah untuk menyediakan mereka dengan kemahiran yang sesuai bagi meningkatkan penyertaan dan sumbangan mereka kepada pembinaan negara, di samping membentuk kualiti kepimpinan dan memupuk nilai positif di kalangan mereka.

Ini bertujuan melahirkan generasi belia yang berpendidikan, berkemahiran, berdisiplin, berbekal dengan kualiti kepimpinan, di samping memiliki nilai moral yang tinggi. Kementerian Belia dan Sukan telah dan sedang melaksanakan program Pimpinan Perdana untuk membangunkan barisan pemimpin pelapis belia yang berwibawa dan dinamik untuk menangani cabaran Wawasan 2020.

Dianggarkan seramai 160,000 pemimpin belia termasuk pemimpin NGO akan dilatih dalam tempoh masa 5 tahun. Kumpulan sasar program ini

adalah terdiri daripada lepasan sekolah, pelajar institusi pengajian tinggi, pekerja muda, pemimpin NGO dan wanita. Program Pimpinan Perdana ini terbahagi kepada 4 peringkat, iaitu;

- (i) peringkat pertama - kursus khas jati diri;
- (ii) peringkat kedua - kursus elektif pengkhususan;
- (iii) peringkat ketiga - budaya ilmu; dan
- (iv) peringkat keempat - khidmat masyarakat.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan banyak aktiviti belia di seluruh negara kita sampai sekarang masih diadakan oleh banyak persatuan-persatuan sukan atau persatuan-persatuan belia di tempat kerja dan sekolah. Tetapi majoriti sumber kewangannya adalah dikutip dari rakyat. Soalan saya, bolehkah kementerian mengkaji semula untuk memberi pengecualian cukai atau tax deductible facilities, dengan izin, untuk penderma-penderma kepada persatuan-persatuan tersebut?

**Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga masa ini, pihak kementerian memang mempunyai peruntukan yang diagih-agihkan di antara semua persatuan belia dan sukan di negara ini. Walau bagaimanapun, tanggungjawab utama tiap-tiap persatuan ialah untuk menentukan bahawa kedudukan kewangannya kukuh supaya dapat menjalankan aktiviti-aktiviti persatuan tersebut. Saya akan membawa cadangan Yang Berhormat tadi ke pihak kementerian, khususnya Yang Berhormat Menteri, supaya insya-Allah dapat dilanjutkan kepada pihak-pihak berkuasa.

**Dato Haji Hanafi bin Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya hendak minta penjelasan. Adakah kerajaan berkeyakinan bahawa 160,000 orang pemimpin belia dapat dilatih di bawah program Pemimpin Wawasan untuk tempoh beberapa tahun yang akan datang jika sekiranya kementerian tidak menggunakan segala badan-badan sukarela yang ada seperti Majlis Belia Malaysia, badan belia di peringkat nasional, Belia 4B, MAYC dan sebagainya, kerana kebelakangan ini kita nampak, kementerian menjalankan program dengan cara yang tersendiri. Kalau dahulu banyak diberi tanggungjawab ini kepada badan sukarela, sebab itu pelaksanaan program itu berkesan, tetapi sekarang ini nampak keberkesanan itu kurang. Jadi, adakah kementerian berhasrat supaya mesti digunakan badan-badan sukarela ini sebagai 've-

hicle' selain dari kementerian sendiri melaksanakannya?

**Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyakinkan pihak Yang Berhormat bahawa kami di Kementerian Belia dan Sukan mempunyai penuh keyakinan bahawa di dalam masa 5 tahun ini, lebih kurang 160,000 pemimpin muda negara akan dapat diberi latihan yang sewajarnya.

Keduanya, saya ingin menyatakan di sini bahawa jika masa dahulu pihak kementerian dapat bekerjasama dengan begitu erat, kuat dan berkesan dengan semua persatuan sukarela, ini adalah kerana keadaan persatuan-persatuan sukarela pada masa itu adalah di dalam tahap yang begitu baik. Kita semua tahu bahawa sekarang ini, tidak banyak orang yang mampu atau mempunyai keinginan untuk membuat kerja-kerja secara 'free' sahaja. Walau bagaimanapun, pihak kementerian sentiasa memberi dorongan dan sokongan dan kami sentiasa bekerjasama dengan pihak kesatuan-kesatuan yang ada di sini. Jadi, saya berharap Ahli Yang Berhormat masih menaruh harapan dan keyakinan kepada Kementerian Belia dan Sukan, oleh kerana di belakang tabirnya pegawai-pegawai Belia dan Sukan menjalankan tugas dengan begitu baik.

#### **KUOTA EKSPORT PAKAIAN SIAP - PENGILANG TEKSTIL DI SARAWAK**

**3. Tuan Tiong Thai King [Lanang]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sama ada kementeriannya dapat mempertimbangkan untuk memberi kuota yang berpatutan kepada pengilang-pengilang di negeri Sarawak dalam mengeluarkan barangan pakaian siap bagi membolehkan pengilang-pengilang di negeri Sarawak menceburkan diri dalam bidang pengeluaran barangan pakaian siap.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Hishamudin bin Tun Hussein]:** Tuan Yang di-Pertua, pengimportan tekstil dan pakaian siap ke Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah, Kanada dan Norway adalah tertakluk kepada sekatan kuota yang ditetapkan oleh negara-negara berkenaan, di bawah Perjanjian Tekstil Dua Hala di antara Malaysia dengan negara-negara tersebut.

Di dalam perjanjian tersebut juga, negara-negara pengeksport mengenakan syarat peraturan tempasal (rules of origin), dengan izin. Berasaskan kepada perkara ini MITI dipertanggungjawabkan untuk mengawasi dan memastikan eksport tekstil

dan keluaran tekstil daripada Malaysia tidak melebihi paras kuota dan memenuhi syarat-syarat tempasal yang ditetapkan oleh negara-negara berkenaan.

Sehubungan dengan itu, MITI hanya meluluskan kuota dan lesen eksport kepada pengeksport yang merupakan pengilang tekstil dan pakaian. Pengilang-pengilang tekstil dan pakaian di negeri Sarawak yang mempunyai pesanan dari pengimport di negara-negara yang mengenakan sekatan kuota, bolehlah mengemukakan permohonan untuk mendapatkan kuota bagi mengesport keluaran mereka kepada MITI untuk dipertimbangkan.

**Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ekoran dari penjelasan Setiausaha Parlimen, saya ingin tahu apakah penekanan yang diberikan kepada industri tekstil di bawah IMP-II?

**Tuan Hishamudin bin Tun Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, di bawah Pelan Induk Perindustrian Kedua ini, sememangnya industri tekstil dan pakaian adalah satu-satunya kelompok (cluster) yang diberikan penekanan. Strategi di bawah industri ini atau di bawah IMP-II ini adalah, pertamanya untuk berubah dari low end kepada pakaian nilai tambah yang tinggi. Pada masa yang sama, beralih kepada pakaian khusus yang bernilai tinggi, iaitu shift kepada high value speciality apparel, dengan izin. Kita juga menggalakkan pembangunan pakaian berjenama Malaysia iaitu Malaysian made apparels dan juga memperkukuhkan dan mengembangkan pengeluaran industri dan tekstil tempatan.

Akhir sekali, kita ingin juga di bawah IMP-II ini memperkukuhkan nilai rantaian, membina teknologi utama dalam tekstil dan juga mengambil alih dan membangunkan keupayaan dalam teknologi pemprosesan industri ini.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat sedikit maklumat asas mengenai soalan ini. Setakat ini berapakah jumlah bilangan pengilang pakaian di Sarawak yang beroperasi dan jumlah pengeluaran mereka untuk pasaran tempatan dan eksport dan berapakah jumlah permintaan bagi pakaian siap di Sarawak dan dari manakah bekalan itu diperolehi?

**Tuan Hishamudin bin Tun Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, saya perlukan notis. Tetapi ingin saya menekankan di sini bahawa mengenai pengilang tekstil dan pakaian di Sarawak buat masa

ini, yang berasaskan kepada maklumat di kementerian kami, kita belum menerima apa-apa permohonan dari pengilang-pengilang tersebut untuk mengeksport ke negara-negara yang dikenakan kuota, sebagaimana yang saya sebutkan tadi.

#### PERUMAHAN TERBENGKALAI - BANTUAN

4. **Puan Chua Soon Bui [Tawau]** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada TPPT masih bersedia membantu agar memulihkan projek-projek perumahan yang terbengkalai. Jika ya, apakah kriteria yang dikehendaki untuk meluluskan permohonan projek-projek yang tersebut. Jika tidak, mengapa. Tidakkah TPPT ditubuhkan semata-mata untuk memulihkan projek-projek perumahan terbengkalai.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, Tabung Projek Perumahan Terbengkalai (TPPT) ditubuhkan untuk membantu projek-projek yang disebabkan oleh masalah kemelesetan ekonomi negara pada pertengahan tahun 1980-an tidak lagi menerima sebarang permohonan bagi mendapatkan bantuan untuk perumahan projek terbengkalai memandangkan tarikh tutup permohonan itu adalah pada 29hb. Februari, 1992.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita mengucapkan syabaslah kepada pihak kementerian di atas penggunaan tabung berkenaan.

Saya ingin bertanya, setakat hari ini di dalam rekod kementerian, berapa banyakkah terdapat syarikat-syarikat gergasi yang tidak mampu untuk menjalankan projek-projek perumahan yang menyebabkan terbengkalai dan adakah tindakan-tindakan yang telah diambil kepada mereka untuk tempoh 2-3 tahun yang lepas?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, di antara 270 permohonan untuk menggunakan dana TPPT ini, tidak ada syarikat-syarikat gergasi. Kalau dimaksudkan syarikat-syarikat yang dikatakan *public listed company*, syarikat-syarikat yang memohon adalah syarikat-syarikat yang tidak mampu dan tidak mempunyai kewangannya sendiri. Jikalau ada pun syarikat-syarikat gergasi yang tidak dapat menjalankan projek mereka pada masa ini, apabila ekonomi telah pun pulih semula, mereka telah pun menyelesaikannya dengan sempurna.

**Tuan Kamarudin bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Dato' Timbalan Menteri khususnya mengenai dana yang disebutkan tadi. Dalam soal rumah terbengkalai ini kerap kali yang menanggung sengsara ialah pihak pembeli-pembeli atau pengguna. Jadi dalam hal ini, sama ada dana itu juga sebahagian daripadanya digunakan untuk sumbangan kepada pembeli-pembeli yang terpaksa menanggung faedah daripada bank ataupun badan-badan kewangan yang mereka pinjam untuk membeli rumah-rumah tersebut. Adakah kerajaan perlu bertegas supaya setiap rumah yang siap baru dijual?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, sememangnya dana yang dikhaskan di bawah projek ini adalah untuk pembeli iaitu di dalam soal *End financing* dan *briefing financing*. Ianya adalah untuk manfaat kedua-dua iaitu penjual dan pembeli.

Untuk soalan yang kedua, Yang Berhormat minta supaya rumah yang siap sahaja dijual. Dari segi apa yang dipraktikkan sekarang belum lagi ada cara itu, kerana kita hendak memberi peluang kepada ekonomi berkembang yang mana pemberian kredit, jikalau dibayar awal iaitu kita membolehkan satu pemberian pinjaman kepada kedua-dua pihak dan ini akan dapat mencambahkan lagi kedudukan ekonomi. Saya fikir adalah tidak berapa praktik untuk memastikan bahawa rumah yang siap sahaja dijual secara transaksi tunai ataupun transaksi pinjaman.

#### PELANCONG ASING - JUMLAH KES KESALAHAN DILAKUKAN

5. **Tuan Haji Abdul Hadi bin bin Haji Awang [Marang]** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan jumlah kes kesalahan yang dilakukan oleh pelancong-pelancong asing dari tahun 1990 hingga 1995. Sila nyatakan:

- (a) jenis-jenis kesalahan;
- (b) negara asal mereka dan tindakan-tindakan yang dikenakan dan apakah kesannya. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan segala peraturan dan undang-undang dipatuhi sepenuhnya.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Mohd. Noh bin Rajab]:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah keseluruhan kesalahan yang dilakukan oleh pelancong asing dari tahun 1990 hingga 1995 adalah 806 kes. Kebanyakan kesalahan yang

dilakukan adalah kesalahan curi iaitu sebanyak 521 kes dan curi dalam bangunan sebanyak 269 kes. Kesalahan-kesalahan ini telah dilakukan oleh pelancong asing adalah:

<u>Negara</u>	<u>Jumlah</u>
United Kingdom	145 orang
Singapura	102 "
Australia	98 "
Jepun	58 "
German	35 "
Sweden	33 "

Kesalahan yang dilakukan oleh pelancong asing jika didapati cukup bukti mereka akan dituduh di mahkamah mengikut undang-undang negara. Jika didapati bersalah, hukuman yang setimpal dikenakan. Setelah tamat menjalani hukuman mereka akan dihantar pulang terus ke negara asal.

Bagi penjenayah yang telah melakukan kesalahan dan dihukum penjara butir-butir peribadi mereka akan disenaraihitamkan bertujuan mencegah daripada memasuki semula ke negara ini, dengan adanya tindakan undang-undang yang tegas, ianya dapat membendung pelancong asing daripada melakukan kesalahan jenayah di negara kita.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu selalunya apabila pelancong ataupun kita naik kapal terbang antarabangsa, kita hendak sampai ke Kuala Lumpur, ada diberitahu 'bahawa sabit kesalahan dadah mereka akan dihukum gantung'. Selain daripada itu, adakah syarat-syarat yang lain untuk pelancong misalnya wangnya mesti mencukupi supaya bila dia datang ke sini, dia tidak minta sedekah, seperti yang dilakukan oleh pelancong dari Burma, India kerana ini akan membebaskan negara ini. Adakah syarat yang menyatakan peranganinya mesti sopan, bila mandi di tepi laut dia tidak boleh telanjang [*Ketawa*] adakah syarat-syarat tertentu untuk pelancong ini dan adakah tiket yang dia datang itu mesti ada tiket balik (return ticket)? Setengahnya dia datang dengan tiket ini untuk mencari makan di negara ini, mengambil duit itu beli tiket balik, adakah syarat-syarat tertentu berhubung dengan perkara yang saya sebutkan tadi?

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan undang-undang khas bagi pelancong, sebenarnya undang-undang yang ada, yang berkuatkuasa hari ini adalah untuk semua

orang di negara kita, sama ada bagi penduduk negeri ini ataupun orang yang datang ke negara ini, iaitu melancong atau yang lain-lainnya. Jadi, tidak perlu satu undang-undang khas khusus pada pelancong sahaja. Kalau mandi dengan tidak berpakaian sopan, Yang Berhormat sendiri pun mungkin akan didakwa bukan pelancong sahaja, [*Ketawa*] *indecent exposure*, dengan izin, memang salah mengikut undang-undang yang ada dalam negara kita ini. Tetapi kadang-kadang kita lihat seolah-olah pelancong itu yang melanggar undang-undang, oleh kerana mereka datang dari budaya yang asing.

Dalam usaha penggalakan pelancong kita di luar negara, kita menekankan tentang budaya kita dan mereka yang tahu dan mahu mengikutinya, kementerian rasa tidak ada masalah.

Berkenaan dengan membawa wang pula dan kemasukan warga asing ke negara kita adalah di bawah jagaan kementerian yang lain. Kalau tidak salah saya perlu diberitahu tujuan-tujuan untuk memasuki negara ini dan kalau didapati memuaskan mereka dibenarkan memasuki negara kita.

Kementerian kita memang menggalakkan pelancong-pelancong yang *prima facie* iaitu mereka berwang dan berbelanja di sini dengan tidak payah mencari kerja ataupun meminta sedekah. Kalau mereka datang ke sini bekerja, itu tidak dapat menepati tujuan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Mengenai tiket pulang (return ticket), perkara ini adalah dipertimbangkan oleh pihak Imigresen. Saya faham terdapat juga pengemis-pengemis yang ditangkap oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat yang datang dari luar negara. Maklumat yang kita dapati bahawa mereka ini masuk bukan melalui pintu masuk secara sah (official).

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak kementerian Yang Berhormat Setiausaha Parlimen pernah menyoal tentang satu berita dalam akhbar tempatan minggu lepas, bahawa ada seorang pelancong telah mengadakan iklan dalam akhbar tempatan untuk mencari teman wanita yang baik dengan tujuan untuk berkahwin. Tetapi ada didapati wanita tempatan yang respond kepada iklan ini dan nampaknya dia perlukan seks terlebih dahulu, maknanya wanita tempatan kita telah tertipu dan didapati juga ini ialah mangsa yang kedua.

Didapati pelancong yang pertama, pelancong yang sama juga telah membuat iklan yang sama, tiga tahun yang lepas dan ini disahkan oleh mangsa pertama setelah menyiasat tentang kejadian kali kedua. Jadi, apakah tindakan pihak Kementerian Yang Berhormat Dato', supaya perkara ini tidak berlaku lagi? Terima kasih.

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan juga mengambil sikap proaktif berkenaan dengan pencegahan jenayah dan tindakan-tindakan untuk mengesannya. Kita di kementerian ada mempunyai satu jawatankuasa yang mana dituruti oleh Unit Polis Pelancong, pihak berkuasa tempatan, pihak Imigresen, pihak Kementerian Dalam Negeri dan juga pihak Kementerian Luar Negeri. Dalam jawatankuasa ini kita membincangkan segala aspek. Berkenaan dengan kes Yang Berhormat sebutkan itu, kita juga terbaca dalam akhbar dan perkara ini diserahkan kepada pihak yang bertanggungjawab iaitu kementerian lain. Pihak kementerian memang menunggu-nunggu laporan selanjutnya tentang kes ini.

#### PELABUHAN KECIL DI SEKITAR MUARA SUNGAI -KAJIAN PEMBANGUNAN

**6. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman [Sungai Benut]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) adakah kajian telah dibuat bagi membangunkan pelabuhan-pelabuhan kecil di sekitar muara-muara sungai di seluruh negara supaya kegiatan pengangkutan laut dapat dipertingkatkan; dan
- (b) apakah masalah yang didapati di dalam memperbesar aktiviti ini.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Setakat ini kerajaan tidak ada menjalankan kajian pembangunan pelabuhan-pelabuhan kecil secara menyeluruh di sekitar muara-muara sungai. Walau bagaimanapun kajian ada dijalankan apabila kerajaan bersetuju untuk membangunkan kemudahan-kemudahan pelabuhan kecil seperti di Pulau Langkawi, Kuala Kedah dan Kuala Perlis.

- (b) Daripada kajian-kajian hidrography yang dijalankan masalah utama yang dihadapi oleh pelabuhan-pelabuhan kecil yang terdapat di muara-muara sungai adalah kadar mendapan yang tinggi. Ini mengakibatkan kawasan pelabuhan menjadi cetek dan sukar bagi bot-bot atau kapal untuk keluar masuk daripada pelabuhan yang berkenaan.

**Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kementerian menerima permohonan daripada pihak-pihak swasta yang membuat kajian berhubung dengan usaha untuk membangunkan pelabuhan-pelabuhan kecil yang mana daripada apa yang saya difahamkan bahawa aktiviti melalui perjalanan laut adalah lebih murah daripada aktiviti yang dijalankan secara pengangkutan darat?

Jadi, setakat ini, saya ingin tahu, ada berapa buahkah syarikat swasta yang telah membuat permohonan kepada pihak kementerian? Terima kasih.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Untuk makluman, Tuan Yang di-Pertua, dan Ahli Yang Berhormat, kementerian telah menerima beberapa permohonan dari pihak swasta dan telah pun dipanjangkan kepada EPU (Unit Perancangan Ekonomi) untuk dipertimbangkan.

**Dato' Haji Hanafi bin Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa satu daripada pelabuhan yang ada pontensi ialah Kuala Sanglang dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Kedah telah pun membuat kajian lima tahun yang lalu, kosnya lebih kurang RM30 juta. Tujuannya adalah untuk membawa barang-barang ke Langkawi selain daripada membawa feri penumpang dan pernah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyarankan supaya Kuala Sanglang ini dijadikan sebagai satu pelabuhan alternatif. Terima kasih.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya tahu Kuala Sanglang ini di border Kuala Perlis dan Kedah tetapi dalam senarai kementerian belum masuk lagi yang ditadbirkan oleh Jabatan Laut, yang ada di Perlis - Jeti Shahbandar, untuk penumpang Kuala Perlis, di Kedah - Jeti Pulau Tuba, Langkawi - Jeti Kuah, Jeti Telok Ewa, Langkawi, Jeti Kargo - Kuala Kedah, untuk penumpang Kuala Kedah, Pontian Kuala Kedah. Insyallah, masa depan saya akan bawa kepada

kementerian supaya Kuala Sanglang dapat juga dipertimbangkan.

#### SISTEM PENJANAAN ELEKTRIK - BILANGAN

7. **Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan perkara berikut:

- (a) masa ini terdapat begitu banyak sistem penjana elektrik yang diperkenalkan di Malaysia. Apakah jenis-jenis penjana yang ada dan bilangannya mengikut negeri; dan
- (b) bilakah pemasangan elektrik luar bandar akan dilaksanakan di Kampung Bangsal/Lubang Buaya, Kampung Kuala Mengalong, Kampung Melingan dan Kampung Long Pasia.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Tuan Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, selain daripada grid biasa KPLB telah melaksanakan tiga sistem penjana elektrik di luar bandar.

- (a) Sistem tersebut adalah solar, penjana diesel dan sistem hidromikrohidrik. Taburan sistem-sistem tersebut adalah seperti berikut:
  - (i) sistem solar: Perak - 3, Johor - 6, Pahang - 1, Sabah - 13, Sarawak - 14;
  - (ii) sistem penjana diesel: Sarawak - 7, Sabah - 13;
  - (iii) sistem hidromikrohidrik: Sarawak - 2.
- (b) Bagi kampung-kampung yang disenaraikan oleh Yang Berhormat, ianya dalam peringkat kajian dan kalau ia dapat dilaksanakan, maka akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana dalam jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, 14 buah kampung telah diberi satu kajian pelaksanaan melalui sistem solar dan saya ingin bertanya kepada pihak Yang Berhormat, bagaimanakah tahap pelaksanaan dan kalau sudah siap dilaksanakan, bagaimanakah prestasi sistem solar ini untuk diguna dalam rangkaian penjana kuasa di seluruh kawasan luar bandar?

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, memang kita di Sarawak telah melaksanakan 14 buah projek tetapi projek sekarang sedang dijalankan dan kita belum dapat maklumat mengenai sama ada dia bagus dari sistem lain atau tidak.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, kita mengucapkan syabas kepada kementerian di atas keprihatinan kepada kawasan-kawasan luar bandar yang belum dibekalkan kuasa elektrik. Saya ingin bertanya, adakah kementerian memikirkan setelah mendapat maklumat daripada Kementerian Tenaga, bahawa sistem solar itu lebih mahal kosnya untuk dibiayai, adakah kementerian memikirkan cara yang lain untuk menyalurkan kuasa elektrik ini ke kawasan-kawasan pedalaman, kampung-kampung Orang Asli dan juga kampung tradisional di kawasan-kawasan pedalaman? Kalau ada, bagaimanakah caranya kementerian untuk membiayai kos yang sedemikian dan bila agaknya boleh dilengkapkan? Terima kasih.

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana kita maklum tadi berbagai sistem digunakan, antaranya ialah sistem solar. Memang kalau kita tengok dari segi pelaburan asalnya sistem solar adalah lebih mahal dari sistem penjana diesel tetapi dalam jangka panjang kos penyelenggaraan lebih rendah dari sistem yang lain.

Sistem ini adalah lebih ekonomi untuk penduduk-penduduk di luar bandar yang mungkin menghadapi berbagai masalah, misalnya untuk membeli minyak diesel kerana mereka jauh dan juga masalah menyelenggarakan enjin diesel itu menjadi satu kerumitan. Maka kita cuba menggunakan solar kerana didapati sistem penyelenggaraan solar ini adalah dengan minimum, hanya menjaga bateri-bateri yang diletakkan di sistem itu.

Mengenai perancangan, kita memang berhasrat untuk menyediakan sejauh mana yang dapat mengikut peruntukan yang diberikan oleh kerajaan kepada kementerian. Di situlah hadnya kita boleh menjalankan program rural electricity ini.

#### RUMAH RAKYAT SABAH - PROGRAM KERAJAAN

8. **Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah strategi dan program yang sedang dilaksanakan oleh kementerian untuk memastikan supaya setiap rakyat Sabah memiliki rumahnya sendiri menjelang tahun 2000 seperti

mana yang dijanjikan melalui manifesto Sabah Baru.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, matlamat program pembangunan perumahan dalam RMK-7 adalah untuk menyediakan rumah yang mencukupi dan mampu dibeli atau disewa oleh rakyat daripada pelbagai peringkat pendapatan. Usaha ini memerlukan kerjasama semua pihak iaitu swasta dan awam.

Kerajaan Persekutuan ada melaksanakan program perumahan kos rendah di Sabah melalui Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar Sabah. Selain dari itu, Lembaga ini juga ada rancangan-rancangannya sendiri untuk membina banyak lagi rumah.

Kerajaan Persekutuan juga menyediakan kemudahan pinjaman kepada pemaju swasta melalui Tabung Perumahan dan tabung ini dikendalikan oleh Bank Negara yang mengenakan faedah rendah. Di Sabah, terdapat dua projek yang menikmati kemudahan ini.

Kerajaan Persekutuan menggalakkan kerajaan negeri mendapatkan penyertaan pemaju swasta dalam menyediakan rumah kos rendah dalam projek-projek perumahan di samping membeli rumah-rumah kos rendah di projek persendirian untuk dijual kepada rakyat berpendapatan rendah.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan tumpuan kementerian untuk membina rumah kos rendah pada setakat ini iaitu bagi rumah-rumah yang kosnya kira-kira RM30,000 atau RM40,000, adakah pihak kementerian bercadang untuk memulakan satu program yang mana kosnya kira-kira RM10,000 untuk rakyat miskin - bukan termiskin, tetapi miskin di mana sekurang-kurangnya mereka mendapat rumah yang dibuat daripada kayu dan beratapkan zing.

Saya berpendapat bahawa ini lebih banyak diperlukan di Sarawak dan Di Sabah. Adakah pihak kementerian bercadang untuk memulakan program seperti ini dan jika ada, berapa banyak yang difikirkan boleh dibina pada tahun hadapan?

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, angka yang disediakan bagi negeri Sabah setelah dibincangkan dengan pihak negeri, jumlah keperluan di Sabah ialah 110,000 buah rumah dan ini dibahagikan kepada pelbagai jenis, termasuk rumah rakyat miskin iaitu sebanyak 2,600 buah.

Maksud perumahan rakyat miskin adalah di mana satu peruntukan tidak lebih RM10,000 diberikan kepada keluarga-keluarga yang miskin, khasnya di luar bandar di mana peruntukan ini diberi kepada mereka untuk membina rumah sendiri di mana mereka ada tanah, tetapi tidak ada keupayaan untuk mendirikan rumah dan RM10,000 ini diberikan kepada mereka untuk mendapatkan alat-alat kelengkapan dan sebagainya supaya rumah mereka boleh didirikan di atas tanah sendiri.

Rumah kos rendah sebanyak RM35,900. Kos sederhana rendah sebanyak RM52,000 dan rumah kos sederhana sebanyak RM12,000 dan rumah kos tinggi sebanyak RM7,500.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menurut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, di Sabah ada keperluan untuk pembinaan lebih kurang 110,000 rumah di seluruh negeri. Persoalan saya ialah, adakah ini satu statistik menyeluruh, termasuk para nelayan dan petani dan rakyat di kampung-kampung terpencil?

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Ya, memang ini adalah angka keseluruhan dan angka ini bukan kita catatkan di dalam buku sahaja, tetapi setelah dibincangkan dengan pihak-pihak yang berkenaan di Sabah seperti Perancangan Unit Sabah dan lain-lain.

#### PROGRAM TV DISWASTA - PENYERTAAN PELBAGAI KAUM

**9. Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz [Hulu Langat]** minta Menteri Penerangan menyatakan adakah ia telah berpuas hati dengan penyertaan pelbagai kaum dalam penyediaan program yang diswastakan dan setakat manakah penyertaan itu dapat memperlihatkan berlakunya transformasi kebudayaan, pendidikan maklumat dalam masyarakat majmuk di negara ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:** Tuan Yang di-Pertua, matlamat menswastakan program-program televisyen adalah untuk menggalakkan pertumbuhan penerbitan program-program tempatan yang bersesuaian dengan citarasa dan budaya masyarakat negara ini di samping mengurangkan program-program import.

Usaha ke arah mencapai matlamat itu setakat ini adalah menggalakkan kerana melalui ini telah dapat meningkatkan pertumbuhan, kemampuan dan kualiti program-program televisyen yang dibekalkan oleh penerbit-penerbit tempatan hasil

daripada galakan stesen-stesen penyiar, bukan sahaja oleh RTM, malah stesen-stesen swasta seperti TV3, Metro/Vision dan Astro.

Dalam mencapai matlamat ini, penglibatan pelbagai kaum dalam industri tersebut adalah sentiasa diberi perhatian. Namun, perkara penting yang perlu menuju ke arah matlamat itu ialah penerbit-penerbit tempatan haruslah mampu untuk menghasilkan program-program yang berkualiti yang antara lain menyumbangkan ke arah transformasi budaya, pendidikan maklumat dalam masyarakat majmuk di negara ini dalam suasana pasaran program televisyen yang berdaya saing.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada sahabat saya, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan mengenai peranan Astro, sebuah syarikat yang mengendalikan lebih 20 saluran TV dan mempunyai 100% program yang diswastakan dan 100% program hiburan (entertainment). Jadi, di manakah benarnya apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, adanya transformasi budaya - adanya upgrading atau mempertingkatkan kualiti pendidikan di dalam masyarakat majmuk jika siaran dalam bahasa Melayu, semua hiburan, siaran untuk orang Cina, semua hiburan dan siaran untuk orang India, semua hiburan? Jadi, saya minta penjelasan.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan rakan saya dari Bagan Datok iaitu mengenai dengan Astro, walaupun ianya merupakan satu badan swasta, tetapi kita perlu yakin bahawa badan swasta itu mempunyai peranan yang cukup penting dalam menjalankan satu proses transformasi budaya dan juga pendidikan maklumat.

Khususnya pada hari ini kita boleh melihat apabila kita menonton Astro, banyak program yang dipaparkan mengenai dengan pelbagai maklumat dan juga pendidikan seperti Discovery. Discovery adalah satu program yang saya cukup minat. Kadang-kadang saya banyak menonton dari segi memperlihatkan tentang maklumat dan macam mana cara yang telah dilalui oleh bangsa-bangsa dan negara-negara yang lain yang maju dahulu sehingga pada hari ini mundur dan hancur.

Begitu juga mengenai dengan pendidikan - kajian-kajian tentang teknologi yang dipaparkan melalui Astro. Saya rasa kita pun yakin bahawa sedikit masa lagi walaupun ianya satu stesen yang cukup baru dan akan dipertingkatkan dan

memperbaiki perkhidmatan mereka ke arah seperti yang kita nyatakan tadi.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam masyarakat majmuk ini saya dapat tengok di peti televisyen, satu, dua sahaja siri lawak jenaka yang merangkumi pelbagai kaum, India, Cina dan Melayu. Tetapi, dalam segi perfileman masih kurang lagi dalam filem-filem atau drama-drama yang merangkumi pelbagai kaum.

Makanya, adakah pihak kementerian bercadang untuk menggalakkan lagi banyak industri perfileman supaya gabungan kaum-kaum yang berada di dalam negara kita ini difilemkan supaya ini akan mengeratkan lagi integrasi antara kaum yang berada di dalam negara kita ini untuk memastikan suatu hari nanti rakyat Malaysia betul-betul rakyat yang saling memahami di antara satu sama lain kerana lawak jenaka itu memang elok, kita nampak bahasa itu dan ini. Jadi, adakah pihak kementerian bercadang, makanya supaya ia akan dapat mengeratkan silaturrahim kita?

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab rakan saya yang sering menyebut 'makanya', maka dengan itu saya hendak menjawab soalan beliau bahawa sememangnya adalah menjadi penekanan kementerian. Satu jawatankuasa telah pun dibentuk di mana dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha kementerian dan juga merangkumi/dianggotai oleh stesen-stesen swasta yang lain di mana kita telah menekankan betapa pentingnya pihak-pihak yang lain, khususnya penerbit-penerbit drama dan juga filem yang boleh memaparkan tentang pelbagai budaya di negara kita ini dan insya-Allah, mudah-mudahan ini akan dapat ditunaikan oleh penerbit-penerbit filem apatah lagi pihak Astro yang memerlukan, pada tahun akan datang hampir 3,000 jam mengenai dengan keperluan mereka dan pelbagai program yang diperlukan dimasukkan dalam rangkaian itu dan termasuklah seperti Yang Berhormat katakan tadi. Kita amat prihatin dalam perkara ini.

#### INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI TAIWAN, CHINA DAN HONG KONG - PENGIKTIRAFAN KERAJAAN

10. Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah kelulusan daripada institusi pengajian tinggi Taiwan, China dan Hong Kong telah diiktiraf setelah Lembaga Aktreditasi Negara beroperasi. Jika ada, apakah kelulusan-kelulusan itu.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini masih belum ada pengiktirafan kelulusan sesuatu institusi pengajian tinggi dilakukan oleh Lembaga Aktreditasi Negara kerana lembaga tersebut masih belum dikuatkuasakan.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Yang di-Pertua, kelulusan IPT dari negeri China, Hong Kong dan Taiwan mempunyai nilai ekonomi dan akademik yang tinggi berbanding kelulusan lain dan banyak kali kerajaan pun berjanji untuk memberi pengiktirafan kepada sijil-sijil IPT itu. Apakah yang menyebabkan kerajaan gagal berbuat demikian?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ahli Yang Berhormat dari Cheras itu 'tidur'. Dia tidak tahu apa yang sudah terjadi. Kerajaan Barisan Nasional sudah mula iktiraf kelulusan perubatan dan pergigian dari Negara Taiwan. Itu merupakan satu cara Kerajaan Barisan Nasional mengambil kira dari segi standard taraf pendidikan itu. Saya harap Cheras jangan 'tidur' lagi. [Tepuk]

**Dr. Lee Chong Meng:** Tuan Yang di-Pertua, tentang masalah kekurangan guru-guru Mandarin di negara kita. Adakah kementerian Yang Berhormat bercadang untuk menggalakkan atau membenarkan lebih guru-guru dari negara Taiwan atau negara China untuk mengajar Mandarin di negara kita, di sekolah-sekolah atau di universiti-universiti tempatan secara berkontrak?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, itulah satu usaha memperluaskan pengajian bahasa Melayu di negara Republic China dan menolong kita mempertingkatkan pengajian bahasa Mandarin di negara kita adalah antara satu perkara yang akan dibincangkan dalam Memorandum of Understanding, dengan izin, di bidang pendidikan di antara negara China dan Malaysia dan kita harap apabila MoU itu selesai, kedua-dua negara boleh mendapat manfaat.

#### KUALITI UDARA DI KAWASAN PERINDUSTRIAN-RANCANGAN MENGATASI PENCEMARAN

**11. Dr. Tan Chong Keng [Bukit Mertajam]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) apakah rancangan kementeriannya untuk mengatasi sisa toksid yang dikeluarkan oleh kilang-kilang; dan

- (b) apakah rancangan kementeriannya untuk memperbaiki kualiti udara di kawasan perindustrian dan apakah usaha kementeriannya untuk mengenalpastikan punca-punca pencemaran sungai-sungai seperti Sungai Prai, Sungai Juru, Sungai Junjong di Seberang Perai Tengah dan apakah langkah-langkah pemulihan sungai yang dijalankan atau dirancangan.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rancangan yang diatur oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk mengatasi masalah buangan sisa toksid yang dikeluarkan oleh kilang-kilang adalah seperti berikut:
- (i) menyediakan kemudahan bersepadu pengolahan dan pelupusan buangan terjadual kepada industri-industri;
  - (ii) menguatkuasakan undang-undang terhadap pengurusan buangan terjadual; dan
  - (iii) menggalakkan industri melaksanakan program pengurangan buangan dan guna semula melalui kaedah-kaedah seperti recycling dan recovery, dengan izin.
- (b) Untuk memastikan kesan-kesan pencemaran udara daripada aktiviti-aktiviti perindustrian berada pada tahap minimum dan terkawal, langkah-langkah utama yang diambil termasuklah menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan semua peraturan di bawahnya, mempertingkatkan aktiviti program pengawasan melalui udara dengan kerjasama Unit Udara Polis Diraja Malaysia dan merangka sistem rangkaian pengawasan kualiti udara yang lebih berkesan di seluruh negara. Punca-punca utama pencemaran sungai-sungai seperti Sungai Prai, Sungai Juru dan Sungai Junjong di Seberang Perai Tengah, yang telah dikenal pasti ialah kumbahan/efluen-efluen perindustrian, masalah kumbahan domestik dan buangan ternakan khinzir, kesan mendapan akibat hakisan tanah, banjir, kawalan air pasang surut dan kemasinan laut serta keadaan semula jadi tanah paya yang lembab dan berasid.

Selain daripada aktiviti-aktiviti penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar akan bekerjasama dengan agensi-agensi lain seperti Jabatan Perikanan, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Perkhidmatan Pembedungan, Jabatan Haiwan dan pihak berkuasa tempatan bagi melaksanakan program pemulihan sungai.

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah kemajuan perancangan stesen untuk pengangkutan sisa-sisa toksid daripada negeri-negeri ke loji pelupusan sisa toksid di Bukit Nanas, Negeri Sembilan dan tentang caj-caj yang dikenakan sama ada ada bantahan daripada pihak pekilang tentang caj yang dikenakan oleh loji pelupusan sisa toksid itu?

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sebahagian daripada kilang yang dijalankan oleh kualiti alam ini telah beroperasi sebahagian daripadanya, operasi sepenuhnya akan dijalankan pada 1998. Dan caj-caj yang dikenakan adalah berpatutan, sehingga hari ini ianya mendapat sambutan yang begitu memberangsangkan.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, masalah alam sekitar diakui semakin mendesak tetapi pelaksanaan undang-undang alam sekitar di peringkat daerah ataupun di peringkat negeri diserahkan kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri di mana di peringkat daerahnya dilaksanakan oleh pejabat daerah yang bukan merupakan pegawai yang bertanggungjawab secara langsung kepada Jabatan Alam Sekitar. Jadi, adakah pihak kementerian akan mengkaji hakikat ini supaya-pelaksanaan undang-undang alam sekitar di peringkat daerah khususnya iaitu tempat-tempat yang merupakan problem area, dengan izin, akan tambah berkesan di masa akan datang?

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah perkara ini sedang diambil tindakan yang begitu berkesan sekali, tetapi di peringkat daerah-daerah kebanyakannya dijagai, diawasi oleh pihak-pihak kerajaan tempatan (local government) kerana mereka ini mempunyai kuasa-kuasa di bawah kuasa-kuasa kesalahan-kesalahan kecil - kalau mereka ini bertindak. Tetapi sekarang kebanyakan negeri telah pun diminta untuk accommodate dengan izin, mengisikan pegawai-pegawai alam sekitar ini, pegawai DOE duduk di

dalam jawatankuasa-jawatankuasa yang penting itu.

#### HAD UMUR BERSARA-MENINGKATKAN

**12. Dr. Tan Kee Kwang [Segambut]** minta Perdana Menteri menyatakan perihal had umur bersara bagi kakitangan awam. Memandangkan kepada fakta bahawa kebanyakan daripada mereka masih lagi sihat pada waktu umur tersebut, adakah kerajaan mempunyai cadangan untuk meningkatkan had umur bersara kepada 60 tahun pada tempoh terdekat.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Azmi bin Khalid]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak bercadang untuk meningkatkan umur bersara wajib kakitangan awam dari 55 tahun sekarang kepada 60 tahun. Sekiranya perkhidmatan seseorang yang telah bersara itu kemudiannya diperlukan oleh kerajaan, beliau boleh dilantik semula sebagai anggota kontrak selepas tarikh persaraannya.

**Tuan Jacob Dungau Sagan:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk membantu atau menyediakan mereka yang bersara dari perkhidmatan awam ini supaya mereka boleh lagi menyumbang tenaga dan pengalaman mereka untuk pembangunan negara?

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya bagi mereka yang ingin mencebur diri dalam sektor swasta sebelum bersara, mereka boleh meminta satu tempoh untuk menjalani latihan amali dalam syarikat atau sektor yang berkenaan tetapi dengan syarat tugas dan perkhidmatannya itu boleh dijalankan oleh orang lain. Tetapi kalaulah perkhidmatannya itu amat diperlukan, maka permohonan ini mungkin tidak dibenarkan.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menggalakkan lebih ramai kakitangan kerajaan yang telah bersara melanjutkan perkhidmatannya dalam kerajaan secara kontrak, saya hendak tanya sama ada kerajaan bercadang terus membayar pencen kepada mereka yang telah memilih melanjutkan perkhidmatannya secara kontrak?

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, mereka yang telah bersara dan diteruskan perkhidmatan oleh kerana perkhidmatannya diperlukan tidak akan diberi pencen melainkan setelah betul-betul bersara.

**KWSP - PENGURUSAN PELABURAN**

13. Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin [Muar] minta Menteri Kewangan menyatakan arahan-arahan dasar yang telah diberi kepada KWSP tentang pengurusan kumpulan wang KWSP termasuk pelaburannya.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, arahan dasar yang diberikan kepada KWSP untuk menguruskan kumpulan wang dan pelaburannya adalah berpandukan kepada peruntukan pelaburan di bawah seksyen 26 Akta KWSP 1991 iaitu di bawah (Pindaan) 1995 dan Akta Pemegang Amanah 1949. Pelaburan KWSP adalah berpandukan kepada kelulusan panel pelaburan KWSP yang telah dilantik oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dan terdiri daripada wakil Kementerian Kewangan, Bank Negara Malaysia dan wakil-wakil profesional dari sektor swasta dan perbankan. Panel pelaburan ini adalah tertakluk kepada arahan oleh lembaga KWSP dan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dari masa ke semasa.

Selaras dengan peruntukan ini, dana KWSP boleh dilaburkan di dalam bentuk:

- (i) deposit dalam bank-bank yang dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi Kewangan ataupun BAFIA 1989;
- (ii) pinjaman-pinjaman kepada syarikat-syarikat yang diluluskan;
- (iii) saham-saham syarikat yang diluluskan termasuk pelaburan dalam projek-projek usaha sama, program-program penswastan dan pelaburan luar negara dengan kebenaran Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan; dan
- (iv) kertas-kertas sekuriti hutang persendirian, termasuk bon, kertas gadai janji, nota perdagangan, kertas-kertas pasaran wang dan instrumen-instrumen boleh niaga yang ditetapkan di bawah Akta Bil-bil Pertukaran 1949.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Soal Jawab sudah cukup.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 14 hingga 34 dijilid dalam buku berasingan]*

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE  
DALAM MESYUARAT****RANG UNDANG-UNDANG  
PERINDUSTRIAN NIAGA HADAPAN  
(PINDAAN DAN PENYATUAN) 1996****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dan Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 dan untuk memansuhkan Akta Dagangan Komoditi 1985; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT  
LUAR PESISIR (PINDAAN) 1996****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat Luar Pesisir 1990; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG BANK LUAR  
PESISIR (PINDAAN) 1996****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Bank Luar Pesisir 1990; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN  
1997****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 1997****Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 1997 dan Anggaran Pembangunan 1997 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." *[Hari Kelimabelas]*

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Maksud B.48 [Jadual] -  
Maksud P.48 [Anggaran Pembangunan, 1997]**

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Minta Yang Berhormat dari Yan untuk menyambung ucapan, diberi 5 minit sahaja.

3.38 ptg.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin [Yan]:** Berapa, Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** 5 minit!

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Kelmarin baru 4 minit.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Teruskan, masa berjalan ya!

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya, terima kasih. Wah, hari ini Tuan Pengerusi serius, ya! [Ketawa]

Tuan Pengerusi, kelmarin saya menyentuh masih tentang jalan luar bandar. Saya berharaplah pihak kementerian dapat membuat sesuatu untuk menyelesaikan masalah jalan luar bandar ini. Sebenarnya kementerian patut mengadakan 'target date', masa untuk menyelesaikan keseluruhan masalah jalan luar bandar ini.....

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Minta penjelasan.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Sila.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Pengerusi, saya ingin minta penjelasan daripada sahabat di sebelah saya ini. Kita tengok sekarang ini kerajaan telah banyak memberi peluang kepada usahawan-usahawan hingga jadi ramai jutawan. Tidak bolehkah pihak kerajaan mencadangkan kepada pihak usahawan yang kaya, jutawan (millionaire) ini untuk memberi sebagai sumbangan kepada masyarakat-masyarakat desa seperti di kampung saya, buat jalan, duit yang untung banyak itu buat jalan-jalan di kawasan-kawasan luar bandar, bagaimana?

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Itu pandangan yang amat baik, Tuan Pengerusi. Saya akan memberitahu kementerian untuk mengambil tindakan yang sewajarnya [Ketawa] - Kementerian Luar Bandarlah! Memang betul, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Johor di bawah kepimpinan Menteri Besar sekarang ini kerana mereka telah mengadakan sistem 'cross subsidy' untuk membangunkan jalan-jalan luar bandar.

Jadi, ini mungkin dapat dicadangkan oleh pihak kementerian kepada kerajaan-kerajaan negeri supaya sesebuah syarikat yang menswastakan sesuatu program atau sesuatu peluang dalam negeri itu disyaratkan untuk memberi contribution mereka balik kepada masyarakat luar bandar dengan menyiapkan jalan-jalan luar bandar ataupun sebelum sesuatu penswastaan itu diberikan, mereka perlu memasukkan di dalam cadangan pelan penswastaan itu untuk membangunkan jalan-jalan luar bandar.

Tuan Pengerusi, jalan adalah sumber ekonomi kepada orang kampung. Kerana orang kampung kalau mereka menghadapi masalah jalan untuk mengeluarkan barang-barang pertanian mereka, barang-barang kerja tangan mereka, jadi ini akan menambahkan kos.

Oleh yang demikian, saya berharap sangatlah pihak kementerian selesaikanlah masalah ini. Jadi, tak payahlah tahun depan kita hendak bercakap lagi fasal jalan luar bandar ini. Ini boleh dikatakan setiap wakil rakyat bangun dan bercakap tentang jalan luar bandar.

Tuan Pengerusi, satu lagi saya akan pergi kepada Pemodenan Desa. Saya kira peruntukan sebanyak RM1.2 juta ini tidak mencukupi untuk pemodenan. Kita hendak modenkan desa bukannya senang. Kalau api, air tidak ada, hendak moden macam mana. Jalan pun tidak ada. Kalau kita naik motor pun, dok kena gelek akar pokok durian lagi, kita hendak moden macam mana desa kita ini. Ini adalah satu lagi pandangan yang saya ingat boleh diambilkkan, iaitu macam kementerian biasa bercadang untuk memilih masyarakat kita yang berjaya di dalam bidang perniagaan supaya mengangkat satu-satu kampung itu menjadi kampung angkat mereka.

Jadi, apa salahnya kalau dia untung. Kita tengok keuntungan mereka, bila mereka buat yearly annual report, sampai beratus-ratus juta. Ada sampai bilion. Amboi-mak, takkanlah kedekut, reput sampai macam itu, tak boleh hendak beri sedikit kepada orang kampung untuk hendak perbetul bagi kampung itu elok, anak-anak kita belajar dengan elok dan sebagainya. Saya mengucapkan tahniah kepada Syarikat Kedah Simen yang telah memperuntukkan hampir RM200,000 - RM300,000 kepada sekolah di Langkawi, kerana dia ada kilang di sana, dia bantu sekolah itu dan peratus peningkatan kejayaan telah meningkat 100% hasil daripada bantuan sokongan sosial daripada kilang tersebut kepada sekolah-sekolah di

Langkawi. Wakil rakyat pun tidak letih. Ini sudahlah Wakil Rakyat tinggal kulit dengan tulang, [Ketawa] Peruntukan pula tidak ada, rebah orang tua itu.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya mencadangkan supaya pihak kementerian tulis surat ataupun minta tokoh-tokoh korporat, ahli-ahli perniagaan - kadang-kadang mereka bukan tidak mahu hendak membantu tetapi mereka terlupa, mereka terghalib, dok ghalib terbang sana, terbang sini, tak teringat pak long, mak long di kampung. Kadang-kadang mereka pun asal dahulu mandi air telaga juga. Sudah berjaya dalam hidup kadang-kadang mereka terlupa. Jadi, pihak menteri kena peringat, yang terlupa sungguh ingat balik, keuntungan-keuntungan itu dilaburkan balik kepada kita hendak modenkan desa ini, terutamanya ke sekolah-sekolah tadika macam Yang Berhormat dari Tanjong Karang kata kelmarin memang betul. Kadang-kadang kelas tadika itu tak sesuai untuk kita masuk kerana ada budak-budak di situ, kerana keselamatan budak-budak itu. Bila jadi apa-apa, Tuan Pengerusi, yang pertama orang akan salahkan wakil rakyat, selepas itu baru kita kata ini sudah di bawah kementerian, baru dia cari menteri. Wakil rakyat hendak kena dahulu, kemudian kita tolak pergi ke menteri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, masa cukup.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya tidak sempat menggulung lagi, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Saya telah umumkan lebih awal tadi, minta kerjasama kerana masa tidak cukup.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Bagi sedikit, saya hendak menggulung sahaja. Hajat tidak mengapa. Sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Masa kecederaan tak dapat, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi ialah membasmi kemiskinan. Saya berharap, kita hendak basmi kemiskinan, basmilah sungguh-sungguh. Suntikkan projek ekonomi kepada mereka. Kita tengok Majlis IKHTIAR dibuat cukup baik dan berjaya. Majlis IKHTIAR ini beri bantuan melalui isteri, kerana orang perempuan dia prihatin, dia bertanggungjawab. Bagi kepada suami pun boleh,

tetapi kadang-kala bila dia senang sedikit di kelentonglah, dia pi ikut lain pula. Jadi, bagi kepada isteri, kemudian berjaya. Saya sudah buat - ini kepentingan, saya hendak declare sebagai Pengerusi FAMA. Kita buat bantuan tanaman pokok dan sebagainya, alhamdulillah, mereka berjaya.

Jadi, kalau hendak bantu sekadar macam Tuaran kata, suruh pergi tangkap ikan, bagi ikan dan belajar tangkap ikan, saya tak tahulah apa ikan ada di Tuaran. Tetapi memang betul, kita beri mereka, suntik mereka dengan idea-idea ekonomi. Dan insya-Allah, macam kita buat dengan FAMA, pasar tani PPRT dan mereka berjaya, Tuan Pengerusi. Jadi, macam burung-burung puyuh yang kita lancar di Langkawi, kita suntikkan ini supaya mereka ada sedikit semangat ingin berusaha sendiri samping kita memberi bantuan induk, yang pertama barangkali rumah dan sebagainya.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya hendak habis ini, ialah dengan memberi pendidikan yang sewajarnya kepada anak-anak ini. Macam saya cadang hari ini kalau boleh kementerian buat asrama untuk PPRT. Himpunkan anak-anak orang miskin, adakan kelas tambahan, adakan tuition dan sebagainya supaya anak-anak ini bila dia berjaya dia boleh bantu emak dan bapa, bila mereka senang dan kerja besar tidak lama kemudian.

Jadi, itulah Tuan Pengerusi, beberapa perkara yang saya harap pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini memang banyak sudah buat, tetapi kena tambah lagi. Menteri pun muda, segak elok, go ahead. Maknanya, harapan rakyat luar bandar amatlah tinggi untuk mereka menikmati hasil daripada kemerdekaan kita. Sekian, terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti yang saya umumkan tadi, masa kita terlalu suntuk, maka saya minta kementerian menjawab sekarang, dan seboleh mungkin saya minta kalau boleh kementerian menyudahkan jawapan dalam masa 30 minit.

**Tuan Lim Guan Eng:** [Menyampuk]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Saya telah memberi pengumuman dan minta kerjasama. Bukan kerana kita tidak mahu bagi, tetapi masa kita terlalu suntuk. Saya minta kementerian menjawab sekarang. Semalam kita sudah ada .....

**Seorang Ahli:** Mana ada kampung, duduklah!

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sila, Yang Berhormat.

3.48 ptg.

**Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' Haji Annuar bin Haji Musa]:** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh secara terperinci beberapa perkara berhubung dengan peruntukan-peruntukan yang disediakan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Saya rasa amat terharu sekali dengan keprihatinan yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menandakan sikap yang bersungguh-sungguh untuk melihat kemajuan dan pembangunan luar bandar dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Saya akan cuba menjawab kesemua sekali, 10 Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan berbagai-bagai perkara.

Pertama sekali yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kluang mengenai RISDA dan Program Tanam Semula. Sukalah saya menjelaskan sekali lagi bahawa RISDA telah diwujudkan kira-kira 20-30 tahun yang lalu. Pada masa dahulu program tanaman semula RISDA bergantung kepada kutipan ses yang pada ketika itu dianggap mencukupi untuk menampung semua program tanaman semula. Tetapi pada masa ini, kutipan ses telah turun kepada kurang daripada RM70 juta, sedangkan pembiayaan untuk menanam semula meningkat kepada hampir RM300 juta.

Ini bermakna setiap tahun kerajaan terpaksa menyediakan peruntukan subsidi sebanyak kira-kira RM220 juta. Pada fikiran kerajaan adalah tidak sesuai tanaman getah ini dijadikan tanaman dengan kerajaan membayar secara subsidi. Oleh sebab itu, kerajaan tidak mahu memaksa rakyat terus menanam-getah sekiranya tanaman getah didapati tidak commercially viable, dengan izin. Oleh sebab itu, satu kajian semula yang menyeluruh tentang peranan dan masa depan RISDA sedang dijalankan oleh pihak EPU dan juga pihak konsultan untuk menggariskan pendekatan-pendekatan baru yang harus diambil oleh RISDA bagi menentukan peranannya lebih berkesan dan bebanan kewangan kerajaan dapat dikurangkan.

Jadi, sukalah saya menjelaskan bahawa sementara kajian itu selesai, memang RISDA telah diarahkan untuk menjalankan program tanam semula secara berperingkat-peringkat memulakan pendekatan menggunakan sumber-sumber

kewangan lain selain daripada sumber kewangan yang disediakan oleh kerajaan. Saya mengakui peruntukan RM180 juta itu memanglah tidak mencukupi. Tetapi dengan kutipan ses yang ada bagi tahun hadapan, kita ada lebih daripada RM200 juta dan kita menjangkakan kita dapat menjalankan penanaman semula bagi 30,000 hektar seperti mana yang kita jalankan pada masa yang lalu.

Sementara bantuan Tabung Tanam Semula untuk kelapa sawit, seperti mana Yang Berhormat semua maklum, kita tidak ada kutipan ses untuk tanaman semula kelapa sawit. Oleh sebab itu, untuk membantu pada jangka masa yang panjang bagi pekebun-pekebun kecil kelapa sawit, RISDA mengambil inisiatif mewujudkan tabung ini secara sukarela. Jadi, sebenarnya tidak timbul unsur paksaan, tetapi kita ingin menggalakkan mereka yang menyertai tanaman semula yang digantikan daripada getah kepada kelapa sawit, seharusnya mereka menyertai program tabungan khas ini supaya pada masa akan datang mereka tidak menghadapi masalah untuk menjalankan program tanaman semula.

Yang Berhormat dari Kluang juga membangkitkan soal bekalan elektrik dan beberapa projek yang dikemukakan dan yang dikatakan tidak diluluskan. Suka saya maklumkan kepada Yang Berhormat, bagi daerah Kluang, pada tahun ini kerajaan telah meluluskan dua buah projek yang bernilai RM220,000 iaitu bagi Kampung Sri Timor I - tambahan dan sambungan ke Kampung Belukar, Tanjong Kepit Kluang. Bagi baki yang belum diluluskan, kita akan pertimbangkan untuk pelaksanaannya pada tahun 1997 dan berikutnya.

Yang Berhormat tidak perlu bimbang dengan angka RM9 juta yang dikatakan terlalu sedikit, kerana ini hanya merupakan 50% - separuh dari keperluan dan separuh lagi akan disumbangkan oleh Tenaga Nasional, menjadikan jumlah RM18 juta dan selain dari RM18 juta ini, kerajaan sedang merundingkan secara terperinci untuk menerima sumbangan dari IPP yang juga, mulai dari tahun hadapan akan turut mengambil bahagian dengan memberikan jumlah sumbangan yang agak besar, yang akan dipergunakan untuk mempertingkatkan lagi penyediaan bekalan elektrik luar bandar. Jadi, jumlah peruntukan bagi negeri-negeri di Semenanjung di jangka akan mencukupi seperti mana yang telah kita rancangan.

Yang Berhormat dari Jerlun telah membangkitkan beberapa perkara, antaranya termasuklah tentang KEDA. Sukalah saya menjelaskan kepada Yang Berhormat bahawa kita menyambung semula.....

**Tuan Hoo Seong Chang:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, ada yang bangun. Hendak beri jalan?

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:** Saya fikir masa terbatas dan saya cuba hendak menjawab.....

**Tuan Hoo Seong Chang:** Tuan Yang di-Pertua, cuma.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, saya nampak masa terlalu pendek..

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:** Kalau ada masa baki, saya akan beri. Saya hendak pastikan kesepuluh-sepuluh Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan ini, akan diberi penjelasan kepada semua sekali. Bagi KEDA kita sambung kerana kita fikirkan banyak lagi tanggungjawab yang perlu kita selesaikan, termasuklah masalah-masalah rakyat miskin di negeri Kedah. Malah pada pagi ini, dalam mesyuarat Jemaah Menteri, kita telah berbincang dan bersetuju agar peranan KEDA ini diperluaskan, bukan hanya dalam kawasan KEDA, terutamanya bagi program pembasmian kemiskinan dan bagi program jalan-jalan kampung, kerana kita dapati di luar kawasan KEDA, terutama di dalam kawasan MADA, terdapat jalan-jalan pertanian yang tidak sesuai digunakan untuk jalan orang kampung biasa, tetapi telah tidak dapat dilaksanakan pelaksanaan program kerana MADA hanya mempunyai peruntukan bagi jalan-jalan pertanian.

Kita berpendapat jalan dalam kawasan MADA yang sesuai patut juga dinaikkan taraf dan Kabinet bersetuju supaya KEDA memainkan peranan sebagai lead agency untuk meningkatkan jalan kampung dan pembasmian kemiskinan, hatta di luar daripada kawasan KEDA. Ini untuk mempercepatkan lagi pembangunan di negeri Kedah, terutama sekali dalam kawasan Parlimen Yan - sepertimana biasa.

Mengenai PPD Sungai Korok, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Jerlun, sukalah saya menjelaskan bahawa konsep PPD - peruntukan Persekutuan disediakan untuk penyediaan tapak dan prasarana dan bagi input lain,

kita mengharapkan agensi-agensi lain dan kerajaan-kerajaan negeri hendaklah menyelaraskan supaya di pusat-pusat PPD akan wujud pelbagai pembangunan. Jadi, kalau sekiranya masalah yang berkaitan dengan infrastruktur, insya-Allah, kementerian akan pertimbangkan tambahan, sementara itu kita harap kerajaan negeri akan turut menyumbang bagi mempercepatkan proses Pembangunan PPD ini.

Mengenai elaun KEMAS yang tidak seimbang dengan guru agama, saya sukalah menjelaskan bahawa kementerian memang memperjuangkan agar elaun guru-guru KEMAS ini dipertingkatkan dan kita fikirkan amatlah wajar dan Alhamdulillah, ini telah pun sempurna dilaksanakan mulai dari tahun ini. Ini telah menimbulkan ketidakseimbangan dengan elaun guru-guru KAFA, misalnya. Untuk makluman Yang Berhormat, Bahagian Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri, telah pun juga mengemukakan cadangan-cadangan tertentu kepada pihak JPA dan JPA sedang dalam proses menyelaraskan skim gaji pelbagai perkhidmatan, terutamanya bagi pegawai-pegawai kontrak dan insya-Allah, masalah ini akan diatasi tidak berapa lama lagi. Walaupun begitu, harus diingat bahawa guru KAFA ini hanyalah mengajar secara sambilan dan bayarannya hanya berupa elaun, sementara KEMAS adalah bekerja sepenuh masa dan dibayar secara gaji, maka tidak semestinya guru KAFA dan guru KEMAS taraf gajinya dapat disamakan.

Ahli Yang Berhormat dari Muar telah membangkitkan banyak perkara dan saya mengucapkan terima kasih di atas beberapa perkara yang disentuh, terutamanya mengenai usaha kementerian untuk melaksanakan transformasi kedua pembangunan luar bandar yang sememangnya kita tumpukan kepada usaha mewujudkan satu anjakan paradigma yang baru dan memperkenalkan kaedah-kaedah yang baru dalam pembangunan luar bandar, termasuklah program-program pembangunan insan, menggalakkan pertumbuhan industri di luar bandar, meningkatkan kualiti prasarana dan sebagainya.

Walaupun demikian, mengenai cadangan supaya di tiap-tiap kampung yang dipilih sebagai Gerakan Desa Wawasan itu diwujudkan satu balai raya, ini akan dipertimbangkan walaupun kita tidak ada peruntukan untuk dilakukan secara yang segera, tetapi, walaupun balai raya tidak dibina, sukalah saya memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa kementerian bercadang untuk setiap kawasan Parlimen akan diwujudkan sebuah pusat

kegiatan masyarakat yang lebih baik dan lebih besar daripada hanya balai raya dan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, kita harap dapat membina sekurang-kurangnya 50 buah lagi pusat kegiatan masyarakat, yang di dalamnya akan ditempatkan pelbagai aktiviti bagi kemudahan penduduk-penduduk tempatan dan ini akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dan diberikan keutamaan bagi kawasan-kawasan yang belum mempunyai kemudahan-kemudahan yang sedemikian.

Mengenai cadangan supaya di setiap daerah itu ada pegawai pembangunan luar bandar yang berasingan, sukacita saya tegaskan bahawa kita belum dapat menerima cadangan ini kerana kita berpendapat bukanlah soal kekurangan pegawai dan kita tidak perlu kepada pegawai yang khusus kerana pembangunan luar bandar ini mencakup bidang yang luas dan berbagai-bagai dan kementerian menggunakan khidmat daripada pelbagai agensi termasuk pegawai daerah dan sebagainya. Walaupun demikian, kementerian dalam program untuk meningkatkan kecekapan pegawai-pegawai yang sedia ada termasuklah pegawai-pegawai di bawah pelbagai agensi Lembaga Kemajuan Wilayah dan KEMAS sendiri. Tidak semestinya bila ada program baru, kita harus menambah dengan pegawai-pegawai dan kakitangan yang baru, sebaliknya kita boleh melatih kakitangan-kakitangan yang sedia ada untuk dipertingkatkan lagi kecekapan dan pengurusannya.

Mengenai cadangan mewujudkan satu standing committee ataupun satu jawatankuasa kabinet, ini satu cadangan yang boleh kita pertimbangkan, tetapi buat masa ini, seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, kita telah ada pelbagai jawatankuasa penyelarasan di setiap peringkat, daerah dan negeri termasuk dalam soal-soal yang berkaitan dengan pembasmian kemiskinan dan sebagainya, malah jawatankuasa seperti ini bukan sahaja di peringkat nasional, malah pagi ini Jemaah Menteri telah meluluskan cadangan kementerian hatta untuk mewujudkan jawatankuasa kerjasama di peringkat ASEAN di mana buat pertama kalinya mesyuarat menteri-menteri luar bandar ASEAN akan diadakan di Malaysia pada tahun hadapan.

Ahli Yang Berhormat dari Bandau telah membangkitkan banyak perkara, tetapi antara yang saya ingin bangkitkan di sini ialah, di mana saya bersetuju pandangan Yang Berhormat di mana agensi pembangunan luar bandar kebanyakannya adalah terdapat di Semenanjung. Tetapi sebenarnya terdapat banyak agensi kerajaan negeri di Sabah

yang sebenarnya juga memainkan peranan untuk pembangunan luar bandar. Tinggal lagi apa yang perlu di Sabah ialah mewujudkan satu pelan tindakan pembangunan luar bandar yang komprehensif dan dalam hal ini saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan Negeri Sabah kerana telah mengambil beberapa inisiatif yang saya anggap cukup positif. Antara lainnya ialah mewujudkan satu portfolio ataupun mengadakan Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan juga telah pun, baru-baru ini mengambil langkah awal ke arah menggubal satu pelan strategik pembangunan luar bandar dan telah bersetuju dengan cadangan kementerian untuk membawa masuk FELCRA ke Sabah. Dengan adanya usaha-usaha ini, kita percaya pembangunan luar bandar di Sabah akan dapat kita pertingkatkan.

Mengenai janji untuk membolehkan Sabah mencapai tahap 80% bekalan elektrik seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, saya fikir, Yang Berhormat tidak perlu bimbang. Saya dapat memberikan keyakinan bahawa menjelang akhir Rancangan Malaysia Ketujuh, matlamat ini akan dapat dicapai, malah saya telah pun mengambil beberapa langkah tertentu untuk mempercepatkan penyediaan bekalan elektrik di Sabah termasuklah antara lain untuk memperkenalkan kaedah pelaksanaan yang dipercepatkan dan semua pakej pelaksanaan elektrik akan dijalankan secara turn-key dan juga pelaksanaan belakan elektrik dijalankan secara rancangan jangka panjang, tidak lagi dari tahun ke tahun dan peruntukan tahunanannya juga kita tambah setiap tahun apabila kapasiti pelaksanaannya meningkat. Ini adalah untuk memastikan menjelang akhir Rancangan Malaysia Ketujuh tahap 80% itu akan dapat kita capai dan saya yakin ini boleh kita capai.

Selain daripada itu kementerian saya memberikan perhatian yang serius kepada kampung-kampung terpencil yang tertinggal termasuk di Sabah dan Sarawak. Kajian peringkat awal tentang beberapa kaedah termasuk sistem solar dan mini hidro bagi 25 buah kampung di Sabah dan Sarawak telah pun berjalan. Setakat ini kita berpuas hati dengan hasil yang kita capai dan kita berhasrat untuk memperluaskan penggunaan kaedah ini bagi kampung-kampung pedalaman di Sabah dan Sarawak yang didapati tertinggal.

Saya suka menjelaskan bahawa kebimbangan Yang Berhormat tentang jumlah peruntukan dan sebagainya. Saya rasa Yang Berhormat tidak perlu terlalu bimbang malah Sabah dan Sarawak menerima jumlah peruntukan paling tinggi

berbanding dengan semua negeri di Semenanjung, di mana bagi Sabah sebanyak RM397 juta telah diperuntukkan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar sahaja, tidak termasuk yang dibekalkan melalui kementerian-kementerian yang matlamat akhirnya juga sampai ke kawasan-kawasan luar bandar.

Saya memandang serius tentang aduan yang menyatakan ada pelaksanaan projek luar bandar yang tidak dijalankan dengan sempurna atau ada tuntutan-tuntutan bagi projek yang tidak dilaksanakan. Kerajaan tidak akan bertolak-ansur sekiranya benar ada perkara-perkara sedemikian, maka mereka yang terlibat harus melalui proses dan peraturan undang-undang seperti biasa.

Yang Berhormat juga membangkitkan tentang soal PPRT dan pelaksanaan PEBK di kawasan Tandek dan sebagainya. Saya ingin memberikan jaminan perkara-perkara itu saya ambil perhatian yang amat serius. Saya tengok secara keseluruhan Yang Berhormat ini amat prihatin sekali - *a very good M.P. but probably in the wrong team.* [Disampuk]

Yang Berhormat dari Mentakab juga membangkitkan soal berkaitan dengan RISDA, bantuan tanaman semula dan sebagainya. Saya memberi jaminan sekali lagi berhubung dengan peranan RISDA sama sekali tidak menjejaskan kebajikan pekebun kecil. Kita akan pastikan walaupun ada perubahan dari segi kaedah pengurusan. Tujuannya adalah untuk meneruskan usaha membantu pekebun-pekebun kecil dan kita akan pastikan kepentingan pekebun kecil terjamin, walaupun corak pengurusan RISDA akan diperbaiki untuk meningkatkan produktiviti.

Saya suka juga hendak menjelaskan dakwaan mengenai produktiviti dan hasil daripada mini estet RISDA adalah agak rendah dan sebagainya. Kita akui, kita tidak dapat bandingkan dengan sektor estet kerana sektor pekebun kecil kebanyakannya tertumpu kepada tanah-tanah yang marginal, lokasi dan kesesuaian tanah bukan yang terbaik dan pengurusan secara kelompok-kelompok kecil ini memang kurang ekonomik. Tetapi buat masa ini kita agak berpuas hati dengan tahap produktiviti yang kementerian kawal selia dari semasa ke semasa dan kita akan pastikan bahawa keadaan ini diperbaiki.

Yang Berhormat dari Sri Aman ada membangkitkan tentang pelaksanaan Program Gerakan Desa Wawasan (GDW) di Sarawak yang kurang faham dengan konsep dan sebagainya dan

menyeru supaya saya dan pegawai-pegawai turun ke bawah. Sebenarnya ini memang telah menjadi amalan kita, malah baru dua hari yang lepas saya baru balik dari Sarawak dan memang saya baru sahaja berjumpa dengan 400 orang tenaga penggerak pembangunan luar bandar di Sarawak. Saya baru sahaja menghabiskan kuliah tentang apa yang dimaksudkan dengan Gerakan Desa Wawasan pada hari Ahad dan Isnin - dua hari yang lepas. Mengenai cadangan dan pandangan Yang Berhormat itu saya ucapkan terima kasih dan kita mengambil perhatian, insya-Allah.

Tentang Bakti Desa di Sarawak yang belum mendapat sambutan sepenuhnya, saya ambil perhatian tentang perkara ini dan kita akan memperluaskan lagi usaha untuk menggalak lebih banyak syarikat mengambil bahagian dalam Program Bakti Desa. Setakat ini 25 buah syarikat telah pun mendaftar, ini tidak termasuk 7 IPP yang telah pun bersetuju untuk menyumbang program pembangunan luar bandar yang akan dilaksanakan tidak berapa lama lagi.

Saya juga bersetuju dengan teguran Yang Berhormat kemukakan mengenai TBK dan library yang masih dalam keadaan keuzuran. Untuk makluman Yang Berhormat, mulai pada tahun hadapan kementerian menerima peruntukan dan dibenarkan untuk membina TBK yang mana pada dahulunya hanya bergantung kepada bangunan-bangunan yang disediakan oleh komuniti. Mulai tahun hadapan kita akan membina beberapa TBK baru menggunakan pelan yang standard dan juga dijangka akan dapat membaik pulih 400 buah TBK tahun hadapan dengan peruntukan yang telah disediakan.

Kita juga ingin menegaskan bahawa TBK KEMAS akan kekal dalam bentuk TBK komuniti, di mana input daripada masyarakat tempatan diharap dapat memainkan peranan bersama-sama dengan kerajaan. Ramai di kalangan Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan soal masalah keberkesanan penyediaan pelan tindakan atau pelaksanaan Program Prasarana Desa. Sekali lagi saya ingin mengakui bahawa perkara ini adalah benar, pelaksanaan prasarana masih lebih jauh daripada matlamat dan sasaran.

Untuk makluman Yang Berhormat, kita menjangkakan keperluan jalan kampung sahaja sepanjang Rancangan Malaysia Ketujuh ialah sepanjang 21,000 kilometer, sedangkan peruntukan yang disediakan untuk kementerian hanya mampu menyediakan untuk 8,000 kilometer. Ini bermakna di akhir Rancangan Malaysia Ketujuh akan ada

backlog kira-kira 60% daripada keperluan. Oleh itu, kementerian sedang mencari jalan bagaimana masalah ini dapat diatasi. Satu daripada langkah yang akan dijalankan dengan segera ialah kita akan mewujudkan satu pelan tindakan prasarana desa atau satu pelan induk prasarana desa, di mana tidak berapa hari lagi Yang Berhormat semua akan menerima satu format tentang keperluan-keperluan kemudahan prasarana asas di kawasan Yang Berhormat masing-masing. Daripada minggu hadapan, semua pegawai daerah akan ditemui oleh kementerian untuk menerangkan bagaimana penyediaan pelan induk prasarana desa ini yang mencakupi masalah keperluan Rancangan Malaysia Ketujuh bagi bekalan air, jalan, bekalan elektrik, talian telefon dan beberapa kemudahan-kemudahan asas yang lain. Kita berharap dapatlah disiapkan sebelum pertengahan tahun hadapan dan pelan induk prasarana desa ini akan membolehkan kementerian memberikan keutamaan bagi kawasan-kawasan yang lebih mendesak berasaskan jumlah peruntukan yang amat terhad.

Yang Berhormat dari Selangau telah menyebut tentang soal pendidikan prasekolah yang tidak berapa sempurna dan sebagainya. Sukalah saya memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa kerajaan sedang dalam proses menyiapkan satu rancangan baru untuk membolehkan murid-murid di antara umur 6 tahun diserapkan ke sistem prasekolah ataupun diperawalkan kemasukan ke sistem formal, manakala KEMAS akan menumpukan kepada pendidikan prasekolah atau TBK bagi murid-murid berumur 4-5 tahun bagi kawasan-kawasan perlu dan tertentu sahaja. Ini adalah untuk membolehkan mutu pendidikan bagi murid-murid umur 6 tahun dipertingkatkan, kualitinya diperbaiki dan latihan guru-gurunya diselaraskan dengan keperluan seperti mana termaktub dalam Akta Pendidikan yang baru diluluskan dan sedang dilaksanakan sekarang. Sementara itu TBK-TBK KEMAS akan dipertingkatkan mutunya dan syarat minimum bagi guru-guru TBK ditinggikan, semua guru TBK dikehendaki menjalani latihan-latihan yang tertentu bagi memastikan mutu TBK KEMAS dapat dipertingkatkan.

Mengenai tanaman semula getah di Sarawak, Kerajaan Pusat sedia membantu untuk meningkatkan keberkesanan program tanaman semula getah di Sarawak dan ini sebenarnya telah pun dijalankan.

Mengenai teguran Yang Berhormat dari Lubok Antu yang banyak dibincangkan kelmarin, saya

minta maaf kepada Yang Berhormat dari Lubok Antu yang di mana dalam senarai ahli-ahli keluarga PPRT dicatatkan di situ satu orang sahaja di Lubok Antu. Benarlah angka itu tidak tepat, angka itu hanya berdasarkan kepada angka dan senarai yang dipulangkan oleh pegawai-pegawai daerah. Dan kita sendiri pun telah mengagak angka itu tidak munasabah dan kita telah pun membuat *cross-check*, jadi kita dapati yang sebenarnya borang-borang yang diberikan oleh kementerian tidak dikembalikan ke kementerian dan kita akan mendapatkan borang ini sedikit masa lagi. Jadi, tidak berbangkitlah soal Lubok Antu yang ketinggalan dan sebagainya. Kita telah pun mengambil langkah-langkah yang tertentu untuk memastikan kumpulan sasar di kawasan itu diberikan perhatian.

Banyak lagi perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Selangau dan saya ambil perhatian kesemuanya, kerana masa agak terbatas. Saya hendak jawab soalan bagi dua orang lagi Ahli Parlimen iaitu satu dari Tuaran. Yang Berhormat dari Tuaran ada menyebutkan tentang beberapa usaha yang dijalankan oleh kementerian termasuklah untuk menggunakan kaedah-kaedah tertentu bagi membolehkan bekalan elektrik di pedalaman dilaksanakan.

Seperti mana yang telah saya jelaskan tadi, saya ingin memberi penegasan bahawa penggunaan solar, mini hidro dan apa yang kementerian panggil sebagai *hybrid system*, gabungan sistem mini hidro dan penggunaan generator ini telah pun kita terima pakai sebagai kaedah yang sesuai dan semua kaedah ini akan dilaksanakan di kawasan-kawasan yang telah kita kenal pasti.

Mengenai program ubah sikap yang dicadangkan oleh Yang Berhormat, saya ucapkan terima kasih dan memang ini telah dijadikan satu program utama malah kita telah mewujudkan Institut Kemajuan Desa. Satu daripada tanggungjawabnya ialah untuk mempertingkatkan lagi program pembinaan sikap di kalangan pelbagai lapisan masyarakat luar bandar.

Mengenai pemodenan kampung, tentang peruntukan tidak mencukupi dan mengenai penyelewengan projek seperti yang dibangkitkan lebih awal, saya harap Yang Berhormat dapat mengemukakan butir-butir terperinci kepada saya termasuklah dakwaan adanya projek yang tidak dibuat tetapi disahkan oleh pegawai tertentu dan tuntutan dibuat dengan projek sebenar tidak dijalankan. Ini adalah satu perbuatan yang amat

serius dan kita amat kesal kalau sekiranya perkara ini benar-benar berlaku dan saya fikir eloklah Yang Berhormat mengemukakan butir-butir lanjut bagi membolehkan kementerian membuat penyiasatan terhadapnya.

Yang Berhormat dari Tanjong Karang ada membangkitkan juga tentang pendidikan prasekolah yang menggunakan konsep seperti mana kelas dewasa. Sebenarnya ini tidak berapa tepat dan cuma konsep yang dipakai oleh TDK ialah menganggap aktiviti KEMAS sebagai program komuniti. Ini bermakna sebahagian daripada kemudahan disediakan oleh kerajaan, sebahagian lagi disediakan oleh rakyat. Tetapi seperti mana teguran yang dibuat oleh Yang Berhormat, kita fikir adalah benar bahawa tidak di semua tempat bangunan yang baik dapat disediakan, maka oleh sebab itu peruntukan akan diadakan bagi tahun 1997 untuk menyediakan bangunan-bangunan dan memperbaiki bangunan-bangunan lama seperti mana yang dijelaskan terlebih awal.

Mengenai perjawatan guru-guru agama yang tidak diisi, itu adalah hanya sementara sahaja dan insya-Allah, perkara ini akan kita perbaiki dan kita bersetuju supaya Bahagian Pendidikan Agama KEMAS bukan lagi hanya untuk menjalankan pendidikan agama seperti kelas Fardu Ain sahaja tetapi mereka akan dilatih semula di bawah Program Bina Insan supaya mereka dapat menjalankan tanggungjawab dalam skop yang lebih luas.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** [*Bangun*]

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:** Akhir sekali, Yang Berhormat dari Yan telah menyentuh banyak perkara, saya mengucapkan terima kasih. Tentang pandangan mengenai ....

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Pengerusi..... -

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:** .....peringatan kepada kerajaan supaya, .....pendek sahaja.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Terima kasih Dato' Menteri.

Tuan Pengerusi, saya sebenarnya hendak minta Yang Berhormat Dato' Menteri *confirm*'kan, mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tidak membangkitkan masalah FELCRA. Jadi, untuk menjimatkan masa, saya cuma ingin bertanya, bilakah kementerian melalui Jabatannya, FELCRA benar-benar dapat mengisi seluruh tanah yang

dibangunkan kepada peserta-peserta seperti di kawasan Parlimen Jelebu, kita ada lebih kurang 3,000 hektar yang masih belum ada peserta?

Saya difahamkan memang borang itu telah diedarkan dan saya mencadangkan supaya borang yang diedarkan, apa yang dibuat oleh FELCRA Jelebu untuk memberikan borang-borang itu kepada ketua-ketua kampung dan saya sebenarnya tidak bersetuju dengan tindakan yang dibuat oleh FELCRA, walaupun tindakan itu baik untuk melibatkan pemimpin di peringkat kampung tetapi ia telah menimbulkan banyak masalah.

Saya mencadangkan supaya borang-borang ini diedarkan sendiri di pejabat FELCRA, di mana ianya terletak supaya semua pihak yang berminat akan datang ke FELCRA dan FELCRA boleh menyelesaikannya. Dua soalan saya, Dato'. Terima kasih.

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sukalah saya menjelaskan bahawa kesemua sekali terdapat seluas 24,000 hektar tanah setelah dimajukan oleh FELCRA dan penerokanya belum diambil dan ini termasuk di Jelebu dan kementerian telah membuat arahan yang spesifik kepada FELCRA sebulan yang lepas, di mana kesemua tanah ini hendaklah diambil penerokanya dalam tempoh kira-kira 6 bulan daripada sekarang, semuanya hendak diselesaikan dan format jawatankuasa pemilihan di peringkat negeri juga diubahsuai untuk mempercepatkan proses tersebut. Tetapi saya perlu jelaskan kepada Yang Berhormat bahawa kementerian telah membuat ketetapan bahawa keutamaan akan diberikan kepada ahli-ahli PPRT di negeri berkenaan, di mana mereka ini akan diterima secara automatik tetapi tidak dalam bentuk menjadi peneroka tetapi mereka akan diberi dalam bentuk ekuiti dan mereka akan hanya menerima dividen kecuali bagi kawasan-kawasan tertentu sahaja kita akan mengambil secara peneroka.

Kita tidak lagi menggalakkan atau menambah jumlah masyarakat peneroka, kita menggalakkan mereka yang layak ini mencari pekerjaan lain, mendapat pendapatan lain dan tanah-tanah rancangan FELCRA ini memberi income tambahan kepada mereka. Tentang kaedah pemilihan dan sebagainya, saya boleh mengambil perhatian cadangan Yang Berhormat, malah format baru jawatankuasa pemilihan menghendakkan FELCRA mengendalikan sendiri seperti mana cadangan Yang Berhormat dan juga di dalam FELCRA boleh meringkaskan proses itu, tidak perlu membawa

balik kepada Lembaga sebaliknya kita menempatkan sebagai wakil Lembaga dan terus duduk dalam jawatankuasa pemilihan supaya pemilihan di peringkat negeri itu boleh dianggap muktamad, cuma endorsement sahaja nanti akan dibuat oleh Lembaga.

Ini adalah antara cara yang telah kita laksanakan dan kita telah menubuhkan satu jawatankuasa untuk memastikan ini dilaksanakan dengan segera dan kita telah melantik Pengerusi FELCRA untuk mengengerusikan satu jawatankuasa bagi memastikan 24,000 hektar tanah FELCRA yang belum diteroka ini diisi dengan peneroka. Terima kasih, Yang Berhormat.

Berbalik kepada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Yan tadi, tentang peringatan kepada kementerian tentang penswastaan, sukaiah saya jelaskan memang kerajaan sentiasa berhati-hati, kaedah penswastaan ini ada satu garis panduan yang ditetapkan, semua program penswastaan hendaklah dirujuk kepada EPU dan EPU merujuk kepada semua kementerian berkenaan dan kemudian barulah ia diterima atau dilaksanakan.

Walaupun demikian, memang ada kadangkang beberapa kes tertentu tetapi ini tidak bermakna setelah sesuatu projek itu diswastakan, kerajaan berlepas tangan malah kerajaan bersedia, malah telah ada beberapa kes di mana kerajaan memanggil semula pihak-pihak swasta seperti mana yang dilakukan terhadap IWK ataupun dengan PLUS dan banyak lagi syarikat swasta yang lain, apabila kerajaan mendapati perlu ada syarat-syarat baru bagi melindungi kepentingan pengguna.

Begitu juga dengan penswastaan IPP misalnya, bila kerajaan berpendapat mereka perlu menyumbangkan lebih lagi, maka kerajaan merunding semula dan alhamdulillah, sebenarnya setakat ini syarikat-syarikat swasta yang mengambil bahagian di bawah program penswastaan kerajaan amat prihatin dan tidak banyak menimbulkan masalah apabila kita merundingkan sesuatu perkara. Ini satu petanda yang baik.

Mengenai dengan masalah pekebun kecil, payah hendak membuat pinjaman apabila RISDA menggunakan sumber-sumber kewangan daripada bank. Ini memang kita sedar, Yang Berhormat, dan saya telah memberi arahan kepada RISDA bahawa yang meminjam itu tidak perlu kepada orang kampung, yang akan meminjam nanti adalah RISDA, meminjam secara kelompok, yang perlu bagi pekebun-pekebun kecil hanya mengambil

bahagian dalam tanam semula di bawah program Mini Estet ala RISDA atau dipanggil sebagai EKAR.

Segala pinjaman akan diuruskan oleh RISDA dan pinjaman ini akan disalurkan kepada para peserta dan mereka hanya membayar balik setelah hasil pulangan diperolehi kelak. Jadi, cara ini langsung tidak akan membebankan dan tidak akan menyulitkan para peserta program tanaman semula RISDA di bawah kaedah yang baru.

Mengenai pelaksanaan program PPRT dan minta wakil rakyat duduk sama, ini telah pun diambil tindakan dan kita telah maklumkan kepada semua Pengerusi Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan Daerah di mana adalah diwajibkan kepada mereka menjemput wakil-wakil rakyat untuk turut berbincang sama tentang pelaksanaan program PPRT ini.

Mengenai pelaksanaan jalan kampung saya telah huraikan tadi, kita akan ada short-falls sebanyak 60% dan kita bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat untuk meninjau kemungkinan syarikat-syarikat swasta turut memberikan sumbangan tetapi kita laksanakan ini berperingkat-peringkat, nampaknya bagi IPP mereka sudah bersetuju, pihak swasta yang lain juga dalam bidang yang lain sudah bersetuju dan bila sampai masanya, kalau sekiranya didapati sesuai, kita akan cuba mengundang pihak-pihak swasta yang lain untuk turut mengambil bahagian dalam program peningkatan jalan-jalan kampung.

Bagi pemodenan desa dan cadangan Yang Berhormat supaya syarikat-syarikat mengambil kampung-kampung sebagai kampung angkat, sebenarnya ini juga sudah ada di bawah program Bakti Desa, tetapi setakat ini baru hanya 25 syarikat yang telah pun berhubung dengan kementerian dan sedang dilaksanakan secara berperingkat-peringkat.

Kementerian memang mengalu-alukan kalau ada syarikat-syarikat yang bersedia untuk memainkan peranan dalam memajukan sektor luar bandar. Setakat ini 25 syarikat sedang menjalankan berbagai-bagai jenis program pembangunan kampung-dan ini akan ditambah pula dengan 7 syarikat IPP yang akan terlibat secara langsung dengan pemodenan sektor luar bandar.

Mengenai cadangan supaya saya menulis surat, untuk makluman Yang Berhormat, saya sudah mengeluarkan kira-kira 150 keping surat kepada 150 syarikat, walaupun jawapan yang kembali itu hanya kira-kira 30% sahaja, tetapi saya percaya ini

akan lebih berjaya kalau Yang Berhormat sendiri pun menulis surat sama.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Boleh tak saya hendak mencadangkan supaya kementerian memberi cadangan kepada Kementerian Kewangan untuk mengecualikan cukai kepada syarikat-syarikat yang melaburkan wang itu untuk memodenkan kampung-kampung? Jadi, bagi insentif pada mereka dengan dikecualikan dari cukai pendapatan?

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:** Tuan Pengerusi, saya ingat mungkin Yang Berhormat terlupa. Sebenarnya, di dalam Belanjawan tahun sudah, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah pun mengumumkan memang bantuan untuk ini telah pun diberi pengecualian cukai dan semua syarikat yang menyertai program Bakti Desa semua sumbangannya memang dikecualikan cukai. Jadi, polisi itu memang sudah ada dan diluluskan dalam Parlimen ini juga. Sebab banyak masalah rakyat dia jaga, dia terlupa.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, mintalah supaya gulungkan ucapan, ya.

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:** Dan akhir sekali, mengenai AIM. Seperti mana yang telah saya maklumkan bahawa AIM dengan peruntukan RM200 juta, kita telah tetapkan matlamat 20,000 keluarga dalam masa 4 tahun yang akan datang dan insya-Allah, pada pagi ini juga, Yang Berhormat Menteri telah membuat ketetapan supaya AIM membuat laporan secara terus atau direct kepada kementerian tiap-tiap 3 bulan tentang kemajuan mereka dan seorang pegawai AIM akan ditempatkan di kementerian supaya semua projek terselaraskan dan bersepadu dan tidak bertindih-tindih dan kementerian juga akan memastikan pada tahun ini sebanyak RM28 juta telah diluluskan kepada AIM untuk program mereka dan insya-Allah, pada tahun hadapan kita akan luluskan sebanyak RM40 juta lagi kepada AIM untuk menjalankan berbagai-bagai program pembasmian kemiskinan.

Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada semua perkara-perkara yang dibangkitkan dan saya akan memberi perhatian kepada pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat semua.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM380,035,500 untuk Maksud B.48 di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar jadi

sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM380,035,500 untuk Maksud B.48 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,147,079,370 untuk Maksud P.48 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1997 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,147,079,370 untuk Maksud P.48 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1997.

**Maksud B.49 [Jadual] -  
Maksud P.49 [Anggaran Pembangunan, 1997]**

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B.49 dan Kepala Pembangunan P.49 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos terbuka untuk dibahas. Ya, Rompin.

4.24 ptg.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyokong Perbelanjaan Bekalan B.49 dan P.49, khususnya Butiran 020000 - Kawalselia Elektrik dan Gas; Butiran 050500 - Perluasan Skop Stesen Pengawasan; dan juga di bawah Maksud P.49, Program/Aktiviti 00100 - Program Kecekapan Tenaga sekali gus.

Tuan Pengerusi, kita menyokong usaha kerajaan melalui kementerian untuk meningkatkan lagi kecekapan elektrik/kuasa. Oleh kerana itulah kita perlu dalam kita membuka pihak swasta untuk memasuki elektrik kuasa, tetapi kita perlu satu badan yang kukuh untuk mengawal selia perjalanan sektor elektrik kuasa ini khususnya dalam tahun-tahun yang lalu di mana kita amat berkurangan penjana tenaga, kita telah membuka sektor kuasa ini dan kerajaan telah menjemput pihak-pihak swasta untuk memasuki bidang penjana atau dipanggil IPP dan kita buka dengan luas.

Oleh kerana itu banyak modal baru dalam masyarakat di sektor swasta memasuki sektor elektrik/kuasa. Namun demikian, kebimbangan yang kita lihat baru-baru ini apabila kita membuka dengan luas sektor kuasa ini, kita amat bimbang dengan keadaan pasaran itu sendiri, khususnya pemain yang terbesar iaitu Tenaga Nasional.

Kita tahu bahawa dari segi sejarahnya, TNB ataupun sebelum itu Lembaga Letrik Negara memainkan peranan yang amat penting dalam negara kita. Kita dengar mereka telah melibatkan program vendor dan ramai pemborong dan pengilang negara, termasuk bumiputera dan bukan bumiputera ada mendapat manfaat daripadanya. Kita juga telah mendengar banyak juga diusahakan dari segi latihan.

Tuan Pengerusi, boleh dikatakan dari 10 jurutera elektrik di negara ini enam atau tujuh orang semuanya mendapat biasiswa daripada Tenaga Nasional ataupun Lembaga Letrik Negara. Oleh kerana itulah kita melihat dari segi pembangunan sektor kuasa ini, saya minta Jabatan Kawalselia ini apabila kita hendak membuka pasaran tenaga dengan membawa sektor players atau pemain-pemain sektor swasta di dalam sektor kuasa ini, kita mestilah membuka sektor elektrik/kuasa ini dengan cara pendekatan atau "pace" kita yang tersendiri. Kita jangan terikut-ikut dengan negara luar.

Kalau kita hendak membuka pasaran di negara kita, di dalam elektrik/kuasa ini, kita membawa pemain-pemain swasta yang lain, kita jangan pula menganiaya institusi dan syarikat besar yang ada seperti Tenaga Nasional. Kita mestilah mengesyorkan, bila kita liberalised sektor elektrik/kuasa ini, ia mestilah pada kadar kita ala Malaysia. Kita jangan mengikut, kita dengar dan lihat negara lain membuka sektor elektrik kuasa, kita buka luas-luas dan apa yang ada serta apa yang dikendong yang berjaya, Tenaga Nasional akan teraniaya. Kita bimbang. Kita tidak menolak bahawa peranan sektor swasta itu penting, tetapi kita mestilah melonggarkannya kepada keadaan atau "pace" kepada tempoh yang sesuai dengan kehendak kita sendiri.

Kita lihat juga di negara timur seperti Jepun, kita masih lagi ada syarikat yang besar seperti Tenaga Nasional yang tetap memonopoli sektor kuasa. Di Korea dan di Taiwan begitu juga. Di negara Barat sendiri, di Perancis dan Itali juga ada satu syarikat yang besar yang memonopoli sektor elektrik kuasa.

Saya tidak mengatakan bahawa kita mesti kekal dan seterusnya mencontohi mereka, tetapi kalau kita hendak buka pun, kita mesti buka dengan satu tempoh atau satu kadar (pace) yang benar-benar menyesuaikan diri kita di negara ini.

Tuan Pengerusi, kita mendengar baru-baru ini, dalam *Business Times* pun ada, tarikhnya hari

Selasa, 3hb. Disember 1996, "*Tenaga Blazing New Trails Abroad*". Kita mengucapkan syabas kepada pengurusan Tenaga Nasional yang baru yang diketuai oleh Datuk Dr. Tajuddin, berasal dari SIRIM. Dahulu kita pernah dengar dan kita melihat di mana satu kemajuan yang baik SIRIM dengan diketuai oleh beliau dan kita menghendakkan supaya kepimpinan beliau di Tenaga Nasional nanti akan juga membawa satu tahap yang tinggi kepada Tenaga Nasional.

Macam saham, kalau dahulunya saham Tenaga Nasional harganya lebih kurang Telekom sahaja tetapi sekarang ini harganya rendah dibandingkan dengan Telekom. Kita hendakkan supaya masyarakat akan terus memberikan kepercayaan kepada Tenaga Nasional supaya ramai pemegang saham daripada rakyat jelata termasuk DAP pun ada juga pemegang saham TNB. Ada? Tidak ada? Sudah jual? [Ditujukan kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong] Sebab kena bayar yuran guamankah? [Ketawa]

Dan kalau kita lihat dari segi prestasi pun, kita nampak kalau tahun 1993, satu hari gangguannya 1,000 satu hari, sekarang sudah kurang kepada 300 walaupun dari segi bebannya bertambah 50%, itu kita nampak sudah ada prestasinya. Apa yang kita harapkan supaya kerajaan dalam membuka pasaran sektor kuasa, Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri, tolonglah, jangan - not the expand of Tenagalah. Sebab saya merasakan bahawa kita perlu berikan satu peranan yang khas kepada mereka, misalnya kalau dahulu projek luar bandar, semuanya dipikul oleh Tenaga Nasional, latihan, seperti saya kata, dipikul oleh Tenaga Nasional. Saya mengesyor juga IPP bukan sekadar kita meminta mereka hanya untuk membantu projek luar bandar seperti yang disebut oleh Menteri Luar Bandar baru tadi, namun demikian kita minta juga supaya beban tanggungjawab sosial itu yang dipikul oleh TNB kita *quantify*'kan dan janganlah hanya beban sosial ini dipikul oleh TNB sahaja.

Kalau TNB ini dibiarkan monopoli sektor kuasa, wajarlah kita membiarkan mereka memikul tanggungjawab sosial ini, tanggungjawab membangunkan pemborong, tanggungjawab memborongkan pengilang, tanggungjawab melatih jurutera-jurutera kita, macam kita dengar. Kalau Tenaga Nasional - saya difahamkan akan membuka satu universiti, apa pula kerja dia? Kerja dia menjana, kerja dia memberi, menghantar tenaga elektrik tetapi sekarang diberikan tugas dan tanggungjawab untuk melatih, membimbing.

Mungkin IPP yang lain juga, mengapa mereka juga tidak memikul tugas yang sama? Janganlah dibiarkan hanya kepada Tenaga Nasional sahaja dibeban dengan perkara-perkara yang tidak ada kena-mengena dengan perniagaan mereka.

Tuan Pengerusi, kita mengucapkan syabas kepada Tenaga Nasional. Baru-baru ini kita dengar dia hendak pergi kepada pelaburan ke luar negeri pun ada. Kalau hanya yang besar, kalaulah Tenaga Nasional nanti akan teraniaya terjejas jadi kecil, tidak lagi kukuh dan kuat, bagaimana ia boleh pergi ke luar negeri untuk melabur dalam bidang sektor swasta. Sebab itu, kita dengar dia ada buat melabur di Pakistan.

**Tuan Pengerusi:** Minta Yang Berhormat gulung ya.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Berapa lama, Tuan Pengerusi. 10 minit. Saya gulung ya.

**Tuan Pengerusi:** Ya, ya.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Terima kasih. Dan saya lihat juga bahawa dalam akhbar, dia hendak mempelbagaikan aktiviti. Kita pun mengucapkan syabas, kita dengar juga bahawa dari segi komitmen, dari segi azam yang baru kita lihat dalam pengurusan TNB pun amat meningkat dan kita ucapkan syabaslah kepada mereka supaya benar-benar TNB dan juga nanti sektor swasta itu sendiri - dan sebagai menggulung, Tuan Pengerusi - bila kita membuka sektor-sektor kuasa ini, bukan sahaja kita hendak membangunkan sektor kuasa dengan membawa pemain-pemain baru tetapi yang paling penting dalam ulasan saya pada hari ini, janganlah yang ada yang dalam terkendong itu yang baik itu jadi lemah, terancam dan teraniaya.

Saya mohon menyokong, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Tanjong.

4.34 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]:** Tuan Yang di-Pertua, Butiran 020000. Tuan Pengerusi, DAP memandang sangat 'concern' mengenai pendirian kerajaan dan telah berubah tanpa memastikan bahawa IPP merunding semula PPA mereka memandangkan setengah dari mereka telah mengenakan kadar yang tersangat tinggi dengan kadar-kadar yang tidak adil ke atas tenaga yang dijana dan dijual kepada TNB di mana penggunalah yang merupakan mangsa terakhir.

Dalam ucapan pada 25 Oktober 1996, Yang Berhormat Menteri Kewangan ada berkata, saya petik, "Rancangan penswastaan ini pasti gagal seandainya peluang penswastaan dikerah secara kongkalikong atau persekongkolan. Gesaan Perdana Menteri umpamanya, supaya penjanakuasa elektrik persendirian (IPP) menyeragamkan kadar bayaran supaya tidak membebaskan Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan pihak pengguna perlu diberi perhatian segera".

Tuan Pengerusi, mengikut satu laporan hari Jumaat lepas, IPP telah mengemukakan beberapa cadangan kepada kementerian ini mengenai cara bagaimana mereka boleh memikul tanggungjawab sosial bersama-sama dengan TNB dengan membekalkan elektrik ke kawasan-kawasan luar bandar untuk meringankan beban TNB.

Dua hari yang lepas, Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan bahawa kesemua IPP ini akan dikehendaki menyumbang kepada tabung elektrifikasi kawasan luar bandar dan sumbangan-sumbangan mereka ini akan berjumlah beberapa juta ringgit setiap satunya. Dan dalam ucapan Belanjawan beliau, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah meminta IPP melakukan dua perkara.

Pertama, menyelaraskan kadar-kadar mereka supaya adil kepada pengguna. Kadar IPP ini kini berbeza dengan Genting Sanyen Power Sdn. Bhd. Mengenakan 11.8 sen seunit, manakala YTL Power Generation Sdn. Bhd. pula mengenakan 15.5 sen seunit; dan kedua, memikul tanggungjawab sosial dengan mengelektrikkan kawasan luar bandar supaya adil terhadap TNB. Nampaknya IPP ini dengan mudahnya dapat melepaskan dari tugas mereka yang pertama iaitu menyelaraskan kadar-kadar elektrik kepada TNB dan hanya perlu menyumbangkan beberapa juta ringgit setiap satunya untuk membantu mengelektrikkan kawasan-kawasan luar bandar, sungguhpun saya difahamkan bahawa dalam lesen IPP terbaharu yang dikeluarkan kepada Automan untuk pembinaan stesen kuasa 1,200 megawatt di Yan, Kedah, kos unit elektrik adalah hanya 11.3 sen sahaja.

Sumbangan sebanyak beberapa juta ringgit daripada setiap IPP merupakan jumlah yang kecil sahaja kerana TNB dilaporkan telah membayar sejumlah RM2.26 bilion untuk pembelian elektrik dari IPP ini iaitu dua kali ganda apa yang dibayarkan dalam tahun sebelum itu sebanyak RM1.065 bilion. Sekiranya IPP ini dikehendaki

mengurangkan kadar-kadar penjualan elektrik kepada TNB yang begitu tinggi, melampau, memandangkan kos penjanaan elektrik adalah jauh di bawah 10 sen seunit, maka sejumlah yang besar tentu dapat dijimatkan dan ini bukan sahaja dapat digunakan untuk mengelektrikkan kawasan-kawasan luar bandar, malah dapat mengurangkan beban para pengguna.

Sebagai contoh, sekiranya kos purata kadar-kadar IPP ini dikurang sesen seunit berdasarkan RM2.26 bilion yang dibayar oleh TNB kepada IPP tahun ini, maka ini akan bermakna penjimatan sebanyak RM135 juta - bandingkanlah angka ini dengan beberapa juta yang dikehendaki dibayar oleh IPP untuk mengelektrikkan kawasan luar bandar. Pada hakikatnya, saya difahamkan bahawa ada syarikat-syarikat yang sanggup menjana dan menjual elektrik kepada TNB kepada kadar kurang daripada 10 sen seunit dan kerajaan seharusnya mengambil kesempatan ini dengan baik sekiranya tender terbuka pernah dilakukan. Untuk mengundang tawaran-tawaran dari pihak awam dan menandatangani IPP dengan mereka dan dapat menawarkan harga seunit yang paling rendah dan bukannya untuk mengadakan urus niaga IPP secara sulit dengan syarikat-syarikat yang terpilih.

Sekiranya kesemua IPP dikehendaki mengenakan kadar kurang dari sesen seunit daripada 10 sen seunit elektrik dijana mereka dan dijual kepada TNB, penjimatan setinggi beratus juta ringgit semestinya bukan masalah. Saya menyeru supaya kerajaan berpendirian tegas dalam permintaan supaya IPP ini melaksanakan dua tugas berkenaan iaitu untuk menyelaraskan kadar elektrik mereka untuk dijual kepada TNB supaya adil terhadap para pengguna dan menunaikan tanggungjawab sosial mereka dengan menyumbang ke tabung pengektrikan kawasan luar bandar.

Sehubungan dengan ini saya ingin bertanya mengapa TNB tidak bersedia mengeluarkan satu buletin harian mengenai gangguan bekalan elektrik. Senaraikan kawasan, masa dan sebab bagi gangguan-gangguan ini demi menonjolkan sikap akauntabiliti kepada para pengguna terhadap sebarang pemutusan bekalan elektrik. Apakah pula keputusan kajian pakar-pakar British dalam pemutusan bekalan elektrik di seluruh Semenanjung Malaysia? Dan mengapakah TNB tidak bersedia untuk mencapai piawai kualiti ISO 9000 terutama sekali memandangkan Pegawai

Eksekutif Utamanya Dato' Dr. Ahmad Tajuddin pernah memikul tanggungjawab SIRIM untuk 'popularise'kan piawai kualiti ISO 9000 di semua sektor di Malaysia?

Sungguhpun telah mendapat publisiti-publisiti yang positif dalam bulan-bulan kebelakangan ini, namun TNB tidak berupaya memastikan bekalan elektriknya adalah stabil. Ini dapat dibuktikan oleh beberapa kes gangguan bekalan elektrik yang berlaku di Kuala Lumpur baru-baru ini, termasuk di Parlimen.

Saya difahamkan bahawa TNB akan meminta supaya kerajaan meluluskan tarif elektrik yang baru tahun depan dan saya ingin menyeru kerajaan supaya menolak permintaan ini terutama sekali sebelum TNB dapat membuktikan kualiti perkhidmatannya dengan mengurangkan kadar gangguan bekalan elektrik yang begitu tinggi kini serta ketidakupayaan untuk meminta IPP mengurangkan harga jualan elektrik mereka kepada TNB demi meringankan beban para pengguna.

Sehubungan ini, saya ingin bertanya sama ada kerajaan ada sebarang rancangan untuk 'divest further' atau mengurangkan pemegangan sahamnya di dalam TNB yang kini setinggi 77% dan apakah rancangan atas isu ini?

Dalam bulan Oktober, saya telah merujuk kepada satu laporan dari Jawatankuasa Audit, Lembaga Tenaga Nasional yang menyiasat salah pengurusan serta penyelewengan kuasa dalam TNB, antaranya termasuklah satu kes pemberian kontrak pembalakan dalam air di Empangan Temenggor, Perak yang melibatkan salah laku. Kontrak berkenaan membolehkan Affcom Timber Sdn. Bhd. membalak hutan seluas 8,000 hektar yang tenggelam di bawah empangan berkenaan yang bernilai lebih kurang RM300 juta sungguhpun syarikat berkenaan belum didaftarkan semasa ditawarkan tender berkenaan.

Saya belum menerima sebarang jawapan mengenai hasil siasatan Badan Pencegah Rasuah ke atas isu yang disebutkan tadi dan saya berharap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberikan satu laporan mengenai kes ini, termasuklah hasil siasatan BPR serta sama ada tender baru ada dilakukan?

Dua hari yang lepas, Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ada menyatakan di Parlimen bahawa kini Jaring mempunyai lebih dari 50,000 pelanggan Internet. Angka ini sungguh memeranjatkan kerana pada hujung tahun lepas,

jumlah pelanggan Jaring adalah sebanyak 15,000 orang dan kadar pertumbuhan masa itu adalah 22% sebulan dan MIMOS telah menjangkakan bahawa pelanggan Jaring akan mencapai angka 150,000 pada akhir tahun ini.

Bagaimanapun, memandangkan pertambahan pelanggan Jaring untuk 11 bulan pertama tahun ini, hanya dari 15,000 ke 50,000, ini bermakna bahawa kadar pertambahan pelanggan Jaring telah jatuh dari 22% sebulan kepada 11% sebulan yang mesti dilihat sebagai satu 'setback' besar terhadap usaha teknologi maklumat di negara ini sungguhpun kini telah muncul pembekal Access Internet kedua, TM-net yang mula berkhidmat dalam bulan November.

Saya bersetuju bahawa pertumbuhan setinggi 22% sebulan untuk pelanggan Internet dalam tahun 1995 adalah *exponential* yang akan stabil di satu titik, tetapi bukanlah masa ini di mana negara kita belum lagi mencapai peringkat *take-off* penggunaan Internet sepenuhnya.

Saya tidak meragui bahawa salah satu sebab yang menyebabkan penurunan begitu ketara dalam kadar pertambahan pelanggan Internet di Malaysia adalah kerana kos bil telefon yang tinggi. Di sini saya ingin menyeru supaya kerajaan mencari jalan penyelesaian yang bertujuan meletakkan negara kita dalam baris depan dalam segi pengguna Internet per kapita.

Di sini saya juga menyeru supaya kementerian berkenaan mengambil inisiatif untuk memujuk syarikat-syarikat telekomunikasi di Malaysia menunaikan tanggungjawab sosial mereka dengan membekalkan kelengkapan Internet percuma kepada semua sekolah.

Di United Kingdom, telah dianggarkan bahawa pada akhir dekad ini, lebih kurang tiga suku dari jumlah sekolahnya akan mendapat sambungan kabel yang percuma dari syarikat-syarikat kabel dan tidak ada sebarang sebab yang menghalang syarikat-syarikat telekomunikasi di Malaysia untuk ketinggalan dalam segi ini di belakang syarikat-syarikat telekomunikasi di UK dalam segi menunaikan tanggungjawab serta komitmen sosial mereka.

Saya merasa terperanjat dengan pengumuman yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri bulan lepas mengenai penubuhan sebuah Majlis Telekomunikasi Kebangsaan dengan jumlah ahli seramai 18 orang yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tugas penggubalan

#### Dasar Telekomunikasi Kebangsaan.

Ini adalah kerana negara kita telah pun wujud sebuah Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan atau NITC yang juga dipengerusikan oleh Perdana Menteri sendiri. Dan penubuhan satu lagi Majlis Telekomunikasi Kebangsaan nampaknya telah berlebihan ataupun hanya merupakan cara-cara kementerian-kementerian atau agensi-agensi kerajaan merebut kawasan atau *battle over turf*.

Penubuhan Majlis Telekomunikasi Kebangsaan nampaknya cuba membalikkan perkembangan era digital, tidak menghiraukan 'convergence' teknologi telekomunikasi, penyiaran dan maklumat di mana komputer akan menjadi aplikasi yang mencantumkan fungsi-fungsi telefon, komputer, TV dan lain-lain lagi yang membawa cabaran baru ke atas cara masyarakat kita beroperasi serta struktur kerajaan.

Inilah juga sebabnya mengapa di sesetengah negara yang bermatlamat untuk mengambil kesempatan penuh era digital ini, seperti Korea Selatan yang sudah mengubah struktur-struktur kementerian-kementerian mereka di mana satu kementerian maklumat dan komunikasi atau Ministry of Information and Communications telah dibentuk untuk membangunkan serta melaksanakan strategi-strategi jangka panjang untuk industri *infocommunications* di Korea Selatan.

Akhirnya, saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri mengenai Bakun. Bahagian IV mengenai EIA Bakun belum dilulus, tetapi ini mengenai *undersea cable, summering cable* yang perlu dilulus dibawa melalui continental shelf Indonesia ialah Natuna Economic Exclusive Zone. Saya hendak bertanya sama ada pihak Indonesia sudah beri persetujuan yang sepenuhnya untuk *summering cable* itu untuk dibuat melalui *Indonesian Archipelagic Zone* itu. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Jerantut.

4.46 ptg.

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria [Jerantut]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin membahaskan Butiran 030000 - Kawalselia Telekom, Kod 20000 dan Butiran 020000 - Kawalselia Elektrik dan Gas, Kod 20000 juga.

Tuan Pengerusi, di dalam Dewan yang mulia ini saya telah membawa perkara-perkara yang menyentuh dari segi kawasan saya, oleh kerana kawasan saya di sebelah kawasan hulu sedikit. Jadi,

saya dapati bahawa apa yang telah saya suarakan di dalam Dewan yang mulia ini untuk beberapa kali tidak diambil tindakan oleh mereka yang terlibat, khususnya dari segi Telekom dan TNB.

Saya telah membawa perkara-perkara seperti mewujudkan sistem telekomunikasi di kampung-kampung tradisional yang jauh di batang Sungai Tembeling yang mana sekiranya ada berlaku apa jua bencana, mahupun dalam keadaan darurat (emergency), pihak penduduk di kampung-kampung tersebut tidak dapat menghubungi sama ada hospital ataupun balai polis dan sebagainya. Kita ada *country set* yang boleh menghubungkan kampung-kampung terpencil dengan bandar Jerantut atau bandar-bandar yang lain.

Jadi, saya memohon agar pihak STM khususnya dapat menyediakan perkhidmatan ini oleh kerana ianya amat diperlukan. Boleh jadi STM tidak berapa prihatin kepada masalah orang-orang kampung oleh kerana keuntungan yang didapati daripada perkhidmatan atau servis yang diberikan tidaklah selumayan seperti apa yang didapati di bandar-bandar, tetapi mereka ini pun rakyat Malaysia juga. Dan saya rasa mereka juga amat memerlukan perkhidmatan daripada STM ini. Saya berharap kampung-kampung ini, saya beri contoh seperti Pasir Durian, Kampung Chebong, Hulu Retang, beberapa kampung di Hulu Tembeling. Saya harap STM dapat berikan perkhidmatan ini, oleh kerana pada saya, yang pertama, dibelenggui oleh kemiskinan. Kedua, dari segi komunikasi dengan dunia luar tidak ada. Oleh kerana dari segi jalan raya kita tidak ada, baru hendak buat, hanya berkomunikasi melalui sungai. Kalau ada telefon, saya rasa paling kurang pun kita dapat kiranya bertanya khabar ataupun memberitahu kepada pihak berkuasa berkenaan dengan perkara-perkara yang berlaku, kemalangan yang berlaku di kampung-kampung ini.

Jadi, saya minta kepada pihak STM supaya ketepikan *this bottom line syndrome* bagi kawasan itu. Kita pergi kepada perkhidmatan khusus untuk memberikan sedikit sebanyak keselesaan kepada orang-orang kampung.

Kedua, Tuan Pengerusi, dari segi perkhidmatan telefon bimbit atau handphone ini. Saya dapati bahawa syarikat telefon bimbit ini sama ada '019' ataupun '010' ataupun lain-lain pembekal perkhidmatan telefon bimbit ini dia caj *access fee*

RM60. Yang sebenarnya ini bukan '*access fee*' - 'a-c-c-e-s-s', tetapi ini '*excess fee*' - 'e-x-c-e-s-s'. Oleh kerana dia kata perkhidmatannya di seluruh negara atau paling kurang pun di bandar-bandar besar atau bandar-bandar utama dalam negara, tetapi apabila kita pergi daripada satu bandar kepada satu bandar yang lain, khususnya macam negeri Pahang, kita dapati macam '019' di Bentong ada, Karak tak ada; dalam kawasan Mentakab ada, di Jerantut tidak ada, kurang; kalau 1 km, 2 km daripada Jerantut pun sudah tidak ada.

Macam mana kiranya kerajaan benarkan syarikat-syarikat telefon ini, caj *excess fee* ini, e-x-c-e-s-s, oleh kerana dia bukan *nationwide*? Saya rasa kita kena ada satu formula yang lain, di mana kalau kita dapati bahawa ada 50 bandar dalam negara kita, dalam bandar utama, boleh jadi lebih daripada 10,000 ataupun lebih daripada 50,000 orang penduduk. Kalau dia diberikan perkhidmatan dia kepada 30, makna dia diberi kebenaran untuk caj *excess fee* 30/50, makna  $60\% \times RM60.00$ , maknanya RM36.00 sahaja. Jangan beri dia caj RM60.00. Sebab saya rasa, saya pernah terbaca dalam surat khabar mengatakan Pengerusi Eksekutif TRI, dia kata we have 500,000 dengan izin, Tuan Pengerusi, 500,000 pelanggan dalam tahun 1996 saya rasa, x dengan RM60.00 = RM300 juta. *Than what it is?* dia tanya.

Apa jenis income. Income datang oleh kerana dia caj fee yang tidak bermakna. Ada setengah masa dapat, ada setengah masa tidak dapat. Ada kadangkala kita tengah bercakap, line putus. Ada kadangkala kita bercakap, orang lain masuk ke telefon kita. Saya berharap kita kena kaji balik formula ini. Bagi mereka yang betul-betul memberikan perkhidmatan, boleh jadi macam 011, saya rasa kita boleh caj. Tetapi yang lain, yang hanya kiranya macam 012 Maxis, tidak ada. Mengapa kita hendak beri dia kemudahan hendak caj RM60.00. RM20.00 cukuplah, oleh kerana dalam Kuala Lumpur ada bandar-bandar utama sahaja. Kepada saya, tidak nampak rasional dari segi hendak memberikan mereka kemudahan dari segi caj RM60.00.

Yang ketiganya, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan - saya sudah bawa perkara ini, dan Yang Berhormat Timbalan Menteri pun sudah tahu. Oleh kerana kita pernah satu kementerian dahulu, berkenaan dengan pembekalan tenaga elektrik kepada sebuah kampung, yang saya bawa sejak tahun dahulu lagi di Jerantut. Kampung Muhibbah yang saya kata sekarang ini mempunyai 40 orang

keluarga daripada keturunan India dan 10 orang keluarga daripada keturunan Melayu. Ini sudah dua kali, iaitu Hari Raya dan juga Deepavali bergelap. Tiap-tiap kali sebelum seminggu sebelum Hari Raya ataupun Deepavali, dia datang ke rumah saya untuk bertanya sama ada bekalan elektrik ini dapat disambungkan semula sebelum Deepavali ini; Deepavali tahun 1995 dan Deepavali 1996.

Saya tidak ada jawapan. Yang saya pelik ialah mengapakah squatters ataupun setinggan di Kuala Lumpur ini diberikan bekalan elektrik, air dan juga telefon, walhal orang Malaysia sendiri, rakyat Malaysia sendiri yang duduk hanya 1 kilometer, 2 kilometer daripada bandar Jerantut, tetapi keadaan tanah dia tidak mengizinkan diberikan bekalan elektrik, walhal setinggan kita bagi. Kita tidak hendak jadi kiranya 'kera di hutan disusukan, anak di rumah mati kelaparan'. Saya berharap kepada TNB memikirkan masalah ini. Sekali lagi saya memohon kepada mereka supaya mengetepikan bottom line sindrom ini, bagilah perkhidmatan kepada orang yang memerlukan. Ini pada saya amat penting supaya tahun 1997 apabila ada Hari Raya Puasa, adanya Hari Raya Haji dan juga Deepavali, wakil-wakil rakyat macam saya sebagai Ahli Parlimen juga Ahli Dewan Undangan Negeri tidak didatangi oleh mereka ini untuk meminta bekalan elektrik. Jadi,....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria:** Saya pun akhiri dengan ucapan terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Batu Gajah, sila

4.55 ptg.

**Tuan Yeong Chee Wah [Batu Gajah]:** Terima kasih kepada Tuan Pengerusi, di atas peluang yang diberikan kepada saya. Saya ingin menyentuh Butiran 040000 - Kawal selia Pos. Tuan Pengerusi, saya ingin mendapatkan sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai perkhidmatan kaunter cukai kastam yang dahulu sedia di Pejabat Pos Besar, Ipoh yang telah ditutup secara diam-diam dalam bulan Ogos tahun lalu. Terkejut saya bahawa kaunter cukai kastam tersebut ditutup sewenang-wenangnya tanpa mendapat kebenaran atau memberitahu kepada pihak Kementerian Tenaga,

Telekom dan Pos.

Tuan Pengerusi, saya difahamkan bahawa walaupun Pejabat Pos telah diswastakan, ia masih di bawah kawalan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Saya juga difahamkan bahawa di George Town, Pulau Pinang; Johor Bahru, Johor; Kuantan, Pahang; dan Ipoh, Perak, kaunter-kaunter kastam telah ditutup dan dipusatkan di Kuala Lumpur, di'*centralized in* Kuala Lumpur, dengan izin.

Dalam hal ini, sekiranya terdapat sebarang kiriman atau bungkusan yang kena cukai, seseorang menerima bungkusan itu terpaksa ke Kuala Lumpur untuk menuntunya atau pos laju akan hantar bungkusan tersebut ke rumah penerima, tetapi dikenakan bayaran *handling charges*, dengan izin, melalui pos laju sebanyak RM5.00 sebungkusan. Setiap bungkusan kena bayar *handling charges* RM5.00. Cara ini boleh dikatakan double charging, dengan izin.

Tuan Pengerusi, dalam hal ini katakan sekiranya kawan saya dari Hong Kong menghantar sebuah bungkusan kepada saya, beliau telah pun membayar setem yang cukup atau segala kos berkaitan penghantaran bungkusan tersebut dan sepatutnya bungkusan tersebut dihantar ke rumah saya tanpa dikenakan sebarang bayaran tambahan. Sebaliknya kini saya terpaksa datang begitu jauh dari Ipoh ke Kuala Lumpur untuk mengambil bungkusan tersebut ataupun bayaran kos tambahan sebanyak RM5.00 untuk bayaran pos laju.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Ahli Exco Negeri Perak juga pernah menerima kiriman bungkusan berupa gambar pemandangan yang siap dibingkai dari Taiwan. Malangnya, disebabkan pengendalian yang kurang baik, cermin gambar tersebut telah pecah, manakala seorang kawan saya di Ipoh telah menerima bungkusan coklat dari Australia, tetapi separuh daripada coklat yang dikirimkan telah hilang.

Tuan Pengerusi, pada masa dahulu kami menuntut bungkusan yang dikirim kepada kami di kaunter kastam di Pejabat Pos Besar, Ipoh dan membuka serta memeriksanya di hadapan kastam yang bertugas di kaunter tersebut. Cara sedemikian lebih mudah dan sebarang masalah dapat diatasi di kaunter tersebut pada masa itu, tetapi kini tidak lagi demikian. Banyak masalah telah timbul kesan daripada sistem baru ini.

Tuan Pengerusi, saya difahamkan bahawa kementerian berkenaan telah pun mengarahkan semua Pejabat Pos terbuka untuk membukakan

semua kaunter kastam masing-masing. Malangnya, ini hanya dilaksanakan di George Town, Pulau Pinang; Kuantan, Pahang; Johor Bahru, Johor sahaja dan tidak di Ipoh. Mungkinkah pihak Pejabat Pos Ipoh marah kerana saya membangkitkan isu ini kepada pihak kementerian, jadi mereka enggan mengikut arahan untuk membuka semula kaunter tersebut?

Tuan Pengerusi, di samping itu, saya menerima maklumat bahawa kononnya kaunter kastam di Pejabat Pos Besar Ipoh tidak dibuka kerana terlalu kurang bungkusan dikirim melalui kaunter tersebut. Saya rasa ini tidak benar, kerana saya mendapat maklumat dari pihak kastam negeri Perak bahawa merata bungkusan diterima sehari melalui kaunter berkenaan adalah antara 100 hingga 150 buah.

Tuan Pengerusi, apa yang menyedihkan kononnya sistem kaunter kastam berpusat di Kuala Lumpur ini dilaksanakan sebagai satu strategi untuk meningkatkan penggunaan perkhidmatan pos laju. Oleh yang demikian, saya berharap perkara ini dapat diambil perhatian oleh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos kerana ianya adalah untuk kepentingan orang ramai. Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri akan membantu saya untuk menyelesaikan masalah ini demi membuka semula kaunter cukai kastam di Pejabat Pos Besar, Ipoh dengan secepat mungkin. Dengan kata-kata demikian, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kota Melaka, selepas itu kementerian menjawab.

5.00 ptg.

**Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]:** Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud Bekalan 49 - Butiran 020000 - Bekalan Elektrik dan Gas.

Tuan Pengerusi, di sini, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian sejak pentadbiran baru diambil alih, berapakah jumlah jam gangguan bekalan elektrik berlaku dalam negara kita di seluruh negara dan secara spesifik untuk negeri Melaka kerana selain daripada apa yang dikeluarkan dalam surat khabar, seperti yang sedia dimaklumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa Kuala Lumpur sendiri di Jalan Ampang dan di beberapa tempat telah menghadapi gangguan bekalan elektrik-elektrik berjam-jam dan ini merupakan satu kerugian yang sangat besar kepada negara kita, lebih-lebih lagi ia berlaku ditengah-tengah ibu kota kita?

Saya hendak mendapat tahu apakah sebabnya berlaku dan tentang kerugian, apakah TNB akan membayar pampasan kepada peniaga-peniaga yang rugi? Saya rasa rugi besar. Berapakah kerugian yang dialami daripada kedua-dua atau ketiga-tiga kejadian gangguan bekalan elektrik yang besar di Kuala Lumpur dan juga cadangan untuk membayar balik pampasan? Adakah ia akan diluluskan? Juga untuk negeri Melaka, saya ingin sebut sedikit bahawa masalah gangguan bekalan elektrik pun kerap berlaku dan saya berharap pihak kerajaan akan mengambil perhatian tentang masalah ini. Apakah langkah yang akan diambil atau apakah projek yang dijalankan - nilainya, untuk membaiki atau mempertingkatkan bekalan elektrik yang lebih bersih, yang lebih kerap, yang lebih stabil kepada Bandaraya Melaka?

Tuan Pengerusi, di samping itu, saya juga ingin bertanya kepada pihak kementerian tentang cadangan untuk memberikan bekalan elektrik ke sekolah-sekolah dan tempat-tempat yang tidak ada bekalan elektrik. Adakah pihak kementerian mempunyai rancangan khas, selain daripada rural electrification program, tetapi juga untuk sekolah-sekolah yang tidak ada elektrik? Saya rasa ini merupakan satu perkara yang sangat asas kalau menjelang pencapaian status negara maju untuk Malaysia.

Di sini, untuk memastikan bahawa rakyat tidak terkeluar atau tersisih daripada aliran utama pembangunan ekonomi, memandangkan bahawa Tenaga sudah diswastakan dan merupakan satu badan swasta, adakah pihak kerajaan juga akan mewajibkan bahawa semua projek perumahan yang dijalankan, sumbangan mesti diberikan oleh pihak Tenaga? Kerana untuk masa ini, semua pemaju perumahan kena membina janakuasa stesen dengan percuma untuk Tenaga, sungguhpun Tenaga akan menerima faedah daripada bekalan elektrik kepada para pengguna dalam bentuk kutipan bayaran elektrik, tetapi ia semua dibina dengan percuma untuk Tenaga.

Memandangkan bahawa Tenaga sekarang merupakan sebuah institusi swasta dan bukanlah suatu badan berkanun kerajaan dengan sepenuhnya, tetapi sudah diswastakan, adalah perlu status khas ini ditarik balik dan dikaji semula. Ini adalah lebih penting dalam sektor pembinaan rumah kos rendah. Saya rasa harga rumah kos rendah boleh dikekalkan dengan harga RM25,000 kalau semua kemudahan asas diberikan secara sumbangan oleh badan-badan berkanun dalam bentuk api, air dan pemetungan dan di sini Tenaga harus memberikan semangat yang sama iaitu memasukkan kemudahan api

dengan percuma untuk projek perumahan kos rendah.

Saya harap pihak kementerian boleh mengkaji cadangan ini supaya kita dapat mengekalkan harga rumah kos rendah dan juga memastikan bahawa golongan miskin boleh sama-sama menikmati faedah dari pembangunan ekonomi negara kita.

Tuan Pengerusi, satu lagi ialah mengenai kawal selia Telekom. Saya bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat dari Jerantut tadi tentang kadar bayaran oleh syarikat telefon bimbit. Tidak boleh dinafikan bahawa sungguhpun syarikat telefon bimbit ini telah membuat iklan yang sangat meyakinkan atau menggalakkan bahawa mereka boleh memberikan perkhidmatan yang penuh dan meluas, tetapi realitinya ialah bahawa perkhidmatan yang diberikan adalah kurang memuaskan dan terdapat banyak kawasan di mana perkhidmatan atau, dengan izin, talian atau servis tidak boleh didapati dan ini bermakna bahawa sungguhpun pengguna membayar caj perkhidmatan dan juga membeli telefon bimbit dari syarikat itu, tetapi mereka tidak boleh membuat atau menerima sebarang panggilan dan saya rasa sudah tiba masanya pihak kementerian mengawal selia dan mengambil tindakan ke atas masalah ini.

Apa gunanya, misalnya, membayar caj perkhidmatan sebanyak RM60.00 kepada CELCOM, tetapi tidak boleh membuat atau menerima panggilan kerana sama ada tidak ada talian (line) atau kerana kesesakan (congestion), dengan izin, *network busy*? Dengan izin. Saya rasa ini merupakan satu penipuan kepada para pengguna kerana mereka telah dijamin bahawa mereka boleh mendapat perkhidmatan yang baik, tetapi realitinya adalah sebaliknya. Kalau syarikat-syarikat ini masih dibenarkan untuk mengutip caj perkhidmatan ini sebanyak RM60 sebulan, ini merupakan satu, dengan izin, keuntungan tambahan yang saya rasa tidak beretika kerana mereka tidak memberikan servis yang baik.

Saya rasa sudah tiba masanya bahawa pihak kementerian mengatasi masalah ini, mengharamkan syarikat telefon bimbit daripada mengenakan caj perkhidmatan dan memastikan mereka memenuhi iklan-iklan atau janji-janji yang mereka buat dalam iklan mereka kerana apa yang berlaku ialah banyak pengguna membuat aduan bahawa mereka tidak boleh mendapat perkhidmatan yang sebaiknya.

Tuan Pengerusi, akhirnya ialah tentang keputusan kerajaan untuk membina atau

memberikan lesen IPP kepada syarikat Automan untuk membina sebuah IPP arang batu di Yan, Kedah dan juga satu lagi kepada Tenaga Nasional untuk menjanakan kuasa di Lumut. Kalau saya tidak silap 1,000 megawatt yang akan ditambah kepada 2,000 megawatt kemudian. Saya hendak tanya, apakah rasional memberikan lesen IPP arang batu kerana ia akan membawa pencemaran dari segi kualiti alam sekitar.

Adakah ia bersih atau efisien dari segi penjanaan kuasa? Saya harap pihak kerajaan boleh menjelaskan juga tentang *cost effectiveness* nya dan juga dari segi kontrak yang ditawarkan kepada Automan, adakah ia diberikan secara tender terbuka, nilainya dan juga kos seunit elektrik yang akan dibayar oleh Tenaga apabila mereka membeli kuasa itu daripada Automan.

**Tuan Pengerusi:** Kementerian menjawab. Yang Berhormat boleh memberi jawapan dalam masa 20 minit?

5.08 ptg.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat termasuk dari Rompin, Tanjong, Jerantut, Batu Gajah dan Kota Melaka yang sudi mengemukakan beberapa pandangan, cadangan dan teguran semasa membahaskan Belanjawan bagi kementerian saya di peringkat Jawatankuasa.

Beberapa orang telah mengemukakan dan membahaskan tentang IPP, peranan mereka dan juga harga jualan yang ditetapkan oleh PPA yang dipersetujui oleh pihak pembeli dan pihak penjual. Saya hendak memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa bila IPP diwujudkan pada tiga, empat tahun kebelakangan ini mereka telah memainkan peranan yang amat penting sekali, khususnya dalam sektor penjanaan untuk membekalkan bekalan yang cukup kepada permintaan negara ini.

Kadar yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak iaitu pihak yang membeli dan pihak yang menjual ini adalah ditetapkan memandangkan keadaan pada masa itu. Banyak faktor telah diambil kira untuk menetapkan harga jualan ini, maka pihak kerajaan setakat ini tidak ada cadangan untuk menyelaras semula tentang kadar yang telah pun ditetapkan pada masa itu oleh kedua-dua pihak. Tetapi untuk menjemput pihak IPP supaya memainkan peranan yang lebih bermakna untuk

menunaikan tanggungjawab sosial, maka pihak kementerian saya telah pun mengadakan beberapa mesyuarat untuk membincangkan perkara ini secara mendalam.

Dengan sukacitanya saya memaklumkan bahawa pihak IPP telah memberikan sambutan yang agak menggalakkan dalam perkara ini. Setakat ini mereka telah bersetuju untuk memberikan sumbangan mewujudkan satu tabung supaya dapat memberikan bantuan kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya menjayakan rural electrification program.

Saya setuju sangat tentang apa yang disarankan oleh Yang Berhormat dari Rompin dan Yang Berhormat dari Tanjong bahawa IPP ini peranan mereka bukan dalam menunaikan tanggungjawab sosial, tidak harus terhad kepada membantu dalam *rural electrification program* sahaja, tetapi mereka harus juga memainkan peranan yang lebih bermakna, misalnya dalam bidang latihan dan sebagainya. Pihak kementerian akan memberikan perhatian yang serius kepada perkara ini.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, penjelasan. Saya ingin tahu, bahawa memandangkan perkara ini sangat serius melibatkan wang beratus-ratus juta ringgit kalau bukan berbilion ringgit, oleh kerana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan dalam Bugdetnya ada memberi dua amanat kepada IPP:

- (i) untuk adil kepada pengguna-pengguna dengan menyeragamkan (*standardise*) kadar-kadar penjualan elektrik kepada TNB supaya adil kepada pengguna; dan
- (ii) untuk menjalankan kewajipan sosial mereka.

Tadi, apa yang Timbalan Menteri sebut ialah mengenai peranan mereka untuk memainkan *social obligation* mereka. Tetapi kenapa amanat atau tugas yang pertama supaya IPP harus adil kepada pengguna dengan *standardise rate*, nampaknya kerajaan sudah tinggalkan, sudah *give up* kerana begitu senang beratus-ratus juta ringgit terlibat? Saya telah sebut angka-angkanya tadi.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Pengerusi, seperti mana yang saya katakan tadi, setakat ini pihak kerajaan tidak bercadang untuk menyelaraskan semula tarif yang telah pun ditetapkan oleh PPA dan telah pun dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

Setakat ini, kita haraplah IPP boleh memainkan peranan yang lebih bermakna untuk menunaikan tanggungjawab sosial. Tetapi mungkin cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat ini kita akan mengkaji sedalam-dalamnya kalau sekiranya cadangan boleh mendatangkan faedah kepada kedua-dua pihak, maka kita akan memberikan perhatian ataupun mungkin kita akan mengambil bahagian yang serius dalam perkara ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Dalam rancangan kerajaan menyeru IPP untuk memainkan peranan *social obligation* mereka termasuk tugas, yang pertama, adakah kerajaan mempunyai satu *cost analysis* mengenai angka *framework* berapa *amount* yang patut dikeluarkan oleh IPP seluruhnya? Memandangkan kalau mereka *average* kurang 1 sen seunit ialah melibatkan RM135 juta. Adakah satu *cost analysis* mungkin RM100 juta untuk memainkan *social obligation*? Adakah suatu angka berkenaan?

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Pengerusi, pihak kementerian saya dengan pihak EPU sedang meneliti perkara ini dan kita akan menetapkan satu kadar yang munasabah, yang *reasonable* kepada kedua-dua pihak dalam perkara ini.

Tuan Pengerusi, mengenai perkhidmatan telefon di kawasan pedalaman yang dibangkitkan oleh sahabat baik saya iaitu Yang Berhormat dari Jerantut. Pihak kerajaan memang mengambil maklum atas kesulitan rakyat di tempat pedalaman. Dalam perkara ini Telekom Malaysia sedang menambah kemudahan di luar bandar menggunakan pelbagai jenis teknik atau sistem yang terbaik untuk kawasan tersebut. Kadang-kadang di tempat pedalaman susah bagi kita menggunakan sistem yang *conventional* iaitu menggunakan kabel biasa kerana ia menelan kos yang tinggi sekali. Maka kita akan memberi perkhidmatan kepada kawasan-kawasan tersebut untuk memakai sistem yang terbaik. Dalam perkara ini saya hendak meyakinkan Yang Berhormat dari Jerantut, saya sendiri akan mengambil perhatian yang serius sekali untuk memastikan perkhidmatan ke kawasan Yang Berhormat di Jerantut ini akan diadakan secepat mungkin.

Mengenai bekalan elektrik ke Kampung Muhibbah, saya sendiri juga akan mengambil perhatian yang serius dan saya harap pegawai TNB yang ada hadir di Dewan pada petang ini akan memberikan satu laporan kepada saya mengapa perkara ini tidak dapat diselesaikan dalam masa dekat 2 tahun ini. Maka saya haraplah pihak TNB

akan memberikan perhatian yang cukup serius kepada perkara ini.

Begitu juga pusat kaunter cukai kastam yang ditutup di Bandar Ipoh pada tahun lepas. Perkara ini saya telah beberapa kali berbincang dengan pihak Jabatan Pos Malaysia dan selepas beberapa pusat telah pun dibuka semula iaitu di Johor Bahru, di Pulau Pinang, Kuching, Kuantan dan di Kota Kinabalu.

Saya sendiri bersimpati dengan Yang Berhormat dari Batu Gajah kerana penutupan pusat ini di Ipoh telah mendatangkan banyak masalah kepada rakyat di Bandar Ipoh ini. Saya akan memberi jaminan kepada Yang Berhormat dari Batu Gajah bahawa saya sendiri akan mengadakan lawatan ke Pejabat Pos Besar, di Ipoh. Kalau sekiranya keadaan mengizinkan dan keadaan di Bandar Ipoh ini betul-betul memerlukan satu pusat cukai kastam dibuka semula, maka saya akan memberikan arahan kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya dapat membuka semula kaunter di Bandar Ipoh ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Bakun sama ada pihak Indonesia telah memberi persetujuan kepada pihak Malaysia untuk mengadakan *submarine cable* yang melalui Indonesian waters ini, dengan sukacitanya saya hendak memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat berkenaan bahawa mengenai perhubungan dan perbincangan dua hala telah pun diadakan di antara kedua-dua pihak dan setakat ini perkembangan rundingan adalah sangat positif dan saya yakin bahawa perkara ini kita akan dapat persetujuan dari pihak Indonesia tidak lama lagi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Oleh kerana under cable ini melalui EEZ (Economic Exclusive Zone) Indonesia dalam perbincangan dua hala, apakah perkara pokok yang perlu kita bersetuju dalam perkara ini atau timbul dalam perbincangan ini? Perkara pokok untuk mendapat persetujuan Indonesia melalui *submarine cable*.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Pengerusi, setakat ini saya tidak ada mempunyai butiran yang terperinci tetapi saya berjanji akan memberi satu jawapan secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat mengenai perkara ini.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:**  
[Bangun]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Yan bangun.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, tentang IPP ini, saya tadi tidak sempat kerana masa terhad, jadi, saya tidak bercakap semua, saya hendak minta penjelasan. Saya difahamkan AUTOMAN telah diberi *right* untuk mengadakan IPP di Yan dan dalam surat kelulusan itu mereka telah dibenarkan menggunakan arang batu.

Jadi, bolehkah Yang Berhormat dapat memberi jaminan di Dewan yang mulia ini bahawa arang batu ini tidak akan mencemarkan alam sekitar di kawasan saya kerana kawasan Parlimen Yan ini, Tuan Pengerusi, adalah 'Mini Switzerland' di Malaysia dengan Gunung Jerainya, sebab itu orang Yan ini betul-betul ceria, macam saya.

Bagi orang-orang Tionghua daerah Yan ini adalah satu *Feng Shui* yang paling baik. Jadi, saya tidak mahulah kalau boleh nanti IPP mai di sana, dia gunakan arang batu ini habis orang-orang cerah macam saya jadi gelap, yang sudah gelap tidak apalah. Macam saya ini cerah-cerah sikit ini. Bolehkah Menteri bagi jaminan, kalau tidak maklumlah hak orang kawasan Yan, dia mula akan bising kerana sungguhpun dia kata moden dan sebagainya tapi bila dia himpun arang batu itu, bila angin bertiup benda ini akan terbang di seluruh kawasan Yan ini dan hilanglah tempat peranginan di Yan, maka tercemarlah alam dan hilanglah 'Mini Switzerland' di Malaysia. Terima kasih.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Pengerusi, sebenarnya banyak negara yang maju masih menggunakan arang batu dalam penjanaan dan misalnya, negeri Jepun, Australia dan juga Jerman Barat. Kalau sekiranya kita menggunakan teknologi yang moden sekali masalah pencemaran ini dapat diatasi dan dalam perkara ini pihak yang mendapat kelulusan ini telah berhubung dengan banyak negara termasuk negeri China merupakan yang menguasai teknologi yang terkini dalam penjanaan kuasa yang menggunakan arang batu supaya dapat mengatasi masalah pencemaran.

Maka saya boleh beri jaminan bahawa IPP yang menggunakan arang batu di kawasan Yan ini tidak akan menjejaskan imej Yan sebagai 'Switzerland Kecil' ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Mengenai IPP AUTOMAN, adakah benar pada mulanya AUTOMAN yang mahu menjualkan electricity

kuasa yang dijanakan oleh IPP di Yan pada tarif 15.8 sen dan apabila ditolak oleh TNB, oleh kerana sudah dapat pengalaman yang banyak selepas dipaksa untuk bersetuju kepada PPA yang tidak adil, bahawa AUTOMAN ada balik dan sekarang bersetuju untuk membekalkan electricity kepada 11.3 sen per unit yang terendah sekali?

Bukankah ini menunjukkan bahawa perlu satu proses yang lebih terbuka untuk masa depan kalau ada makmal IPP supaya ada public tender dan tidak melalui negotiated cara rundingan khasnya oleh kerana ada syarikat-syarikat yang mampu untuk membekalkan penjualan elektrik kepada TNB kurang daripada 10 sen per unit? Bolehkah kementerian atau kerajaan buat satu keputusan bahawa untuk masa depan kaedah untuk mengadakan IPP tukar melalui public open tender.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Pengerusi, saya cuma boleh memberitahu kepada Dewan yang mulia ini bahawa kadar yang ditetapkan ini adalah dipersetujui oleh kedua-dua pihak iaitu pihak AUTOMAN dan pihak Tenaga Nasional. Mereka mempersetujui kadar ini adalah oleh kerana ia akan mendatangkan faedah kepada pihak-pihak yang berkenaan.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** [Bangun]

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, tentang gangguan yang telah berlaku di beberapa tempat baru-baru ini, saya minta kerana ia memerlukan ....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Batang Lupar bangun.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya ingin sedikit penjelasan lanjut berhubung dengan IPP Yan ini tadi, saya pun tertarik hati oleh kerana IPP menggunakan kuasa arang batu. Ini memang kalau kita pandang dari dahulu lagi, teknologi arang batu memang tidak bersih, kotor, kadang-kadang asap yang keluar daripada bumbung generatornya itu adalah mencemarkan tetapi walau bagaimanapun saya juga pernah melawat ke Australia, Pacific Power yang menggunakan satu teknologi baru yang begitu canggih dan dikatakan teknologi mereka mengeluarkan satu kebersihan lebih bersih daripada tepi jalan raya biasa di bandar.

Jadi, walau bagaimanapun, power generation yang dibuat oleh Pacific Power di Australia dibuat sekurang-kurangnya 5 - 30 kilometer daripada bandar yang terdekat sekali supaya kalau berlaku

pencemaran tidak mengena kepada manusia yang berdekatan. Kalau kita hendak pergi ke tempat *power generation* di Australia, kita kena naik kapal terbang menggunakan Cessna di sana melihat sendiri. Jadi, dalam keadaan walaupun dia bersih, kata dia tetapi tindakan-tindakan awal agar pencemaran tidak berlaku, kalau berlaku kebocoran, kerosakan dan sebagainya.

Soalan pertama saya ialah di Yan ini sama ada *power generation* ini akan dibina berdekatan dengan pusat bandar atau lebih jauh macam mana di Australia buat. Yang kedua, kita juga memahami kita tidak mempunyai *reserve coal* yang banyak. Coal yang ada di Sarawak umpamanya banyak coal di Sarawak tetapi berkualiti rendah mungkin tidak mencukupi untuk satu *power generation* yang baik dan mendatangkan hasil yang baik.

Tetapi kalau kehabisan *reserve* yang baik, kita mungkin import coal dari Australia yang dekat sekali, yang mempunyai *reserve coal* yang banyak. Jadi, dalam keadaan demikian, adakah kemungkinan harga *power generation* menerusi *coal power generation* nanti akan meningkat dan *concession* yang diberikan oleh kerajaan itu dengan klaus-klaus yang tertentu mengatakan dia boleh negotiate dengan harga itu lagi nanti pada suatu ketika, pada ketika itu kita telah terikat dengan pihak syarikat? Jadi, macam mana dengan pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat jawab apa yang disoal tadi itu, sukalah saya mengingatkan, Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian bahawa oleh kerana masa semakin mendesak dan saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri pun cubalah seberapa yang boleh padatkan jawapan Yang Berhormat.

**Dato' Chan Kong Choy:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya sendiri telah mengadakan lawatan ke beberapa *power station* di Australia dan juga di negara China yang menggunakan arang batu dalam penjaan dan saya berasa amat gembira untuk menyaksikan bahawa kebanyakan masalah yang dibangkitkan oleh pihak-pihak yang tertentu ini dapat diselesaikan ataupun dapat diatasi dengan teknologi yang sedia ada sekarang.

Di kawasan Yan ini, kita akan menggunakan arang batu dari negeri Sarawak dan juga akan mengimport dari Australia dan juga Indonesia dan kadar 11.3 sen ini akan ditetapkan sekurang-kurang

untuk 20 tahun yang akan datang ini. Maka, supply arang batu ini tidak akan menjejaskan dan mempengaruhi tarif yang telah pun ditetapkan oleh PPA ini.

Tuan Pengerusi, tentang....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:**  
[Bangun]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat dari Yan bangun.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Pengerusi, masalah rakyat di kawasan saya, jadi saya minta masa sedikit, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Jadi, sebelum itu, Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hendak tanya sama ada jawapan Yang Berhormat panjang lagi?

**Dato' Chan Kong Choy:** Panjang lagi.  
[Disampuk]

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Ini rakyat punya fasal! Rakyat punya fasal, Tuan Pengerusi.

**Dato' Chan Kong Choy:** Saya boleh beri jalan. Boleh.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Bukan apa, Tuan Pengerusi. Begini, bila projek masuk ke kawasan Yan ini saya berterima kasih, seronok. Tetapi biarlah rakyat dan projek ini berjalan dengan baik, jadi senang. Bila Wakil Rakyat sudah faham, jadi senanglah. Automan ini, saya Wakil Rakyat pun tidak diberitahu. Datang hendak pergi pacak tiang di sana, orang kampung mengamuk, saya juga susah!

Jadi, saya hendak penjelasan fasal arang batu ini kalau kita tengok di negara-negara Barat ini ia menjadi masalah. Mungkin la ni tidak, tetapi akhirnya ada yang kena penyakit kanser dan sebagainya. Jadi, saya tidak mahulah termasuk di dalam golongan orang yang kena penyakit kanser akhir-akhir ini, fasal sudah tua-tua ini. Jadi, adakah betul ini? Saya hendak *clearance* betu-betu di Dewan Rakyat ini supaya bila saya balik ke kampung, saya boleh terangkan kepada rakyat, "Jangan susah, arang batu nampak hitam, tetapi ia tidak menghitamkan orang!" Ini yang saya tidak hendak dan tidak akan mendatangkan penyakit kepada orang dan tidak akan mencemarkan alam.

Kerana Tuan Pengerusi, depa hendak buat di tepi laut. Tepi laut ini saya takut ikan pun tak mahu

naik, Tuan Pengerusi. Jadi, ini juga masalah. Jadi, saya hendak minta penjelasan supaya dapat saya terangkan kepada rakyat di dalam kawasan Parlimen saya supaya mereka yakin bahawa projek ini mendatangkan manfaat.

Dan saya hendak minta satu lagi melalui kementerian, pastikan Automan pi di sana, jangan hendak cari duit sahaja. *Social obligations* kepada rakyat di dalam kawasan itu mesti dibuat. Sat ni orang kampung tengok, "kelipok-kelipok". Depa buat duit, orang kampung tidak boleh buat apa. Jadi yang ini saya hendak minta jaminan dari kementerian dan kalau jaminan ini saya dapat, saya akan memberi sokongan sepenuhnya, seluruh rakyat Yan - rakyat "Mini Switzerland" ini akan memberi sokongan yang sepenuhnya kepada IPP di Yan ini. [Ketawa]

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Pengerusi, saya akan mengemukakan beberapa pandangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Yan ini kepada pihak yang berkenaan dan kalau sekiranya Yang Berhormat dari Yan setuju, saya akan *arrange* satu majlis pertemuan antara pihak pengusaha dengan Yang Berhormat dari Yan supaya semua pandangan dari Yang Berhormat ini dapat didengar secara langsung oleh pihak yang berkenaan supaya langkah-langkah yang sewajarnya dapat diambil untuk mengatasi masalah yang dikhuatiri timbul ini, kalau Yang Berhormat dari Yan setuju. Okay!

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:**  
[Membisikkan mesej]

**Dato' Chan Kong Choy:** Yang Berhormat dari Padang Terap kata, kalau Yang Berhormat dari Yan tidak setuju, kita boleh pindah ke Padang Terap.  
[Ketawa]

Tuan Pengerusi, tentang beberapa gangguan bekalan yang berlaku baru-baru ini khususnya di Melaka, saya akan memberi penjelasan. Kerana Yang Berhormat dari Kota Melaka mengemukakan soalan dan pertanyaan yang panjang yang memerlukan butir-butir yang terperinci, saya akan memberikan semua ini secara bertulis kepada Yang Berhormat dari Kota Melaka.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan mengenai masalah am. Oleh kerana kualiti atau mutu prestasi TNB tidak boleh bertambah baik kalau bekalan elektrik selalu ada gangguan dan sungguhpun kadar terputus bekalan elektrik turun, tetapi masih sangat tinggi. Untuk menuju satu matlamat di mana TNB akan menurunkan *interruptions* bekalan elektrik,

kenapa TNB tidak boleh mengeluarkan satu bulletin tiap-tiap hari mengenai gangguan bekalan elektrik yang menunjukkan TNB *accountable*, *transparent*, terbuka dan bertanggungjawab? Dan kita boleh lihat sama ada turun atau tidak turun dan TNB patutlah rela dan berani untuk menghadapi *public accountability* semacam ini? Bukankah ini satu cara untuk *quality driven organisation*?

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Pengerusi, saya setuju dengan Yang Berhormat kalau sekiranya gangguan ini kita dapat ramalkan. Misalan kata kita akan menjalankan sesuatu *maintenance* di sesuatu tempat, kita boleh mengeluarkan Bulletin, tetapi kebanyakan gangguan ini berlaku tanpa pengetahuan dan tidak dapat diramalkan, maka macam mana kita hendak mengeluarkan Bulletin?

**Tuan Lim Kit Siang:** Bila saya kata bulletin, ia adalah bulletin selepas post-gangguan. Kita tahu itu tidak boleh *anticipate*, sebab itu berlaku. Tetapi satu *post-bulletin* yang dikeluarkan selepas tiap-tiap hari. Tiap-tiap hari berapa dan di mana gangguan bekalan elektrik berlaku pada hari yang lepas supaya satu laporan situasi (situation report) boleh diadakan dan rakyat pun boleh monitor sama ada over a period of time TNB adalah bertambah baik dalam prestasi. Itulah, selepas berlaku, bukan *anticipate*. *Anticipate* itu saya bersetuju.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, nanti sekejap. Saya minta Yang Berhormat cuba gulung seberapa yang cepat.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Pengerusi, saya akan mengambil perhatian atas cadangan Yang Berhormat dari Tanjong ini. Oleh kerana kesuntukan masa, maka ada beberapa perkara lagi yang telah dibangkitkan ini tidak dapat saya menjawab sekarang. Walau bagaimanapun, pihak kementerian akan mengambil perhatian yang serius tentang semua cadangan ini dan sekali lagi saya hendak merakamkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat....

**Tuan Lim Kit Siang:** Bolehkah yang akhir, satu penjelasan? Boleh?

**Dato' Chan Kong Choy:** ...yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan. Sekian, terima kasih. [Ketawa]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM63,078,600 untuk Maksud B.49 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos

jadi sebahagian Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM63,078,600 untuk Maksud B.49 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM79,478,200 untuk Maksud P.49 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1997 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM79,478,200 untuk Maksud P.49 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1997.

**Maksud B.50 [Jadual] -**

**Maksud P.50 [Anggaran Pembangunan, 1997]**

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Kepala Bekalan B.50 dan Kepala Pembangunan P.50 di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan terbuka untuk dibahas sekarang. Yan.

5.39 ptg.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin [Yan]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, pertamanya saya hendak mengucapkan tahniah kepada menteri yang telah banyak membuat pembaharuan, terutama sekali dari segi MARA kerana kita tahu MARA adalah satu agensi yang menjadi harapan rakyat, terutama sekali ada rakyat yang kurang berkemampuan.

Oleh yang demikian, saya kira walaupun peruntukan yang telah pun diberikan itu nampak besar, tetapi tanggungjawab MARA begitu luas skopnya, dari segi pendidikan, kemahiran, pelaburan, perniagaan dan berbagai-bagai ada di bawah MARA.

Jadi, Tuan Pengerusi, pertamanya, adakah MARA mempunyai kakitangan yang cukup untuk mengendalikan agensi yang telah berkembang begitu besar dan pesat pada hari ini? Saya kira MARA tidak mempunyai kakitangan yang mencukupi kerana MARA terpaksa bergantung kepada JPA untuk mendapat kelulusan pegawai-pegawai. Jadi, kalau agensi yang begitu besar dengan peruntukan yang begitu besar tidak

mempunyai kakitangan yang secukupnya, bagaimanakah mereka hendak menjalankan tugas mereka dengan efisien?

Contohnya untuk membuka pejabat MARA daerah yang sepatutnya wujud di setiap daerah di tanah air kita ini, saya kira sampai kini pun MARA tidak dapat mewujudkan pejabat-pejabat MARA daerah. Saya berterima kasihlah kepada MARA kerana dapat membuka pejabat MARA Daerah di Yan, itu pun setelah empat, lima tahun saya terpaksa bertungkus lumus untuk mendapat kerana mereka tidak mempunyai pegawai yang mencukupi untuk mengatasi masalah-masalah ini. Jadi, apabila pegawai tidak mencukupi, implementasi dasar yang kita buat di Dewan Rakyat ini tidak dapat dijalankan dengan sebaik mungkin dan kadang-kadang apabila tidak mencukupi, dasar itu tidak mencapai matlamatnya.

Oleh yang demikian, saya menyarankan kepada JPA dan juga MARA sendiri supaya dapat mengemaskan jawatan-jawatan yang perlu wujud di dalam MARA bagi menjalankan tugas-tugas dan dapat menjalankan hasrat kehendak rakyat.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, ialah berkenaan dengan bantuan pendahuluan yang satu ketika dahulu MARA telah berikan kepada anak-anak kampung, anak-anak yang tidak berkemampuan untuk melanjutkan pelajaran ke universiti. Walaupun kita sudah ada tabung pendidikan, saya tidak tahu sejauh mana tabung pendidikan ini berfungsi tetapi saya ingin tahu daripada MARA dan kerajaan sama ada bantuan ini masih diteruskan ataupun tidak. Kerana saya kira tidak berapa lama lagi, tahun hadapan di awal tahun hadapan, anak-anak kita akan mula menjejak kaki ke institut pengajian tinggi dan universiti-universiti dan mereka ini akan menghadapi masalah untuk memberi wang pendaftaran kerana kita kena faham.

Tuan Pengerusi, setiap universiti memerlukan wang pendaftaran dan saya banyak mendapat surat daripada orang-orang yang berjaya masuk universiti, kena bayar RM1,000 lebih sampai RM1,500, RM1,600, itu tidak termasuk tambang, tidak termasuk perubatan, tidak termasuk lagi hendak beli pakaian dan sebagainya. Jauh lagi untuk mendapatkan biasiswa kerana apabila mereka masuk universiti, biasiswa itu kadang-kadang sampai tiga, empat bulan baru dapat. Jadi, depa hendak makan apa?

Jadi, di sinilah, dulu MARA ada memberi bantuan pinjaman, kalau tidak silap saya sebanyak RM1,500. Saya ingin mencadangkan supaya

dipertingkatkan sehinggalah penuntut itu mendapat biasiswa daripada kerajaan dan potong balik tidak apa, potong balik sedikit-sedikit secara bulanan supaya ini tidak akan menjadi masalah kepada orang-orang yang kurang bernasib baik.

Tuan Pengerusi, begitu juga, penuntut-penuntut kita yang telah kita hantar belajar ke luar negeri, mereka ini mendapat advance, tidak apalah, saya kira penuntut-penuntut kita yang melanjutkan pelajaran ke luar negeri ini mereka mendapat bantuan daripada MARA dengan sebaiknya tetapi MARA kena ada satu alternatif. Saya ingin mencadangkan kalau boleh MARA, kalau sudah boleh wujud pusat, boleh wujud sekolah teknik dan sebagainya, saya mencadangkan kalau boleh kerajaan bantu MARA dengan mewujudkan sebuah universiti - Universiti MARA kita kata dan ini akan mengurangkan pelajar-pelajar kita daripada pergi ke luar negeri.

Tuan Pengerusi, sekarang ini banyak, tengoklah yang 4A UPSR pun berpuluh ribu, bukannya sedikit, 26,000 yang dapat 4A di UPSR, ini mereka akan terus belajar dan terus maju ke hadapan, sedangkan pusat pengajian tinggi dalam negara kita ini saya kira tidak mampu. Di samping itu, kita mengurangkan pelajar kita melanjutkan pelajaran ke luar negeri.

Tuan Pengerusi, saya kira pelajar kita yang belajar ke luar negeri ini ada banyak baiknya, *exposure* dedahkan mereka kepada masyarakat, pendedahan mereka kepada hidup berdikari. Jadi, ini banyak manfaat apabila mereka balik dan menjadi seorang pegawai kerajaan ataupun menjadi seorang usahawan.

Kalau kita dok sekat mereka ini, kita sayangkan duit, bukanlah sayang, makna duit tidak ada dan sebagainya, maka akhirnya kita akan dapat kurang tenaga-tenaga untuk masa hadapan. Jadi, saya mencadangkan kementerian kalau boleh ambillah serius sedikit tentang wujud satu Universiti MARA, kita dengar pun seronok, Universiti Majlis Amanah Rakyat, dulu ITM, boleh kat orang dah, asal MARA lah, boleh kat orang. Jadi, MARA ini memang kerja bagus. Saya tahu Menteri MARA pun dia tidak cakap banyak, senyap, senyum, kena macam mana pun tersenyum tetapi setakat mana kawan hendak senyum kalau mari dengan peruntukan tidak ada?

Jadi, saya harap kalau boleh Kementerian Kewangan, Timbalan Menteri pun ada, beri duit banyak sedikit kepada MARA. Fasal banyak ini, Tuan Pengerusi, kadang-kadang - saya pun wakil

rakyat, saya pun pergi sendiri ke pejabat MARA itu. Pergi tengoklah beratur ni, nak jumpa pegawai hendak minta biasiswa. Kadang-kadang pegawai itu, tengok muka pun kasihan, dahi berkedut, Tuan Pengerusi, tak tahu hendak jawab ini. Hak ini tidak ada, hak nu tidak ada dah, pinjaman komputer dahulu ada sekarang tidak ada dah. Jadi, masalah banyak. Jadi, kalau boleh ni, kalau kita hendak pegawai ini, kita berilah peruntukan banyak, pi mai pun mereka hutang, depa kena bayar balik.

Saya bersetuju dengan menteri, pelajar ini dia kena bayar balik hutang tetapi janganlah bayar 100%. Hak yang score baik tu bayarliah macam kita dok buat, diskaun sedikitlah, diskaun sedikit sebagai ganjaran. Ini adalah ganjaran, Tuan Pengerusi. Ganjaran kepada rakyat yang kurang bernasib baik. Depa kurang bernasib baik kerana mak bapa mereka tidak pergi sekolah. Mak bapa kita, mak bapa Tuan Pengerusi, pergi sekolah dahulu. Mereka tidak ada chance pergi sekolah. Di Kedah masa itu sekolah ada tiga sahaja, tidak percaya tanya Dato' Dr. Affifudin - Sekolah Sultan Abdul Hamid, Badli Shah dan Ibrahim - kalau boleh masuk sekolah itu kelaslah, macam Langkawi masa itu kena naik kapal arang [Ketawa]. Sebab itu wakil rakyat Langkawi pun boleh buat sup, Tuan Pengerusi. [Ketawa] Minta maaf, saya melawak sahaja.

Jadi, saya minta supaya kerajaan tambah peruntukan kepada MARA kerana banyak tanggungannya, Tuan Pengerusi. Kalau kita tengok daripada MARA, saya tahulah saya ini hendak khabar beri kot-kot saya bekas ahli Majlis MARA. Kita fight dengan MARA macam-macam, kita buat hendak bantu MARA yang telah diwujudkan tetapi dengan kakitangan yang terhad, dengan duit yang terhad macamana kita hendak benda itu baik?

Jadi, saya harap pihak Kementerian Kewangan terutama sekali bantulah MARA ini, kemudian jangan dok ungkit-ungkit kalau bantu. Ni, hak nu tidak kena - ungkit; hak ni tidak kena - ungkit, perbetul pelan-pelanlah. Malu kat orang.

Lagi satu, Tuan Pengerusi, UDA ini. Saya hendak minta UDA hari ini kita dengar di bawah kementerian juga iaitu kita hendak bangunkan tanah-tanah simpanan Melayu. Saya minta termasuk Pengerusi UDAlah, saya takut sat ni orang swastakan dengan dia-dia sekali. [Ketawa] Termasuk Pengerusi UDA bangunkan tanah-tanah simpanan Melayu ini, kena bangunkan tanah-tanah simpanan Melayu. Memang UDA diwujudkan

untuk hendak meletakkan bumiputera dalam kawasan-kawasan bandar, untuk meletakkan bumiputera di tempat-tempat yang boleh depa menyerah. Jadi, kalau kita dok kira hendak cari keuntungan (bottom line) sahaja, akhir-akhirnya matlamat UDA itu apa dia? Tidak apalah, memang bekerja kena untung tetapi tanah-tanah Melayu yang ada dalam kawasan bandar ini pasal apa kita tidak mahu usaha sama? Itu, kita dok keriau, bukan dok keriaulah tetapi menyuarakan, kena hendak buat itu, hendak pajak ini, hendak pajak apa UDA ada? Pajak dekat UDAlah, UDA buat. Saya faham Pengerusi UDA pun bukan calang-calang orang, seorang peguam, biasa menjadi Pemangku Yang di-Pertua. [Ketawa]

Jadi, saya haraplah kementerian tolong perbetul tentang ini sedikit supaya kita dapat selesai masalah tanah-tanah simpanan Melayu dan kawasan bandar terbiar dan janganlah UDA ini dok kira dalam kawasan bandar sahaja, Tuan Pengerusi. Kawasan luar bandar macam Yan, macam saya kata, macam mana kita hendak bangunkan Yan?

Kalau hendak harap orang pergi develop ke situ, mana ada syarikat-syarikat sebab kawasan itu mini Switzerland, belum lagi besar, jadi dia kena memerlukan masa. Jadi, kalau UDA masuk, tanah-tanah yang ada di situ boleh tolong dibangunkan, maka adalah pertumbuhan ekonomi. Sekarang ini tidak ada, hanya harap *Feng Shui*. Ramailah orang Tionghua daripada Pulau Pinang dia tengok *Feng Shui* itu elok sebab duduk di atas bukit, dia nampak laut.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, apa *Feng Shui* itu?

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** *Feng Shui* ini kira dia nampak *alignment* yang cukup 'ong'lah. [Ketawa] Bukan Mr. Ong Tee Keat, tidak, [Ketawa], *alignment* yang cukup 'ong'.

Lagi satu, Tuan Pengerusi, yang akhirnya saya hendak bercakap ialah berkenaan dengan francais. Saya ucapkan berbilang terima kasih kerana franchising sekarang ini sungguh berjaya. Saya ingat inilah satu caranya kita hendak bina entrepreneur bumiputera supaya mereka berjaya dalam perniagaan, termasuk pegawai-pegawai kerajaan bila mereka bersara.

Saya difahamkan kita ada persatuan francais yang diketuai oleh Dato' Nadzmi (EON) sekarang ini sedang susun, bagus. Jadi, maknanya pegawai kerajaan yang pencen, ada duit sedikit, dia boleh ambil satu francais dan berniaga. Kalau hendak

mula berniaga bukan mudah, mana hendak jaga publisiti, mana hendak cari pasaran, mana hendak jaga duit di bank, overdraft tidak cukup, mana hendak jaga dalam kedai dan sebagainya, tetapi francais ini advertisement orang sudah buat, kita hanya tunggu. Macam Habib Jewellery hari ini, dia francais, dia jual, kita bawa keluar modal dan tunggu sahaja. Jadi, ini satu cara yang paling baik.

Jadi, saya harap kementerian teruskan dan saya harap peruntukan pinjaman MARA ini boleh kita channel banyak kepada peniaga-peniaga yang francais, sebab yang ini boleh dikatakan okaylah. Macam Kentucky Fried Chicken, sudah *allright* lah. Ini kita hendak buka pula Yan Fried Chicken, kita *introduce* dan malam ini kita hendak makan burung puyuh. Burung puyuh pun kita hendak francais. Malam ini kita semua makan burung puyuh. Burung puyuh hikmahnya kalau Tuan Pengerusi hendak tahu, sekejap lagi saya cerita di luar, kolesterol tidak ada, protin banyak.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, masa tidak mengizinkan. Sila gulung.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Ya, saya gulung. Saya dengan Tuan Pengerusi cukup baik, saya tidak mahu membangkang.

Lagi satu, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan pusat khidmat kontraktor ini. Baguslah, sekarang ini saya nampak sungguh berjaya. Kita pun sudah ada ramai kontraktor yang berwibawa. Cuma kalau boleh, bersama dengan kementerian dan juga Kementerian Kewangan, kita agih beri banyak sedikit, jangan kita dok beri orang itu, kadang-kadang sampai dia kenyang, sampai dia naik penat, kita mengah. Beri kepada orang lain sedikit, kawan ini sedikit, kawan itu sedikit, jadi kita agih. Tetapi kalau ada yang buat kerja tak kena, macam kelmarin saya baca dalam surat khabar, projek yang begitu besar pun dia beri kepada orang, yang itu automatik bukan *blacklisted* lagi, tetapi dikeluarkan dan digantung, *no mercy*, dengan izin, tiada maaf bagi mereka. Ini kementerian kena tegas.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya berterima kasih kepada menteri kerana bertegas tentang teksi dan saya harap, baguslah, kita pernaikkan tambang teksi dan teksi kena beri servis yang baik. Tetapi saya sekali lagi hendak minta airport taxi ini, kalau kita kata 'teksi mewah' biar betul-betul mewah, ini sampai boleh nampak batu di tengah jalan, mewah macam mana, Tuan Pengerusi? Kita pun naik 'seriau'. [Ketawa] Hari hujan, air dok tembak

daripada bawah, kita dengan coat basah! [Ketawa] Tak malukah kepada tourist masuk ke dalam negeri kita? Teksi 'limousine', kadang-kadang tutup pintu, sekali tutup tidak lekat lagi, hendak kena bubuh kali yang kedua.

Jadi, kalau kita kata 'teksi mewah', bermaknanya teksi itu kena mewah. Tidak apalah eksklusif, bayar duit lebih sedikit tidak apa. Kalau kita kata teksi secara tidak mewah, tidak apa. Ini kadang-kadang *air-cond* dia bukan setakat angin, dengan air dan *air-cond* itu sekali dia tembak mai! [Ketawa] Kita turun penat. Naik teksi, turun penat dari Subang hendak sampai ke Kuala Lumpur. Sudahlah caj sampai berpuluh ringgit. Jadi, yang ini saya dengar sendiri tourist kata, 'what kind of taxi Malaysia have?' Saya kata, 'No, no, this is not a taxi, this is a cheap type of taxi', kata kepada dia, dengan izin. [Ketawa] 'The good one is still under repair'. Kita kena bercakap macam itu balik, hendak jaga. Jadi.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah suntuk.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Okay, terima kasih. Saya menyokong, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Balik Pulau.

5.56 ptg.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi [Balik Pulau]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak bercakap Maksud B.50, Butiran 050000 - Latihan Keusahawanan.

Tuan Pengerusi, saya kira tidak ada lagi kementerian yang punya tanggungjawab yang lebih berat daripada kementerian ini untuk mencapai satu dasar kerajaan untuk mewujudkan satu masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera. Dalam konteks itu, program latihan keusahawanan ini saya kira adalah di antara program yang penting untuk mencapai maksud yang tersebut. Walau bagaimanapun, kalau kita lihat latihan keusahawanan ini seolah-olah macam satu 'oxymoron' sebab 'latihan' bermaksud memberi satu latihan, tetapi 'keusahawanan' sebenarnya tidak semestinya dapat diwujudkan melalui latihan.

Walaupun bagaimanapun, saya ingin menimbulkan beberapa persoalan khusus tentang Program Latihan Keusahawanan. Pertamanya ialah saya ingin penjelasan tentang terdapatnya kekurangan peruntukan yang begitu mendadak daripada tahun 1996 yang berjumlah RM54 juta lebih kepada RM6

juta lebih sedikit sahaja pada tahun 1997 ini. Jadi, kita ingin penjelasan tentang apakah rasional terdapatnya pengurangan yang begitu drastik di dalam satu program yang kita kira adalah satu program yang penting dalam kementerian ini?

Yang keduanya, dalam maksud yang sama, kita lihat dari segi prestasi aktiviti program ini, dari segi jumlah peserta program usahawan muda, dari segi jumlah sekolah yang terlibat dalam program usahawan muda, dari segi bilangan produk R&D yang dikomersialkan dan pembangunan, penyelarasan, pengawasan program franchisee, franchisor, anchor, vendor dan sebagainya. Pada pendapat saya, pertamanya saya ingin bertanya tentang prestasi program/aktiviti ini selain daripada menunjukkan angka-angka, misalnya jumlah peserta program usahawan muda ialah 2,604 pada tahun 1995 kepada 3,000 pada tahun 1996, kepada 3,500 dianggarkan pada tahun 1997. Adakah angka ini merupakan satu angka yang - kita tidak boleh kata kita berpuas hati, sebab kita tidak mungkin pernah akan berpuas hati, tetapi adakah angka peserta program usahawan muda yang dalam lingkungan 3,000 ini dan juga peningkatan dalam 500 orang pada setiap tahun ini merupakan satu program yang berkemampuan untuk kita mencapai matlamat kita untuk mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera yang kita maksudkan?

Satu lagi persoalan ialah kita tengok kalau bilangan vendor yang ada dalam laporan prestasi/aktiviti ini, tahun 1995 sebenar 12, tahun 1996 dianggarkan 25 dan tahun 1997 dianggarkan 25 juga. Kita merasakan bahawa program vendor ini adalah satu program yang penting. Kita ingin penjelasan daripada kementerian tentang apakah mungkin masalah-masalah yang dihadapi oleh kementerian ini untuk memperluaskan lagi skim vendor ini dari segi untuk memperbanyakkan bilangan vendor yang dapat diwujudkan melalui program ini? Sebab kita merasakan bahawa ini adalah selain daripada kemampuan atau keupayaan program skim vendor ini untuk melatih usahawan bumiputera, ianya juga merupakan satu program yang sebenarnya dari segi pulangnya adalah baik. Bagi mereka yang berjaya dalam program ini, mereka ini berkemungkinan untuk pergi ke satu tahap yang lebih tinggi dan itulah sebenarnya yang kita mahu.

Perkara yang kedua di bawah B.50 juga, Butiran 040000 - Perancangan dan Dasar. Di sini saya cuma ingin bertanya tentang selain daripada

program vendor, selain daripada francais, selain daripada program franchisee, franchisor, program pembangunan usahawan muda dan sebagainya, tentang apakah dasar dari segi latihan yang diadakan, dari segi bimbingan dan sebagainya, tetapi dasar kementerian ini dalam pada mengenal pasti subindustri atau industri-industri yang mahu dijadikan sasaran untuk disertai oleh bakal-bakal usahawan ataupun usahawan-usahawan bumiputera.

Saya ingin mencadangkan di sini supaya kementerian dalam pada membentuk usahawan untuk mengenal pasti bidang perniagaan atau pun industri yang hendak dimasukkan usahawan-usahawan ini supaya memberi keutamaan kepada subindustri atau pun bidang-bidang perniagaan yang mempunyai ciri-ciri yang tertentu sahaja. Jangan mengkhusus atau pun menumpu perhatian kepada bidang-bidang perniagaan yang sudah matang. Saya merasakan ada dua jenis industri yang mana patut diberi penekanan. Pertama, industri seperti yang saya kata yang baru. Industri yang brau ini adalah industri yang kita tahu keuntungannya adalah tinggi dan tahap persaingannya masih lagi tidak kuat. Jadi, rental income pun tinggi. Jadi, kita boleh menggunakan kewujudan keuntungan yang tinggi ini untuk memberi satu lonjakan kepada usahawan-usahawan bumiputera yang hendak kita masukkan di dalam industri ini.

Industri jenis kedua yang saya ingin cadangkan untuk jadi tumpuan kepada kementerian untuk memasukkan usahawan ini adalah industri-industri yang mempunyai halangan kemasukan yang tinggi, industri-industri yang jika tidak dibekalkan dengan bantuan, jika tidak dibekalkan dengan pertolongan yang tertentu tidak mungkin usahawan bumiputera untuk memasuki industri tersebut, kerana dia mempunyai halangan-halangan ataupun entry barrier yang tinggi dalam apa bentuk sekalipun, sama ada entry barrier itu adalah dalam bentuk teknologi, dalam bentuk saiz modal ataupun dalam bentuk halangan-halangan pasaran macam lain.

Jadi, dalam industri kalau kita menjadikan sebagai satu polisi untuk menembusi industri yang sebegini rupa, kita sebenarnya mencapai dua matlamat. Yang pertamanya kita menyumbang ke arah meningkatkan kecekapan pasaran keseluruhannya daripada kita dapat memasukkan usahawan baru dalam industri yang mempunyai halangan yang tinggi. Yang keduanya, industri yang mempunyai halangan yang tinggi ini adalah

industri yang dapat pulangan yang tinggi. Kadar keuntungannya adalah tinggi, dan sekali lagi keupayaan meraut keuntungan yang tinggi itu dapat memberi satu lonjakan kepada bakal usahawan-usahawan bumiputera untuk mendapat pulangan yang baik dan membolehkan mereka pergi kepada satu tahap atau kegiatan yang lain.

Perkara yang terakhir yang ingin saya sentuh adalah Butiran 080000 - Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. Kita lihat bahawa lebih kurang tahun 1996 dan 1997 yang dibekalkan lebih kurang RM18 juta lebih, tidak ada kekurangan. Tetapi saya ingin bertanya apakah sebenarnya perancangan kementerian tentang masa depan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia ini? Kita tanyakan soalan ini, kerana kita rasa kraftangan ini dalam konteks ekonomi sekarang, kraftangan dari segi pulangan yang kita dapat daripada industri ini, berbanding dengan industri-industri yang lain alternatifnya, jadi macam mana agaknya masa depan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia ini dalam pada hendak mempromosikan pengeluaran barangan kraf di dalam dan di luar negeri dan sebagainya.

Adakah mungkin kita masih berpaut kepada satu notion yang romantic untuk kita mengekalkan membelanja wang kepada perkara-perkara yang sentimental kepada kita, tetapi tidak memungkinkannya perkara tersebut dikomersialkan dengan mendapat pulangan yang berpatutan, yang secara relatifnya jika dibandingkan dengan kegiatan-kegiatan alternatif yang ada, adalah bermakna. Maknanya, mungkin kita boleh, dalam pada konteks kita cakap tentang teknologi maklumat, pengkhususan dalam bidang perkhidmatan sekarang ini, mungkin kita boleh suruh orang buat slipper dengan bemban. Tetapi adakah mungkin pulangan daripada buat slipper daripada bemban itu berbaloi berbanding dengan 20 tahun dahulu mungkin berbaloi, tetapi berbanding 10 tahun akan datang, berbanding dengan pulangan yang kita dapat daripada - kita buat alternatif apa juga benda lain. Jadi, perkara-perkara macam ini saya ingin penjelasan tentang perancangan kementerian tentang masa depan industri kraftangan ini. Apakah kita lihat ada banyak aktiviti pembangunan sumber manusia, penyelidikan, kajian bahan, pengembangan teknologi dan sebagainya.

Kita juga memperuntukkan wang agak yang konsisten amaunnya kepada perbadanan ini. Tetapi kita nampak dari segi bilangan pelatih asas sudah semakin kurang. Tahun 1995 - 300 lebih, tahun ini 50.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Padang Terap bangun.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya hendak bertanya Yang Berhormat dari Balik Pulau. Berdasarkan pengalamannya sebagai seorang bekas profesor ekonomi, selalunya dikatakan barang-barang kraftangan ini mempunyai, dengan izin, *low income elasticity of demand*, yang dikatakan *applicable* kepada pasaran seperti negara kita. Tetapi rasional untuk negara membangun mengeluarkan barang-barang *low income elasticity of demand* ini ialah kerana syndrome ini tidak berlaku di pasaran-pasaran negara yang telah bangun seperti di New York, di Carlifonia. Apakah masih lagi wujud *the high income elasticity of demand* ke atas barang-barang kraftangan yang dikeluarkan ini? Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu adalah cukup baik, kerana ini merupakan persoalan yang patut dipersoalkan di dalam *resource allocation*, alokasi sumber ekonomi negara. Jadi, saya hendak minta pendapat Yang Berhormat, apakah masih lagi terpakai cliché ini, iaitu di negara kita ianya tidak dijual, tetapi dibuat untuk dijual kepada pasaran-pasaran yang mempunyai *high income elasticity of demand* barang-barang ini?

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Terima kasih, Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap. Saya mungkin bersetuju masih juga terdapat lagi keanjalan pendapatan yang tinggi pada barangan seperti ini. Jadi, yang itu yang kita hendak capak sebenarnya. Kalau kraftangan ini yang dibuat dengan tangan, dengan kemahiran dan sebagainya dengan warisan budaya kita, kalau dapat kita jual dengan premium yang tinggi dalam pasaran-pasaran antarabangsa, kerana berdasarkan bukan sangat nilai inputnya, tetapi pada nilai premium itu dapat kita dapati daripada nilai *esoteric, novelty value*. Jadi, tidak mengapa juga. Tetapi kalau kita hendak keluarkan barang macam slipper bemban yang saya nyatakan - slipper bemban macam Yang Berhormat kata, orang yang pendapatan tinggi dia tidak teringin hendak beli slipper bemban di Malaysia ini. Tetapi kalau slipper bemban itu dipasarkan di pasaran antarabangsa sebagai slipper bemban macam biasa juga. Jadi, bukan sahaja tidak ada *elasticity of income*. Mungkin tidak ada market pun.

Jadi, kita kena fikirkan sedikit, macam batik. Saya tengok batik yang dibuat di Pantai Timur dihasilkan daripada kesenian kepakaran yang cukup tinggi. Tetapi kita jual batik itu yang dihasilkan

dengan tangan tidak tinggi sangat premium yang kita perolehi daripada batik yang dikeluarkan secara besar-besaran dengan mesin. Tetapi orang yang mengeluarkan batik dengan mesin, dia dapat pulangan yang lebih baik. Jadi, kalau kita benar-benar hendak wujudkan kraftangan macam ini, wujudkan supaya ianya boleh dipasarkan dalam pasaran yang mana dia boleh command premium yang tinggi. Kalau tidak, tidak kesampaian kita buat benda ini.

Jadi, macam jam Rolex, saya tidak tahulah, tetapi saya tengok masih lagi buat guna mekanisme yang automatic punya. Jadi, premiumnya dicajkan kepada nama dan kepada handicraft dia. Dia caj, dia dapat premium. Jadi, kalau kita hendak buat kraftangan ini, saya rasa kita tidak boleh terlalu berpaut kepada, macam saya kata notion yang terlalu romantic semata-mata untuk mengekalkan warisan kita, kita belanja duit tetapi kita tak boleh dapat pulangan dan tidak dapat meningkatkan masyarakat yang terlibat dalam bidang ini kepada satu taraf yang agak sama dengan orang lain yang buat perkara-perkara lain.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sila gulung.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Mungkin satu contoh, akhirnya Tuan Pengerusi, ada satu kilang dekat Jitra. Kilang Jepun dapat buat figuring kecil-kecil Disneyland, dia buat figuring itu satu benda yang cukup halus yang boleh dihasilkan dengan tangan, *very skillful*. Tetapi dia automatekan benda itu. Dia boleh backmass production, dia boleh dapat pulangan yang tinggi. Kita kita hendak romantic juga hendak draw satu-satu macam itu, saya ingat teruk.

Jadi, saya ingin menunjukkan kekurangan maklumat yang saya ada tentang Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia ini, jadi, saya mohon Yang Berhormat Menteri untuk memperjelaskan perkara-perkara yang saya bangkitkan tentang perbadanan ini.

Sekian, terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Sebelum perbahasan dilanjutkan ada satu Usul di sini. Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

*Majlis bersidang sebagai Majlis Mesyuarat.*

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN

#### DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.30 malam.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Di putuskan,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.30 malam.

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1997

DAN

USUL

#### ANGGARAN PEMBANGUNAN 1997

Jawatankuasa

Perbahasan disambung semula.

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Jelebu.

6.12 ptg.

**Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Suka saya membahaskan Bekalan 50, Butiran 020000 - Pelesenan, Aktiviti 020100 - LPKP.

Tuan Pengerusi, kita seharusnya mengucapkan syabas dan tahniah kepada kementerian, khususnya pihak LPKP di atas perancangan- perancangannya untuk menyusun semula pelesenan kenderaan

perdagangan dan juga perkhidmatan awam, terutamanya teksi dan juga bas, sebagai mana yang telah disuarakan dan dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri baru-baru ini.

Tuan Pengerusi, walau bagaimanapun, saya ingin menyarankan supaya beberapa langkah harus kita lihat tentang pemberian dan juga pengagihan permit ini. Sebagaimana yang kita maklum, bahawa sistem yang dibuat pada waktu ini, yang menggunakan sistem temuduga dan juga soal siasat, masih perlu kita lihat sama ada kekesanannya boleh meningkatkan kesan yang baik atau tidak, oleh kerana kemungkinan terdapat kesilapan-kesilapan yang berlaku, makanya terdapatlah beberapa masalah yang dihadapi oleh pihak pelanggan ataupun pemohon-pemohon yang mengemukakan permohonan-permohonan.

Fungsi pejabat-pejabat di zon pun harus dilihat semula ke atas kekesanan penerimaan permohonan-permohonan dan juga urusan ke atas keputusan-keputusan yang dikeluarkan. Maksud saya ialah mengenai dengan keseimbangan permohonan yang harus dilayan mengikut tempoh yang bersesuaian, kerana terdapat juga rungutan yang berlaku bahawa permohonan-permohonan masih tidak mendapat keputusan dalam tempoh 3 atau 4 bulan.

Selain daripada itu mengenai dengan rayuan-rayuan yang dikemukakan, kadang-kadang rayuan itu perlu dikemukakan dalam tempoh 14 hari kepada Yang Berhormat Menteri, tetapi surat penolakan yang dikemukakan kepada pemohon sudah melewati dua bulan atau tiga bulan dari tarikh sebenarnya, baru surat sampai kepada pemohon. Ini menimbulkan masalah. Kita tidak tahu di mana silapnya dan saya berharap perkara ini jangan dibiarkan dan haruslah diambil perhatian oleh pihak yang berkuasa kerana kita tidak mahu pemohon yang berkenaan menjadi mangsa dan sebagainya. Apabila kelewatan surat yang diterima daripada tarikh yang ditolak, makanya, tempoh rayuan telah pun tamat, maka mereka gagal untuk mengemukakan rayuan.

Tuan Pengerusi, di samping itu, mengenai dengan rekod simpanan tentang pemilik-pemilik permit, saya mendapat makluman, terdapat kes-kes di mana seorang pemilik permit mengikut rekod di dalam tangannya hanya 4 permit yang ada tetapi rekod di LPKP ada 6 permit, jadi, macam mana ini boleh berlaku dan kita pun hairan. Kadang-kadang 4 permit yang berkenaan telah pun didaftarkan di JPJ Wilayah Persekutuan - lori, umpamanya, tetapi ada dua lagi permit di atas nama beliau terdapat di Johor Bahru, yang mana pemilik itu sendiri tidak

tahu bahawa mereka mempunyai 2 lagi permit di Johor Bahru dan ini berlaku di mana pihak JPJ Johor Bahru telah mendaftarkan 2 lagi kenderaan milik si polan berkenaan.

Jadi, perkara ini merupakan satu perkara yang pelik dan sistem pendaftaran kenderaan perdagangan (KPA) haruslah dilihat semula. Kalau dahulu seingat saya memang tidak boleh didaftarkan sesuatu kenderaan perdagangan (KPA) itu di luar daripada stesen alamat mereka yang berkenaan. Tetapi pada hari ini, saya pun tidak tahu macam mana sistem itu boleh dibuat dan didaftarkan di luar stesen ataupun alamat asal syarikat-syarikat berkenaan.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi mengenai dengan sewaan permit A kepada pihak-pihak yang berkenaan. Kita mendapat maklum, bahawa memang menjadi amalan, seseorang yang memiliki permit A kenderaan perdagangan, biasanya akan menyewakan, selain daripada mereka sendiri yang mengusahakan permit berkenaan, tetapi apa yang menjadi satu tanda tanya, kadang-kadang permit-permit yang di atas nama orang Melayu, disewakan kepada bangsa asing yang berkemampuan, tetapi jenis barangan yang dibawa itu amatlah menjijikkan. Maksudnya kenderaan yang bernama orang Melayu, yang dimiliki oleh orang Melayu, disewakan kepada si polan yang lain dan membawa khinzir.

Jadi, ini merupakan satu perkara yang harus kita kaji semula dan saya mencadangkan, untuk kenderaan-kenderaan yang dibolehkan membawa khinzir ini, hanya dikhususnya kepada permit C sahaja, kerana hanya orang-orang yang berkenaan sahaja yang benar-benar akan mengusahakan jenis perniagaan sedemikian, ataupun di atas nama orang-orang bukan Melayu.

Mungkin permit C ataupun permit A boleh diberikan jenis perniagaan sedemikian, tetapi minta tolonglah, janganlah ada di antara penyewa-penyewa itu menyalahgunakan permit berkenaan dan mungkin kita boleh menambahkan syarat di dalam permit berkenaan, kecuali khinzir, umpamanya. Perkara-perkara ini harus dilihat dan kita tidak hendaklah, sebab melalui pengalaman, memang kita kadang-kadang rasa tidak seronok apabila ada berlaku perkara yang sedemikian.

Seperkara lagi, mengenai dengan jenis *low-loader*, kenderaan yang dikelaskan sebagai *low-loader* yang membawa kenderaan-kenderaan yang berbentuk mesin yang tidak boleh dipecah-pecahkan. Kita melihat kepada kandungan syarat

permit yang sedia ada telah berubah. Dari masa ke semasa pihak LPKP telah cuba memodenkan ataupun mengemaskinikan syarat-syarat yang ada di dalam permit, tetapi apa yang menghairankan, berdasarkan kepada RTA, 1987, kenderaan-kenderaan *low-loader* ini juga tidak terkecuali daripada akan ditimbang di stesen-stesen yang dibina.

Adalah menjadi satu perkara yang pelik sekiranya sebuah kenderaan *low-loader* yang boleh diisi dengan BDM 45,000 kilogram, membawa satu traktor ataupun satu *shower machine* dan akan diheret untuk ditimbang di dalam stesen timbang di JPJ, tentunya beratnya akan melebihi daripada BDM yang dihadkan. Jadi, kalau boleh perkara ini dikaji semula. Sebenarnya berapa? Kalau 60,000 kilogram, kita luluskan setakat 60,000, janganlah setakat 45,000 dengan saiznya yang begitu besar dan apabila pemilik membawa kenderaan yang melebihi 40,000 kilogram, maka mereka akan disaman.

Yang menyedihkan lagi Tuan Pengerusi, kadang-kadang kes yang sedemikian melibatkan lebih daripada 10,000 kilogram, kes ini tidak boleh dikompaun, harus dibawa ke mahkamah dan di mahkamah tentunya kes itu akan dikompaun atau didenda dengan lebih tinggi daripada kompaun yang dibenarkan. Jadi, kita kasihanlah dengan mereka yang berkenaan dan perkara ini harus dikaji.

Saya berharaplah pihak LPKP akan mengkaji, buat *study case* dan buat siasatan sebenarnya, kalau boleh bersama pihak JPJ cuba timbang dan detailkan, barulah kita mengkaji semula akan kandungan BDM sebuah *low loader* itu boleh kita luluskan.

Mengenai dengan *pull trailer*. *Pull trailer* ini sebenarnya adalah dihadkan kepada kenderaan-kenderaan yang boleh membawa barang-barang yang panjang, umpamanya besi padu yang tidak boleh dipotong-potong dan sebagainya haruslah dibawa dengan *pull trailer*, oleh kerana itu kalau amalan ini dilaksanakan tentunya tidak berlaku kemalangan-kemalangan sebagaimana yang kita lihat terdapatnya kenderaan motosikal yang melanggar belakang lori kargo yang membawa batang-batang besi. Sebenarnya batang-batang besi ini, walaupun permit 'A' yang membolehkan semua jenis barang yang dibawa, tetapi haruslah diklasifikasikan sekiranya barang yang dibawa itu hendaklah dibawa dengan *pull trailer*, kita syaratkan dibawa oleh *pull trailer*.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sila gulung.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Sekejap lagi, Tuan Pengerusi. Kita kena klasifikasikan supaya tidak berlaku bermacam-macam perkara yang boleh menghalang kelicinan perjalanan kenderaan. Saya mengharapkan supaya syarat-syarat yang lebih ketat akan dapat dikaji semula oleh pihak LPKP berdasarkan kepada permasalahan-permasalahan yang berlaku di atas jalan raya.

Tuan Pengerusi, mengenai dengan pelaksanaan pemasangan untuk sebuah kenderaan itu disyaratkan untuk membawa *safety triangle* dengan izin, tanda tiga segi keselamatan itu akan dirubah. Sekarang ini tiga segi keselamatan itu yang berukuran 1 kaki lebih kurang tidak sesuai lagi, kerana kebanyakan kenderaan-kenderaan yang rosak di tepi jalan hanya menyangkutkan *safety triangle* di belakang lori ataupun bas mereka, tidak diletakkan sebagaimana yang disyaratkan.

Jadi, saya menyarankan supaya pihak LPKP melalui perbincangan dengan pihak JPJ akan mencadangkan sesuatu yang lebih nampak jelas dan boleh memberikan ingatan kepada pemandu-pemandu yang lain terutamanya pemandu-pemandu kenderaan persendirian ataupun motosikal. Mungkin boleh disyaratkan untuk sebuah kenderaan perdagangan atau KPA itu seperti bas dan sebagainya untuk membawa kun keselamatan yang lebih nampak jelas daripada jauh ataupun dibesarkan lagi saiz *safety triangle* kepada 2 kaki ataupun 3 kaki yang lebih jelas dan lebih besar dan diletakkan satu tiang penyangkut yang harus dibuat dengan betul. Sebab itulah kita melihat kebanyakan masalah-masalah yang berlaku seperti kemalangan di lebuhraya umpamanya oleh kerana kenderaan-kenderaan yang berkenaan gagal meletakkan *safety triangle* yang jelas.

Saya berharaplah dengan cadangan-cadangan yang tidak seberapa ini, saya mengharapkan pihak LPKP akan mengkaji semula dan mengambil perkara yang baik dan tidak mengambilkira perkara yang mungkin pada LPKP tidak memberi makna. Apa yang kita harapkan ialah supaya apa yang kita usahakan itu akan memberi faedah kepada semua pihak. Sekian, saya menyokong. Terima kasih.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Oleh kerana kesuntukan masa saya izinkan dua orang lagi berucap sebelum Yang Berhormat Menteri menjawab. Tanjong Karang.

6.28 ptg.

**Tuan Noh bin Omar [Tanjong Karang]:**  
Terima kasih, Tuan Pengerusi, kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama mengambil bahagian di dalam membahaskan perbelanjaan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan.

Saya ingin menyentuh Butiran 070000 - Majlis Amanah Rakyat (MARA). Tuan Pengerusi, dalam menuju ke Wawasan 2020, kewujudan MARA masih diperlukan untuk meningkatkan taraf ekonomi dan sosial bumiputera kerana masyarakat bumiputera pada umumnya masih lagi terkebelakang jika dibandingkan kedudukan ekonomi mereka dengan kaum-kaum lain. Oleh itu program dan aktiviti MARA patut ditumpukan kepada peningkatan di dalam bidang di mana kekuatan dan kejayaan telah terbukti. Daripada apa yang telah dilihat pada hari ini kejayaan yang boleh kita banggakan, yang telah ditunjukkan oleh MARA ialah di bawah bidang latihan dan pendidikan.

Saya tidak nafikan dalam bidang-bidang lain, memang MARA juga telah berjaya untuk melahirkan pelbagai usahawan dan juga lain-lain bidang ekonomi untuk kaum bumiputera. Tetapi kejayaan-kejayaan yang lain atau bidang-bidang yang lain ini tidak terserlah seperti mana yang kita lihat kejayaan yang dicapai oleh MARA di dalam melahirkan pelajar-pelajar kita yang menumpukan ke bidang latihan dan pendidikan.

Di samping itu oleh kerana MARA ini juga diletak di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan, saya juga ingin mencadangkan supaya MARA juga hendaklah menumpukan kepada pembangunan usahawan. Oleh itu, Tuan Pengerusi, saya ingin menyarankan bahawa dua bidang ini sahaja sepatutnya MARA mestilah memberikan penumpuan latihan dan pendidikan dan satu lagi ialah pembangunan usahawan. Lain-lain bidang seperti penglibatan MARA di dalam perniagaan yang mana MARA pada hari ini ada hampir 41 buah syarikat yang telah ditubuhkan dalam berbagai sektor ekonomi, yang pelaburannya berjumlah hampir RM525 juta. Ini sepatutnya MARA jangan lagi terlibat.

Hari ini kita baca surat khabar MARA Holdings telah diswastakan, biarlah MARA Holdings menjalankan bidang-bidang perniagaan ini, mana-mana lagi ada anak-anak syarikat yang di bawah MARA Proper ini serahkan kepada MARA Holdings dan kita harap MARA Holdings

ini bila ambil anak-anak syarikat MARA ini dia jangan lupa bayar balik hutang-hutang yang kita tahu MARA Holdings ini memang banyak hutang dengan MARA Proper ini.

Tuan Pengerusi, dalam bidang latihan dan pendidikan hari ini MARA mempunyai 3 buah Institut Kemahiran Tinggi MARA (IKTM). MARA ada 123 Pusat Giat MARA. MARA ada 11 IKM, 19 MRSM, 4 pusat pra-U dan 8 pusat pelajaran komersial ataupun komputer. Di samping bilangan yang saya sebutkan tadi, MARA juga telah mewujudkan Yayasan Pelajaran MARA dan dengan sendirinya pula mewujudkan pelbagai projek dan institusi dengan sokongan MARA. Walau bagaimanapun sebagaimana saya nyatakan tadi, berbagai institusi telah dilantik dan telah ditubuhkan, tetapi sesungguhnya semuanya masih belum mencukupi untuk membantu golongan bumiputera maju di dalam bidang pendidikan.

Hari ini kita baca surat khabar ramai pelajar kita keciciran dalam bidang sains dan ramai juga yang tidak minat belajar sains sehinggakan saya difahamkan di USM kekurangan pelajar sains. Di ITM pula saya difahamkan kekurangan pelajar-pelajar di dalam bidang sains. Oleh itu MARA, harus ke hadapan untuk menarik ramai lagi anak-anak bumiputera berminat dalam bidang sains ini.

Kalau kita tinjau sejarah Tuan Pengerusi, kita harap sejarah ini dapat dihayati oleh pegawai pengurusan MARA dan juga Kementerian Kewangan sebab kita faham kalau kita bercakap panjang lebar berbagai-bagai perancangan hendak kita atur, tetapi kalau Kementerian Kewangan tidak menyalurkan bantuan sudah tentu MARA tidak boleh berfungsi sebagaimana yang kita harapkan.

Tuan Pengerusi, daripada sejarah saya ambil contoh ITM. ITM ini dahulu boleh dikatakan satu tempat pusat pengajian tinggi yang ditempatkan kepada pelajar-pelajar yang tercicir. Dahulu kalau masuk ITM ini kira yang paling rendah sekali yang dapat gred 3, yang tidak dapat masuk mana-mana pusat pengajian tinggi, jadi masuk ITM. Tetapi hari ini kita lihat ITM dari setahun demi setahun telah berjaya menaikkan imejnya hingga pada hari ini telah sama tarafnya dengan universiti. Begitu juga dengan Institut Kemahiran MARA (IKM). Dahulu IKM ini orang pandang rendah, ini untuk murid-murid bumiputera yang gagal SRP masuk IKM. Tetapi pada hari ini kita boleh lihat dan saya mengucapkan tahniah kepada khasnya kepada menteri yang telah berjaya menandatangani MoU dengan UTM.

Ini menunjukkan pada hari ini standard iaitu status IKM pada hari ini begitu tinggi, di mana mereka yang masuk IKM ini dia tidak habis setakat belajar IKM tetapi mereka juga berpeluang untuk melanjutkan pelajaran ke pusat-pusat pengajian tinggi. Oleh itu, hari ini saya ingin mencadangkan lagi satu institusi yang boleh kita namakan Pusat Tuisyen Mara atau Pusat Putra Mara.

Kita wujudkan pusat ini di luar-luar bandar, di Sabak Bernam, sahabat saya mungkin tidak berpeluang bercakap, sudah lama wujud. Yang Berhormat, Sabak Bernam saya tahu bagi tanah dia, bagi sekolah dia hampir satu tahun tetapi hingga hari ini tidak ada pembangunan kerana kewangannya tidak ada. Pusat-pusat ini patut diwujudkan di luar-luar bandar, jadi, mana murid-murid bumiputera yang tercicir yang lemah dalam bidang-bidang subjek Sains dan Matematik ini, yang tidak berpeluang melanjutkan pelajaran di pusat-pusat pengajian tinggi maka mereka ini patut kita ambil, kita didik dan kita latih di pusat-pusat tuisyen ini.

Mungkin satu hari nanti, pusat tuisyen ini dijadikan seperti prauniversiti yang mana kita melatih pelajar-pelajar di pusat tuisyen ini yang akhirnya dengan kelulusan dari pusat tuisyen ini maka mereka berpeluang meneruskan peluang ke pusat-pusat pengajian tinggi.

Oleh itu kita berharap Kementerian Kewangan tidak memandang rendah cadangan pusat tuisyen ini, jangan menganggap bahawa tugas untuk menaikkan taraf pendidikan ini semata-mata diletakkan di bahu Kementerian Pendidikan. Tetapi MARA hari ini terbukti telah boleh maju ke hadapan untuk memajukan dan juga membangunkan pendidikan bumiputera. Kita berharap peruntukan untuk mewujudkan pusat pendidikan MARA ini tidak ada dolak-dalik lagi dan harus diberi dengan seberapa segera.

Tuan Pengerusi, yang kedua saya ingin menyentuh, saya ingat yang saya cadangkan tadi iaitu Pembangunan Usahawan. Dalam bidang usahawan ini, MARA seharusnya memainkan peranan untuk menambah pewujudan usahawan bumiputera yang berkualiti dan meningkatkan pengetahuan mereka dengan lebih aktif dan berdaya saing dalam sektor perdagangan dan perindustrian di peringkat kecil dan sederhana.

MARA juga sepatutnya menambah, mempertingkat serta memperkukuhkan penglibatan pengurusan bumiputera di dalam industri-industri

tertentu. MARA juga sepatutnya menambah dan mempertingkatkan penyertaan dan kegiatan bumiputera dalam industri, di mana penyertaan mereka masih kurang dan MARA juga harus menghasilkan sumber tenaga bumiputera berkualiti yang dapat menyumbang dan meneraju pembangunan ekonomi dalam masyarakat universiti dalam dan luar negara.

Untuk mencapai matlamat ini, MARA sendiri mesti membetulkan diri mereka. Hal ini kita lihat pegawai-pegawai MARA hari ini, pengurusan MARA tidak dinafikan memang mempunyai komitmen tetapi ramai antara mereka ini kadang-kadang berkelulusan sastera, berkelulusan sains tetapi mereka ini hendak mendidik, membimbing dan melatih usahawan-usahawan bumiputera.

Usahawan-usahawan pada hari ini, kadang-kadang yang mereka hendak bimbing ini sudah ada ijazah dalam business, pentadbiran di dalam marketing dalam berbagai-bagai bidang ekonomi sedangkan pegawai yang hendak melatih ini, kadang-kadang dia tidak faham pun apa erti business. Oleh itu, saya ingin mencadangkan sudah sampai masanya MARA mesti menubuhkan institut latihan untuk kakitangan mereka. Mana-mana pegawai yang sepatutnya bimbing usahawan-usahawan ini, mereka ini mesti dilatih dahulu.

Pegawai ini mesti dilatih dahulu kerana pada masa ini MARA tidak ada satu institusi yang boleh kita banggakan, sepatutnya ia ada seperti INTAN, melatih pegawai-pegawai tadbir dan diplomatik. Oleh itu, MARA sepatutnya telah boleh mewujudkan satu institusi untuk melatih kakitangan ini bukan hanya untuk melatih kakitangan supaya meningkatkan produktiviti tetapi melatih kakitangan itu supaya memahami dan juga menghayati erti-erti usahawan ini.

Tuan Pengerusi, begitu juga pegawai-pegawai MARA ini mesti diberi peluang untuk melanjutkan pelajaran. Saya ingin juga mendapatkan butiran atau jumlah daripada Yang Berhormat Menteri, berapa ramai pegawai-pegawai MARA ini diberi peluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah lanjutan, peringkat Masters atau peringkat Ph.D.

Jadi, sekarang ini bukannya zaman kita hendak melatih bumiputera menjual belacan, hendak buka kedai runcit. Sekarang ini kita hendak melatih usahawan di dalam bidang yang global, oleh itu pegawai yang hendak melatih juga mesti mempunyai kelulusan yang global, yang faham apa yang dicakap. Ini kita tidak mahu terjadi, usahawan

pula lebih tahu dari pegawai. Jadi, kalau ini berlaku amat malang dan sudah tentu MARA tidak boleh menjalankan peranan seperti mana yang kita harapkan.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh mengenai Bahagian Pengajaran MARA, hari ini kita dengar Tabung Pendidikan telah diwujudkan oleh kerajaan. Bagi pendapat saya secara peribadi, kalau MARA ini memainkan peranan yang betul, sudah tentu Tabung Pendidikan ini patutnya diletakkan di bawah MARA. Kalau Tabung Pendidikan kita tubuhkan ini untuk membantu pelajar-pelajar bumiputera untuk menghadapi masalah yuran apabila kita dikorporatkan nanti.

Hal ini Tabung Pendidikan diletakkan di bawah Kementerian Pendidikan, sepatutnya kalau MARA ini daripada dahulu memainkan peranan dengan betul, menjadi satu institusi yang boleh kita banggakan, saya yakin kerajaan sudah tentu meletakkan Tabung Pendidikan ini di bawah MARA. Walau bagaimanapun, peranan MARA untuk melahirkan para cendekiawan bumiputera maka belum terlambat.

Saya juga ingin mencadangkan bahawa peluang untuk melanjutkan pelajaran ini bukan jangan sahaja diberi kepada pelajar-pelajar yang mendapat kejayaan dalam bidang sains dan teknologi sahaja. Kita juga mesti beri peluang kepada pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran dalam bidang pengajian Islam, yang hendak pergi ke Mesir, pergi ke Timur Tengah ini, kita kena beri bantuan.

Ini kadang-kadang kita tengok seolah-olah MARA ini lebih menumpukan kepada dunia sahaja. Kita mesti melahirkan kelulusan yang seimbang dan di dalam bidang sains teknologi dan juga dalam bidang keagamaan sebagaimana yang kita harapkan pembangunan yang seimbang. Oleh itu, jangan kita memandang bahawa apabila dia ini hendak mengembangkan pelajaran ke bidang agama, kita fikir dua kali patut diberi atau tidak.

Ramai hari ini bumiputera, anak-anak Melayu kita berani, pergi sendiri ke Timur Tengah melanjutkan pelajaran ke Jordan dan sebagainya dengan berbelanja sendiri tetapi bila minta dengan MARA, kadang-kadang MARA kata tidak ada polisi, hanya hendak diberi kepada kursus-kursus profesional. Maka saya harap MARA jangan sahaja menumpukan atau menaja pelajar-pelajar yang melanjutkan pelajaran di dalam bidang profesional tetapi juga dalam bidang-bidang keagamaan.

Juga, saya ingin mengucapkan tahniah kepada MARA kerana telah berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mengutip balik pinjaman pelajaran MARA dan baru-baru ini kita baca surat khabar, MARA telah pun mengenakan syarat-syarat baru untuk membayar balik pinjaman pelajaran yang dikenakan kepada pelajar-pelajar, yang mana kalau saya tidak silap, Kelas Satu hanya dikenakan bayar 25% daripada jumlah pinjaman. Kelas Dua - 50%, Kelas Tiga - 75% dan kalau fail mungkin kena bayar semuanya.

Saya ingin mencadangkan kalau boleh tambah lagi satu syarat. Syaratnya hari ini kita lihat kadang-kadang pelajar-pelajar MARA ini apabila mereka balik, mereka bekerja dengan kerajaan. Kalau pelajar tajaan MARA ini bekerja dengan MARA, mereka ini bekerja dengan MARA dalam 4 tahun sahaja, Tuan Pengerusi, dia habis kontrak. Habis tiga, empat tahun dengan MARA, macam saya dahulu kerja dengan MARA, habis empat tahun saya bebas bermakna sudah dianggap bayar balik pinjaman. Tetapi ramai rakan-rakan saya yang saya lihat mereka ini bekerja sudah hampir 8 - 10 tahun dengan agensi kerajaan dengan kakitangan sebagai pegawai-pegawai kerajaan tetapi mereka masih lagi membayar hutang MARA ini.

Oleh itu saya ingin mencadangkan pelepasan dari kelonggaran ini juga harus diberi kepada mana-mana pelajar MARA yang berjaya ataupun yang bekerja sebagai kakitangan kerajaan sama ada di bawah kementerian atau Kementerian-Persekutuan-Negeri dan juga agensi-agensinya kerajaan ataupun badan-badan berkanun yang lain kerana mereka ini juga memberi sumbangan kepada pembangunan kerajaan dan mereka ini terikat kepada peraturan-peraturan kerajaan sama seperti pegawai-pegawai MARA.

Kadang-kadang kalau boleh ini dipertimbangkan, saya minta biarlah dia buat retrospective, dia buat 10 tahun kebelakangan ini bagi rakan-rakan kita yang sudah 10 tahun. Ada kawan saya sudah menjadi majistret, bekerja di bidang kehakiman, kesian dia. Bekerja sudah 10 tahun dok bayar lagi hutang dengan MARA. Kalau dia bekerja dengan MARA, empat tahun sudah habis. Walau semua perkara-perkara ini yang menyebabkan MARA pada hari ini telah kekurangan kewangan, ini kadang-kadang orang salah faham, Tuan Pengerusi, dia kata MARA banyak bagi duit, mengapa tidak kutip duit. MARA ini bagi pinjam duit, dia tidak kutip semua. Dia

kutip separuh sahaja. Jadi, sudah tentu MARA setiap tahun akan menghadapi kekurangan perbelanjaan.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Noh bin Omar:** Ya, yang akhir untuk gulung. Untuk gulung saya ingin sentuh Pusat Giat MARA. Pusat Giat MARA Butiran 00611, dengan penutupan 69 buah sekolah menengah vokasional, Kursus Pendidikan Vokasional, Sijil Pelajaran Vokasional Malaysia dan Sijil Kemahiran Malaysia dihentikan di seluruh negara. Maka kita lihat pelajar-pelajar yang baik sahaja dalam mata pelajaran Fizik, Kimia dan Matematik Tambahan sahaja yang akan diambil.

Ini bererti berpuluh ribu dan mungkin beratus pelatih luar bandar akan kehilangan tempat untuk melanjutkan pelajaran selepas peperiksaan menengah rendah di Tingkatan Tiga. Kebanyakan mereka ini sudah pasti terdiri daripada anak bumiputera yang tidak mampu membiayai anak-anak mereka melanjutkan pelajaran ke sekolah swasta. Adalah mustahil kebanyakan pelajar luar bandar boleh mendapat keputusan yang baik di dalam mata pelajaran Fizik, Kimia dan Matematik Tambahan dalam sekejap masa.

Dengan adanya program yang flexible serta kelonggaran kelulusan akademik, program Latihan Giat MARA boleh membantu kerajaan untuk menyelesaikan masalah pengangguran pelajar-pelajar yang masih muda untuk memasuki *labour market*. Kalau pun boleh, mereka hanya mampu menjadi buruh kasar sahaja di kilang-kilang. Oleh itu, saya ingin merayu supaya program MARA untuk mewujudkan Pusat Giat MARA ini di tiap-tiap kawasan Parlimen ini harus mendapat sokongan daripada pihak kerajaan kerana saya percaya dengan adanya Pusat Giat MARA di setiap kawasan Parlimen nanti akan memberi peluang kepada belia-belie kita mengenali dan juga memahami ilmu-ilmu teknologi.

Oleh itu kita sekali berharap supaya Kementerian Kewangan melihat betapa pentingnya Pusat Giat MARA ini diwujudkan di setiap tempat di kawasan Parlimen. Sekian, saya ingin menyokong.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Tambun.

6.42 ptg.

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya

mengalu-alukan peruntukan sebanyak RM1.5 bilion kepada Kementerian Pembangunan Usahawan dan salah satu bidang utama adalah untuk melahirkan usahawan bumiputera yang berdaya maju.

Saya ingin menyentuh tentang Majlis Amanah Rakyat. Pertama, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kementerian kerana telah menswastakan MARA Holdings. Dalam Belanjawan tahun lalu saya ada membangkitkan tentang masalah kewangan Majlis Amanah Rakyat dan salah satu masalah Majlis Amanah Rakyat adalah pelaburan yang berjumlah lebih kurang RM500 juta kerana tidak dikendalikan dengan baik dan mempunyai susut nilai yang hampir 50% daripada nilai tersebut.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri tentang penswastakan MARA Holdings ini berapakah jumlah hasil yang akan diperolehi oleh MARA melalui penswastakan tersebut dan bagaimanakah pula dengan kedudukan pinjaman-pinjaman yang telah diberi oleh MARA kepada MARA Holdings serta anak-anak syarikat MARA Holdings? Kalau tidak silap saya berjumlah lebih kurang RM300 juta dan sebahagian besarnya juga menghadapi masalah susut nilai. Jadi, bagaimanakah kedudukan penswastakan tersebut?

Perkara kedua tentang MARA, saya ingin membangkitkan tentang Bahagian Pinjaman Perniagaan. Kita sedia maklum bahawa Bahagian Pinjaman Perniagaan ialah satu bidang profesional. Kita tidak boleh membiarkan bidang ini dikendalikan oleh pegawai-pegawai pentadbir. Kita tahu walaupun pinjaman perniagaan dikendalikan oleh bank yang mempunyai pakar-pakar serta tenaga profesional juga menghadapi masalah.

Jadi, saya berpendapat bahawa MARA harus mengambil satu langkah yang serius ke arah untuk menjadikan unit ini sebagai unit yang mempunyai tenaga profesional. Ataupun tidakkah boleh unit ini dikeluarkan dari MARA dengan diwujudkan satu bank baru ataupun diletakkan di bawah Bank Pembangunan atau bank-bank lain supaya kita dapat mengendalikan kewangan ini dengan baik?

Ada negara-negara yang mempunyai bank peniaga kecil dan dengan jumlah sebanyak lebih kurang RM300 juta yang disalurkan untuk tujuan ini, biasanya dalam bidang banking, sebuah bank boleh gearing sampai 20 kali, bermakna ia mampu untuk menjadi satu bank yang besar. Kalau RM300

juta kali 20, sampai berbilion ringgit, satu bank yang cukup besar.

Saya berharap perkara ini dapat diberi perhatian serius kerana demi kepentingan usaha untuk mewujudkan usahawan bumiputera pada masa akan datang di mana kita sedia maklum bahawa bidang keusahawanan ini tidak wujud secara serta-merta.

Kalau kita lihat satu-satu bangsa, dia mempunyai kebolehan di dalam satu-satu bidang adalah lahir daripada generasi ke generasi. Masyarakat Cina bijak dalam bidang retail serta pemborongan. Ini lahir dari ribuan tahun nilai-nilai budaya keusahawanan yang dibawa daripada nenek moyang sampai kepada sekarang. Kita berhadapan dengan keadaan yang mana dalam sekelip mata sahaja kita hendak memindahkan satu masyarakat bumiputera yang tidak mahir dan tidak mempunyai ciri-ciri keusahawanan untuk menjadi usahawan. Ini bermakna bahawa usaha-usaha yang lebih gigih, lebih profesional dan lebih dinamik harus dijalankan.

Saya juga ingin membangkitkan soal pelesenan di mana kita sedia maklum pada masa ini terdapat masalah permit-permit lori yang disewa kepada bukan bumiputera. Bidang ini adalah bidang strategik. Negara kita adalah sebuah negara industri. Pengangkutan kargo begitu besar industrinya. Jikalau keadaan ini dibiarkan berterusan, apa akan terjadi pada tahun 2020 nanti? Saya tidak percaya akan ada bilangan usahawan bumiputera dalam sektor ini nanti.

Kita sedia maklum bahawa bumiputera mempunyai kewangan. Dengan sebab itu ia disewa kepada bumiputera yang mempunyai kewangan. Ini kita semua tahu. Tidakkah boleh pihak kementerian mencari jalan, kalau bumiputera tidak mempunyai kewangan dan bukan bumiputera mempunyai kewangan, cari jalan satu formula bagaimanakah permit ini diberi kepada bumiputera dan dijadikan satu perkongsian yang genuine supaya bumiputera dan bukan bumiputera ini dapat menjadi satu rakan kongsi yang dapat menjalankan perkhidmatan tersebut. Saya lihat jikalau dibiarkan berterusan sektor ini, kita akan rugi dari segi jangka panjang.

Saya juga ingin membangkitkan tentang soal pusat khidmat kontraktor-kontraktor. Di dalam *Berita Harian* 7hb. Oktober, 1996, Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan daripada 14,000 kontraktor bumiputera yang mendaftar dengan PKK, 11,300 adalah kontraktor bumiputera

Kelas "F" yang tidak berdaya maju. Sebab-sebabnya adalah mereka terhad dari segi keupayaan pengetahuan teknikal, pentadbiran syarikat dan pengurusan kewangan serta pengurusan projek.

Saya ingin bertanya kepada kementerian apakah langkah yang sedang dan akan diambil? Di dalam bidang kontraktor tersebut juga kita dapati banyak lesen-lesen ini disewa kepada bukan bumiputera dengan cara mendapat sekali gus bayaran ataupun gaji bulanan. Kadangkala kita lihat kontraktor bukan bumiputera memegang sampai 20 atau 30 lesen bumiputera. Kita memang tahu bahawa mereka yang memiliki lesen Kelas "F" ini, sebahagian besarnya adalah mereka dari golongan yang dianggap tidak begitu berjaya di dalam pekerjaan, sama ada dalam kerajaan ataupun swasta dan mereka melihat bidang inilah peluang untuk memajukan diri mereka. Dengan tidak adanya pengetahuan dan penguasaan kemahiran, maka masalah ini timbul.

Saya berharap kementerian dapat mengadakan satu jalan. Setelah kontraktor-kontraktor bumiputera mendaftar dalam tempoh 3 tahun, mereka mesti mengikuti kursus dan sebagainya dan jangan dibiarkan mereka berterusan sahaja dalam keadaan tersebut.

Seterusnya saya ingin menyentuh tentang Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA). UDA diperbadankan dan dikorporatkan dengan tujuan supaya dapat bersaing dengan sektor swasta. Saya masih ingat lagi Yang Berhormat Menteri bila saya bertanya tentang jumlah unit komersial yang dimiliki oleh bumiputera, Yang Berhormat Menteri menyatakan hanya 5% sahaja. Ini satu jumlah yang cukup kecil yang kita ketahui.

Saya kerap kali membangkitkan isu ini bahawa selagi kaum bumiputera tidak memiliki rumah kedai dan ruang niaga, kaum bumiputera tidak akan dapat menguasai ekonomi negara ini dan antara sebab ia dikorporatkan - mengikut kata Yang Berhormat menteri - supaya dapat bersaing dengan sektor swasta dengan cara pergi ke bank, menggunakan *debt equity ratio* dan gearing, maka UDA dapat bergiat dengan lebih luas dan lebih dinamik lagi.

Saya ingin bertanya kepada kementerian, setelah ia dikorporatkan bagaimanakah prestasi dan pencapaiannya? Apakah agendanya untuk mewujudkan lebih banyak kawasan komersial untuk kaum bumiputera? Pada tahun 2005, 2010, 2020 berapa banyakkah keluasan ruang komersial yang hendak diwujudkan untuk kaum bumiputera

dan nisbahnya dengan keseluruhan kawasan ruang niaga di seluruh negara kita supaya kita dapat tahu dengan yakin pada tahun 2020 bagaimanakah kedudukan kaum bumiputera kita. Saya berharap supaya satu projection atau unjuran dapat diadakan untuk ini supaya kita dapat merancang dengan lebih tepat lagi ke arah untuk memberi peluang kepada kaum bumiputera memiliki ruang-ruang niaga.

Saya juga ingin menyentuh tentang Institut Kemahiran dan Giat MARA. Di dalam satu perjumpaan dengan Yang Berhormat menteri, perkara ini ada dibangkitkan iaitu mengenai dengan isu pelajar bumiputera yang gagal ataupun dapat gred tiga ataupun gred dua dalam peperiksaan SPM yang tidak dapat pergi ke institusi pengajian tinggi. Mengikut kajian, menyatakan bahawa di kalangan kaum bumiputera, ia menghadapi situasi yang mana kadangkala ia lambat matang berbanding dengan kaum lain. Mereka yang mendapat gred dua atau gred tiga dalam peperiksaan SPM, apabila diberi peluang apabila ia berumur 28, 29, 30 tahun, boleh menguasai bidang pendidikan tersebut dan kadangkala boleh lebih maju lagi daripada kaum lain.

Jadi, saya ingin bertanya kepada kementerian, saya lihat di dalam buku ini tidak ada usaha untuk memperkembangkan institut kemahiran serta GIAT MARA, jadi saya ingin merayu kalau tidak tahun ini di masa akan datang, usaha-usaha harus diperluaskan untuk memperkembangkan kedua-dua institut ini dan berkaitan dengan GIAT MARA, kita tahu bahawa kursus-kursus yang ditawarkan hanya enam bulan sahaja. Tidakkah boleh ia dipertingkatkan kepada satu tahun atau dua tahun, diberikan kemahiran yang sebaik-baiknya dan selepas itu diadakan kursus-kursus lanjutan di peringkat diploma dan di peringkat sarjana muda di dalam ataupun di luar negara kita?

Satu lagi perkara mengenai GIAT MARA ini, antara objektifnya ialah supaya kita memberi latihan kepada kaum bumiputera dan selepas itu supaya mereka menjadi usahawan yang berjaya. Saya berpendapat bahawa usaha begitu tidak mudah. Adalah lebih baik GIAT MARA melatih tenaga yang tidak mahir menjadi tenaga mahir untuk bekerja di syarikat-syarikat pembuatan dan pekilangan dan setelah mereka bekerja di syarikat-syarikat tersebut, melalui koordinasi kita dengan kementerian-kementerian lain, kita boleh membawa mereka keluar dan menjalankan usaha-usaha kegiatan-kegiatan perniagaan daripada kilang-kilang tempat mereka bekerja.

Saya juga ingin menyentuh tentang satu perkara tentang Maktab Rendah Sains Mara ini. MARA bercadang untuk mendirikan Maktab Rendah Sains Harian di Ipoh. Bangunan tersebut telah siap lebih kurang hampir dua tahun tetapi sehingga kini masih lagi belum ada tanda-tanda ia akan dibukan, malahan semasa Maktab Rendah Sains Harian dirasmikan pembukaannya, ramai di kalangan ibu bapa yang anak mereka tidak dapat masuk ke sekolah asrama penuh datang dan dijanjikan bahawa mereka akan diberi peluang untuk belajar di Maktab tersebut.

Jadi, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian, apakah yang berlaku? Dan sekiranya MARA tidak bercadang untuk membukanya sepatutnya kita beritahu supaya jangan ibu bapa di Bandaraya Ipoh menunggununggu bila sekolah ini akan dibuka dan akhir sekali tentang masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera, keusahawanan dan program pembangunan usahawan. Daripada maklumat-maklumat lalu, Yang Berhormat menteri menyatakan bahawa masyarakat kaum bumiputera menguasai lebih kurang 20% daripada ekonomi negara kita. Saya berharap dapat Yang Berhormat menteri memberitahu dari sektor kepada sektor.

Saya berpendapat jikalau kita hendak membangunkan usahawan, ia mesti melalui satu-satu sektor. Ia tidak boleh menyeluruh kerana dari segi sektor keusahawanan kita perlu dua kemahiran. Sesetengah sektor, ia memerlukan kepakaran dari segi pengurusan. Lagi satu sektor, ia perlukan kepakaran dari segi teknologi. Jikalau kita campurkan kedua-dua kita membuat program-program latihan keusahawanan untuk projek-projek yang memerlukan kemahiran teknologi. Kita tidak akan dapat menghasilkan pencapaian yang baik.

Jadi, saya berharap supaya Yang Berhormat menteri dapat memberitahu dari segi sektor ke sektor dan mengadakan latihan keusahawanan ini bukan secara satu kumpulan besar tetapi kumpulan yang datang dari satu sektor kepada satu sektor dan saya juga berharap supaya kementerian dapat memperluaskan pengetahuan tentang program keusahawanan ini kepada semua sektor. Saya berbincang dengan rakan saya dalam bidang banking. Mereka tidak tahu tentang program-program ini. Saya merasakan mereka yang bekerja dalam sektor banking sebagai pegawai, pengurus, pengurus kanan dan sebagainya adalah orang-orang yang berkemampuan.

Kalau kita lihat Tan Sri Tajuddin bin Ramli daripada Amanah Merchant Bank, Dato' Khalid Ibrahim, daripada salah satu merchant bank dan ramai di kalangan mereka adalah banker dan jikalau pihak kementerian dapat memperluaskan pengetahuan dan tarik orang-orang yang bekerja di bidang banking yang sememangnya mahir dalam bidang pengurusan, saya percaya satu-satu usaha keusahawanan itu akan berpeluang untuk mencapai kejayaan.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat menteri menjawab ya.

6.57 ptg.

**Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Mustapha bin Mohamed]:** Tuan Pengerusi, saya amat tertarik dengan hujah-hujah yang bernas, pandangan yang membina daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian iaitu daripada Ahli Yang Berhormat dari Yan, Balik Pulau, Jelebu, Tanjong Karang dan Tambun dan untuk itu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih.

Ada juga disebut tentang beberapa kelemahan kementerian dan saya juga ucap terima kasih dan ini penting dalam memberi maklum balas kepada kita untuk meningkatkan lagi prestsi kementerian. Mana yang lemah kita perbaiki, mana yang kurang kita tambah setakat mana yang boleh dan dengan itu dapat kita bergerak dengan lebih pantas untuk memenuhi kehendak dan matlamat yang telah ditetapkan. Malam ini kita hendak makan burung puyuh, maka tidak boleh panjang-panjang sangat.

Tuan Pengerusi, saya akan menjawab sebaik mungkin. Banyak isu yang dibangkitkan mengenai MARA, mengenai UDA, mengenai kraftangan, mengenai pelesenan, mengenai kontraktor, mengenai francais, mengenai latihan keusahawanan. Ini antara isu-isu yang dibangkitkan, maka saya ingin mengambil masa ringkas untuk menjawab isu-isu pertama yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, yang pertama, dari Yan, mengenai kakitangan MARA.

Sekarang ini kita ada 5,500; memanglah, memandangkan peranan yang semakin besar, kita memerlukan kakitangan yang cekap, yang ramai. Yang ramai tidak semestinya cekap. Usaha yang kita lakukan hari ini ialah untuk membina kecekapan pegawai-pegawai yang ada. Saya sedar bahawa bukan semua daerah telah dibekalkan dengan pegawai MARA daerah. Kita sedar dan

berusaha untuk memastikan bahawa matlamat untuk mengadakan pejabat MARA daerah di setiap daerah dapat dilakukan. Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Yan atas pandangan yang diberikan.

Mengenai pendahuluan yang diberikan kepada penuntut-penuntut yang memasuki universiti, ini dihentikan tahun ini, tahun lepas ada, tahun ini tidak ada. Atas permintaan ibu bapa dan Ahli Yang Berhormat sendiri, maka kerajaan telah pun membuat keputusan untuk mengembalikan kemudahan ini tahun hadapan di mana pelajar-pelajar yang tidak mampu untuk membayar yuran dan lain-lain wang pendahuluan bolehlah memohon pinjaman dalam bentuk pendahuluan daripada pihak MARA dan kita berharap ini akan menyelesaikan masalah penuntut-penuntut yang tidak boleh memasuki universiti semata-mata kerana kekurangan pendapatan mereka.

Mengenai biasiswa dan pinjaman yang lambat, perkara ini sedang ditangani. Saya telah pun memaklumkan tentang masalah ini dan kita telah pun mengambil langkah untuk memastikan bahawa biasiswa dan pinjaman dapat diterima dalam masa yang lebih singkat daripada masa lampau. Pada masa lalu memang 3, 4, 5 dan 6 bulan baru dibuat keputusan, maka hari ini kita sudah pun memperbaiki keadaan.

Cadangan untuk menubuhkan Universiti Mara, ini satu cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Yan. Ini bergantung kepada kajian teliti kerajaan. Cuma Yan mencadangkan penubuhan ini dalam konteks untuk mengurangkan penghantaran pelajar ke luar negara.

Saya ingin memaklumkan bahawa pihak Kementerian Pendidikan sedang berusaha bersungguh-sungguh untuk menambah bilangan tempat universiti tempatan dan dengan ini akan dapat menampung bilangan pelajar yang bertambah dan pengurangan penghantaran pelajar ke luar negara.

Tuan Pengerusi, saya ucap terima kasih kepada Yan kerana melobi Kementerian Kewangan dan pihak lain untuk menambah peruntukan.

Yang Berhormat dari Yan juga bercakap tentang UDA dan mencadangkan supaya UDA membangunkan tanah rizab Melayu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, UDA pernah berusaha untuk memajukan tanah di Kampung Baru dan juga di Sungai Penchala, tetapi oleh sebab-sebab tidak dapat dielakkan, maka 'deal' ataupun

perbincangan ini tidak dapat direalisasikan. Dalam pada itu, kita ingin membuat tawaran kepada pemilik-pemilik tanah rizab Melayu, UDA sentiasa terbuka malah UDA dahagakan 'land bank' dan tanah. Mana-mana pemilik tanah dalam kawasan rizab Melayu yang ingin memajukan tanah secara usaha sama, bukan sahaja di bandar tetapi juga di kawasan separuh bandar ataupun kawasan-kawasan yang sedang pesat berkembang, boleh mengemukakan cadangan kepada pihak UDA.

Seterusnya, Yang Berhormat dari Yan membangkitkan tentang francais, kita ucapkan terima kasih. Kita sedang berusaha bersungguh-sungguh mengenai pinjaman. Memanglah kita menyediakan kemudahan pinjaman melalui CGC, iaitu Syarikat Jaminan Credit yang di bawah kementerian dan juga francais yang terakhir yang kita lancarkan dua hari lalu melibatkan sebuah syarikat Arastu terlibat dalam penjualan barang-barang elektrik dan keperluan rumah. Franchisee yang dilantik di bawah skim ini oleh Arastu layak menerima pinjaman di bawah SELF, iaitu tabung pembiayaan usahawan kecil antara RM10,000 hingga RM50,000.

Mengenai wibawa, Yang Berhormat dari Yan menyeru supaya agihan projek lebih sama rata dan beliau minta supaya diambil tindakan tegas kepada mereka yang menyeleweng. Kita ingin memberi jaminan bahawa kementerian sentiasa mengawasi dan mengesan penyelewengan dalam perkara ini dan mana-mana yang didapati tidak memenuhi syarat ataupun menyeleweng, akan diambil tindakan sewajarnya. Kita telah pun mengambil beberapa tindakan bagi memaklumkan masyarakat perdagangan bumiputera bahawa jika mereka diberikan peluang dan lesen, mereka hendaklah mengusahakan sendiri, bukan dipajak kepada orang lain dan kita sedang mengambil tindakan sewajarnya dalam perkara ini.

Mengenai teksi, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Yan. Kita sedar masalah ini dan kita telah pun memulakan usaha untuk menggantikan teksi lama kepada teksi baru. Pada hari ini di airport umpamanya, lebih 50% daripada teksi adalah berumur 7 tahun ke atas, ini satu fakta yang memalukan. Cumanya dalam kita memperbaiki perkhidmatan teksi di airport termasuklah keadaan dalam dan luar teksi. Kita juga sedang merancang untuk perkhidmatan teksi di Lapangan Terbang Antarabangsa yang baru di Sepang. Dalam tempoh peralihan ini, kita

menjangka ada sedikit sebanyak masalah, tetapi di Sepang kita akan *strict* dalam menguatkuasakan peraturan. Kita telah pun membuat keputusan, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tentang perkhidmatan teksi di Airport Sepang ini dan kita akan memastikan bahawa perkhidmatan yang diberikan dalam tempoh setahun lagi merupakan perkhidmatan yang terbaik di negara kita.

Yang Berhormat dari Balik Pulau telah menyentuh mengenai latihan keusahawanan. Program-program yang dilakukan oleh kementerian adalah pelbagai, iaitu melalui MARA, melalui kementerian, seminar dan kursus. Peruntukan yang sewajarnya disediakan. Memang program usahawan muda, peningkatannya kalau mengikut buku laporan, tidaklah ramai, 500-600 orang setahun bilangan pertambahan dalam penyertaannya. Tetapi saya ingin memaklumkan, selain daripada kementerian, ada juga program-program oleh pihak swasta, umpamanya pihak perbadanan Johor di Johor, beberapa buah perbadanan ekonomi negeri, pihak Esso, pihak American-Malaysian Chamber's of Commerce dan beberapa pihak syarikat yang lain menganjurkan program latihan keusahawanan untuk pelajar-pelajar kita. Maka kalau dilihat pada keseluruhannya, bilangan pelajar yang terdedah kepada budaya keusahawanan ini adalah bukan sahaja kata tinggi sangat tetapi adalah membanggakan.

Tuan Pengerusi, mengenai vendor yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Balik Pulau, memang sasaran kita pada tahun ini umpamanya 25 dan tahun depan 25, ini yang ditetapkan 25 setahun dalam tempoh RMK-7. Saya ingin maklumkan bahawa pencapaian kita adalah lebih daripada itu. Umpamanya dari bulan Januari (tahun ini) hingga sekarang kita telah melahirkan 36 vendor dan ini tidak termasuk vendor Kementerian Kewangan, seperti mana yang saya sebut dalam jawapan kepada soalan di Parlimen pada hari semalam. Kementerian Kewangan sekarang ini ada 82 dan dalam proses sekarang ini 20 akan dilantik lagi. Jadi, jika dicampur ini semua, maka walaupun masih lagi memuaskan hati kita tetapi bilangan yang kita lahirkan adalah lebih banyak daripada yang menjadi sasaran.

Tuan Pengerusi, mengenai latihan dan bimbingan dalam bidang-bidang tertentu memanglah kita membahagikan kepada sektor-sektor tertentu dalam kita melatih. Umpamanya dalam bidang *franchising* memerlukan latihan

berlainan daripada bidang vendor, bidang perkhidmatan restoran, hotel dan sebagainya memerlukan kemahiran yang berlainan. Maka kementerian mempunyai program-program pakej yang berbeza bergantung kepada keadaan dan juga bidang yang diceburi oleh usahawan.

Seterusnya Yang Berhormat dari Balik Pulau ingin perancangan masa depan Lembaga Kraftangan. Saya ingin memaklumkan bahawa Lembaga Kraftangan dalam proses untuk dikorporatkan, telah pun dipersetujui, rang undang-undang sedang digubal dan kita berharap dalam sesi Parlimen akan datang ia akan dibentangkan. Saya cukup akur dengan ulasan yang diberikan oleh Yang Berhormat, memang kita di kementerian tidak berpuas hati dengan prestasi Lembaga Kraftangan ini. Kita dapati di negara kita banyak sekali produk daripada luar negara, daripada Thailand, Filipina, Indonesia yang membanjiri kawasan-kawasan pelancongan dan pusat-pusat jualan yang lain. Maka kita telah pun memulakan usaha untuk mengubah kraftangan yang dahulunya *basically* merupakan satu *R&D agency*, sekarang ini kita hendak jadikan ia sebagai sebuah agensi pengeluaran dan pemasaran. Untuk itu, dalam tempoh 5, 6 bulan ini kita akan memulakan usaha sama dengan 17 orang usahawan bagi kita swastakan sebahagian daripada premis kraf tangan di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di Langkawi kita sudah pun menswastakan sebahagian woksyp perbadanan kraftangan kepada sebuah syarikat bernama Ukir Kaca yang terlibat dalam pengeluaran kristal, iaitu syarikat yang pertama dalam negara kita. Syarikat ini sedang mengalami keadaan perniagaan yang membanggakan. - Ini adalah antara perancangan yang sedang kita lakukan. Kira-kira dua minggu yang lalu kita membuka kiosk yang pertama di Pertama Kompleks, tingkat bawah, yang merupakan usaha sama antara Perbadanan Kraftangan, Logam Mahir, Ukir Kaca dan Eon Inovasi - empat buah syarikat bergabung untuk menjual barangan kraftangan.

Saya ingin maklumkan bahawa, yang pertama, kita tidak berpuas hati dengan prestasi kraftangan dan kita sedang menjalankan usaha dengan gigih, telah pun mulakan usaha supaya ia menumpukan perhatian kepada aspek pengeluaran dan juga

pemasaran, selain daripada R&D yang merupakan tumpuan utama sebelum ini.

Mengenai Yang Berhormat dari Jelevu banyak membangkitkan perkara teknikal yang berhubung kait dengan JPJ dan juga Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan di bawah bidang tugas kami di kementerian. Mengenai rungutan kelewatan, saya sedar sejak saya memasuki kementerian telah kita lakukan beberapa tindakan untuk mempercepatkan tindakan. Saya tahu masih ada lagi masalah dan saya memberi jaminan di sini bahawa kita akan terus berusaha untuk memastikan bahawa rungutan-rungutan, kelewatan dan sebagainya akan dapat kita kurangkan di masa akan datang.

Begitu jugalah mengenai rekod yang berbeza di Kuala Lumpur dan Johor Bahru. Kita sedar masalah ini berlaku. Masalah utama yang saya hadapi di LPKP ialah sistem maklumat yang tidak canggih, yang jauh terkebelakang, penggunaan IT yang terlalu terkebelakang, oleh itu kita telah memulakan tindakan. Kita baru sahaja dalam tempoh setahun ini, kita telah memulakan usaha untuk mengaudit kesemua fail dan ini memakan masa 5, 6 bulan dan akhir tahun ini baru kita habis untuk mengaudit semua fail untuk mengumpulkan maklumat di LPKP. Perkara ini belum dilakukan dan ini antara tindakan-tindakan untuk memperbaiki pentadbiran.

Saya akui ada kelemahan dan kita sedang berusaha untuk memperbaiki kelemahan ini.

Mengenai sewaan permit Yang Berhormat dari Jelevu berkata perkara biasa, kita akan menangani masalah ini. Pendekatan yang kita ambil di kementerian oleh kerana sebab-sebab tertentu, kita memberi prioritas, kita memberi senarai keutamaan kepada isu-isu yang dihadapi. Pada mulanya isu bas sekolah, baru-baru ini isu teksi dan isu bas mini, ini kita sedang tangani. Selepas ini kita akan pergi pula kepada isu bas ekspres dan bas berhenti-henti, selepas itu lori. Jadi, setelah kita hampir selesai bas sekolah, teksi dan bas mini, insya-Allah akhir tahun ini, maka bermula tahun depan kita bermula pula dengan bas ekspres yang banyak juga masalah, bas berhenti-henti dan seterusnya lori. Antara masalah yang dihadapi dalam lori ini ialah penyewaan kepada pihak-pihak lain.

Yang Berhormat ada sebut juga cadangan mengenai lori untuk membawa khinzir. Ini bukan pertama kali Yang Berhormat membangkitkan perkara ini. Perkara ini telah pun saya ambil

perhatian dan juga pihak JPJ. Kita akan cuba untuk menangani masalah yang dibangkitkan.

Seterusnya Yang Berhormat dari Tanjong Karang banyak membangkitkan isu-isu berkaitan MARA. Saya mengucapkan terima kasih atas pandangan yang membina, dan secara umum menyokong dan mendukung usaha-usaha yang dilakukan oleh MARA untuk melatih bumiputera dalam bidang pendidikan dan juga keusahawanan.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Tanjong Karang mencadangkan supaya MARA tidak terlibat dalam perniagaan. Ini kita sedang lakukan. Cuma kita minta sedikit masa kerana tidak boleh dilakukan secara tergesa-gesa, tetapi ini memang menjadi matlamat kita bermula dengan penswastaaan MARA Holdings, Kulit Kraft sebelum ini dan selepas ini beberapa lagi, maka kita akan melaksanakan cadangan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi.

Berkaitan dengan Institusi Kemahiran Tinggi MARA, berkaitan dengan IKM dan Giat dan sebagainya, saya ucap terima kasih atas pandangan daripada Yang Berhormat yang lebih merupakan pandangan. Mengenai Pusat Tutoran MARA di Sabak Bernam, saya pernah memaklumkan ini kepada Ahli Yang Berhormat bahawa ada beberapa program MARA yang tidak mendapat kelulusan agensi Pusat. Saya menghadapi masalah untuk memastikan bahawa perkara seperti ini dapat diregularisekan. Ini termasuklah Pusat Tutoran di Sabak Bernam dan juga MRSM Harian yang disebutkan oleh Tambun tadi. Ini adalah antara program-program yang tidak mendapat restu agensi Pusat.

Kita tahu program ini adalah program yang baik. Tetapi saya ingin maklumkan bahawa saya masih lagi berusaha untuk menyelesaikan masalah berbangkit daripada Pusat Tutoran MARA di Sabak Bernam dan juga MRSM Harian di Ipoh. Mengenai MRSM Harian di Ipoh kita telah menerima beberapa surat peringatan daripada Kerajaan Negeri Perak. Memang saya tahu ada janji bahawa pusat ini akan ditubuhkan, tetapi malangnya tidak ada kelulusan dan kebenaran oleh agensi Pusat tidak dimaklumkan di peringkat awal, maka saya sedang memperbetulkan keadaan ini, dan saya akan cuba sedaya-upaya saya supaya kita dapat mengatasi masalah ini.

Tuan Pengerusi, banyak lagi perkara yang dibangkitkan termasuklah latihan untuk kakitangan MARA, peluang melanjutkan pelajaran. Saya memang mengakui bahawa jika dibandingkan

dengan agensi lain, peluang untuk melanjutkan pelajaran di MARA mungkin kurang sedikit dan perkara ini sedang kita tangani. Adalah penting pegawai MARA dilengkapkan dengan ilmu yang mencukupi untuk memberi nasihat kepada usahawan dan juga mereka yang lain yang semakin canggih dan berkelayakan.

Tuan Pengerusi, Tabung Pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan. Ini adalah untuk semua rakyat Malaysia. Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah pun membuat beberapa kenyataan mengenai perkara ini. Ia dibuka kepada semua rakyat Malaysia. Mengenai pengajian Islam, adalah tidak benar kita memberi perhatian kepada sains dan teknologi dan pengurusan sahaja. Pada masa ini kita ada menaja lebih sedikit 1,000 pelajar dalam bidang pengajian Islam di Mesir, di Jordan dan Indonesia. Cuma kita beri penajaan ini kepada pelajar-pelajar yang cemerlang dan mereka yang difikirkan tidak mampu. Jadi, program berterusan, tetapi peruntukan ini tidaklah membolehkan kita untuk meluluskan kesemua permohonan yang dibuat. Untuk makluman, di Mesir umpamanya kita difahamkan 5,000-6,000 pelajar Malaysia di sana, kita tidak mampu hendak membiayai kesemua sekali. Di Jordan ada 2,000-3,000 pelajar. Jadi, kita ada program, tetapi ia untuk yang cemerlang dan mereka yang tidak mampu.

Mengenai bayaran balik, bagi mereka yang bekerja dengan kerajaan, kita ambil perhatian pandangan.....

**Tuan Noh bin Omar:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi:** Ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Noh bin Omar:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak minta sedikit penjelasan mengenai penghantaran pelajar-pelajar ke luar negeri, tadi menyatakan bahawa MARA akan mengurangkan penghantarannya kerana untuk menjimatkan perbelanjaan MARA. Saya hendak mendapat penjelasan, dengan kekurangannya kita menghantar pelajar ke luar negeri, bolehkah Yang Berhormat Menteri beritahu berapa peratus pula penambahan ke atas tajaan pelajar-pelajar oleh MARA yang akan melanjutkan pelajaran di dalam negeri? Jadi, bila keluar negeri kurang ianya mesti ada tambah di dalam negeri. Jadi, berapa banyak penambahan di dalam tajaan pelajar-pelajar di dalam negeri?

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Sebagai contoh, Yang Berhormat, tahun ini kita menghantar

kira-kira 3,000 pelajar ke luar negara dan kira-kira 8,000 kita taja dalam negara. 8,000 campur 3,000, 11,000 kesemuanya. Tahun depan kita mendapat peruntukan tambahan kira-kira 69,000 untuk tajaan, dan sebahagian besar kita akan gunakan untuk dalam negeri. Dalam negeri tahun depan, daripada 8,000 tahun ini kita akan tambah 14,000, pertambahan kira-kira 5,000-6,000, luar negara tahun depan 800 - 800 untuk luar negara, cuma pelajar cemerlang, pelajar dalam bidang perubatan, kejuruteraan dan perakaunan dan pengajian Islam. Itu sahaja, tidak ada lagi yang kursus macam Sejarah. Kursus Undang-undang kita berhenti sekejap kerana ramai. Jadi, 800 pelajar tahun depan berbanding 3,000 tahun ini, 14,000 dalam negeri tahun depan berbanding 8,000 peningkatan yang ketara dalam tajaan 5,000-6,000 tajaan dalam negeri tahun depan.

Tuan Pengerusi, mengenai Pusat Giat MARA, ini juga satu program.....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ada yang bangun lagi...

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, cuma saya minta satu penjelasan. Bagaimanakah kedudukan pelajar-pelajar peribadi ataupun individu yang cuba mendapatkan pinjaman daripada MARA untuk melanjutkan pelajaran ke luar negeri atas mata-mata pelajaran yang disukai oleh mereka sendiri, khususnya umpamanya yang berkaitan dengan teknologi dan sebagainya? Adakah masih lagi pihak MARA menggalakkan ataupun membolehkan individu tertentu membuat pinjaman pendidikan?

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Saya ingin memberi penjelasan, adalah tidak menjadi dasar MARA untuk meluluskan permohonan pinjaman peribadi dan individu tertentu. Bukan dasar, tetapi amalan sahaja. Bermula dengan satu-dua orang pelajar, lepas itu dihebahkan, lepas itu menjadi puluhan, menjadi ratusan. Jadi, ini menjadi masalah, bukan dasar, tetapi amalan. Jadi, oleh kerana ada yang tahu tentang program ini, ada di antara mereka yang menghantar anak mereka ke luar negara dengan harapan MARA akan menaja. Jadi, ini tidak boleh digalakkan, kerana bilangan ini bertambah dengan begitu banyak. Apa yang kita buat masa akan datang dalam kategori peribadi, bagi mereka yang pergi ke universiti-universiti yang terkemuka di dunia dan dalam bidang kursus tertentu seperti Havard, Cambridge, Oxford dan

sebagainya, kita akan luluskan pinjaman. Memang kita ada kes-kes tertentu, mereka yang belajar dalam bidang sains dan teknologi yang canggih yang tidak ada di dalam negara dan universiti terkemuka kita memang ada meluluskan pinjaman untuk kategori berkenaan. Terima kasih.

Mengenai Pusat Giat MARA, saya masih lagi berusaha untuk memastikan masalah yang dihadapi dapat diatasi, iaitu ini juga berkait rapat dengan masalah kelulusan yang tidak diperolehi daripada agensi Pusat.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Tambun membangkitkan mengenai MARA Holdings, pinjaman MARA kepada MARA Holdings, memanglah mereka yang telah pun diluluskan untuk membeli MARA Holdings akan perlu bukan sahaja membeli asetnya, tetapi liabilitinya sekali. Saya tak ingat angka sebenar berapa MARA memberikan kepada MARA Holdings, tetapi saham MARA dalam MARA Holdings RM202 juta dan nilai pembelian oleh pihak yang mendapat penswastaaan ini sudah pasti bergantung kepada selain daripada modal, NTA dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, ada juga cadangan supaya bahagian business loan ini juga dikeluarkan daripada MARA. Saya ingin memaklumkan bahawa tindakan telah pun diambil untuk memperbaiki dan memperkemaskan bahagian ini dan saya sendiri sedang mengawasi bahagian ini dan kita akan memperkenalkan beberapa pembaharuan untuk memastikan bahawa prestasi kutipan balik hutang business ini dapat dipertingkatkan.

Tuan Pengerusi, selain daripada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tambun mengenai sewaan permit, ini saya telah jawab semasa menjawab pertanyaan dari Yan mengenai kontraktor Kelas 'F' - sekarang ini ramai sejumlah lebih 11,000 di seluruh negara dan kadang-kadang di sesebuah daerah sampai 100 - 200 dan ini menimbulkan masalah. Kita ada menerima aduan di mana orang-orang tertentu mengumpul dan lesen ini disewakan. Kita juga sedang mengkaji perkara ini dan kemungkinan buat sesuatu tempoh tertentu kita hendak bekukan dahulu pengeluaran lesen Kelas 'F', kerana DO-DO yang di bawah sudah pening kepala kerana sukar hendak melayani 200 - 300 kontraktor Kelas F dalam sebuah jajahan. Ini antara pendekatan yang kita ambil. Selain itu, kita telah pun memulakan usaha untuk memberikan kursus kepada kontraktor-kontraktor dan insya-Allah kita akan memperkemaskan lagi kursus-kursus ini.

Tuan Pengerusi, mengenai UDA, seperti yang dibangkitkan oleh Tambun, Tambun hendak tahu apa agenda tahun 2000, tahun 2005 dan tahun 2010. Bagaimana nisbah pemilikan bumiputera berbanding bukan bumiputera dalam commercial properties.....

**Tuan Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Noh bin Omar:** Saya hendak mendapat sedikit penjelasan, Tuan Pengerusi. Mengenai Pusat Khidmat Kontraktor. Saya hendak penjelasan, adakah Pusat Khidmat Kontraktor ini ada pegawai penguatkuasanya untuk memastikan, seperti yang dikatakan ada 11,000 Kelas F ini, supaya Kelas F ini tidak di 'Ali-Baba'kan atau dipastikan bumiputera yang betul-betul membuat kerja ini. Jadi, adakah kuatkuasa untuk memastikannya?

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Pengerusi, kita telah menubuhkan sebuah jawatankuasa penguatkuasaan yang dipengerusikan oleh Pengarah sendiri dan memang tugasnya, antara lain ialah untuk melawat dan memang pada masa ini kita memestikan lawatan ke tapak projek, pejabat dan sebagainya. Ini sedang dilakukan.

Tuan Pengerusi, mengenai UDA tadi, saya hendak maklumkan bahawa seperti mana yang saya maklumkan, adalah sukar untuk UDA menyaingi gergarsi dalam bidang hartanah ini, tetapi UDA akan sedaya upaya dalam kemampuannya menambahkan penglibatan untuk membangunkan hartanah di seluruh negara termasuklah di bandar-bandar kecil. Prestasinya kita bangga, dari segi kedudukan kewangannya yang teguh, keuntungannya pun teguh, tetapi dari sudut bumiputera, memang masih banyak lagi yang perlu dilakukan. Cuma saya hendak memaklumkan bahawa tanpa UDA maka keadaan di Malaysia akan bertambah rumit lagi dari segi pegangan milik hartanah oleh bumiputera.

Tuan Pengerusi, saya sudah jawab mengenai MRSM Ipoh.....

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Pengerusi, mengenai dengan UDA, Yang Berhormat Menteri mengatakan kemampuannya begitu kecil berbanding dengan banyaknya syarikat-syarikat gergasi. Apakah langkah lain yang diambil oleh kementerian untuk mengimbangi masalah ini dan seperti mana saya menyatakan, selagi kaum bumiputera tidak menguasai sektor

rumah kedai dan unit komersial, kita tidak akan dapat menguasai ekonomi negara ini. Oleh kerana pentingnya perkara ini, saya ingin tahu langkah-langkah yang diambil oleh kementerian.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Pengerusi, seperti mana yang saya maklumkan tadi, adalah sukar untuk UDA menyaingi pemaju-pemaju yang lain, cuma saya hendak maklumkan bahawa dari segi UDA, bila premis perniagaan atau rumah itu siap, maka sebahagian besar, lazimnya 80% daripada unit yang siap itu akan diagihkan kepada bumiputera. Saya hendak maklumkan bahawa ini merupakan agenda yang lebih besar yang perlu kita fikirkan bersama dan kita di kementerian sedang merangka, kita sudah pun menyiapkan satu kajian dan pada masa ini sudah pun kita memperakukan kepada kerajaan beberapa pendekatan dan kita kena tunggulah keputusan kerajaan berkaitan dengan perkara ini dan kita telah melihat kepada keadaan pada masa ini dan kita telah memperakukan pendekatan. Pada masa ini kita masih belum lagi mencari formula yang berkesan untuk menambahkan penglibatan bumiputera.

**Dato' Yop Pian Hon:** *[Bangun]*

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Pengerusi, ini yang terakhir.....

**Dato' Yap Pian Hon:** Tuan Pengerusi, minta penjelasan berkaitan dengan apa rancangan yang akan dijalankan oleh UDA terhadap tapak Penjara Pudu yang diserahkan kepada UDA. Apa rancangan yang akan datang ke atas tapak itu?

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, minta penjelasan ini lazimnya di atas benda-benda yang diterangkan ataupun apa yang dikatakan oleh menteri-menteri. Kalau sekiranya sesuatu perkara yang di luar dan berlainan langsung, itu bukan minta penjelasan.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan telah memberi pandangan yang bernas. Saya amat menghargai sumbangan Ahli Yang Berhormat dan saya catat kesemua pandangan yang dikemukakan dan insya-Allah kita akan memperkemaskan lagi pentadbiran dan kelewatan dan kita akan melaksanakan usaha yang lebih gigih untuk memperkemaskan MARA, untuk memperkemaskan pentadbiran dan melahirkan lebih ramai usahawan di Malaysia. Kita makan burung puyuh pula. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM923,645,200 untuk Maksud B.50 di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM923,645,200 untuk Maksud B.50 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM617,704,270 untuk Maksud P.50 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1997 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM617,704,270 untuk Maksud P.50 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1997.

**Maksud B.51 [Jadual] -  
Maksud P.51 [Anggaran Pembangunan, 1997]**

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala B.51 dan P. 51 di bawah Kementerian Luar Negeri terbuka untuk dibahas. Kota Melaka.

7.28 mlm.

**Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud Bekalan B.51, Butiran 010000, Program/Aktiviti 010300 - Undang-undang Antarabangsa dan Triti.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya tentang komitmen negara Malaysia ke atas triti-triti dan undang-undang antarabangsa yang telah diputuskan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu seperti yang sedia dimaklumkan oleh pihak kementerian yang nampaknya tidak ada di sini, bahawa banyak triti-triti yang telah diluluskan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu yang masih belum direstui dan diiktiraf serta belum ditandatangani oleh negara Malaysia. Contohnya ialah tentang, *The Covenant of Civil and Political Rights, Economic, Social and Cultural Rights*, yang diluluskan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu dalam tahun 1966 dan 1967.

Malah apabila peruntukan-peruntukan hak asasi manusia, seperti mana yang termaktub dalam pengisytiharan hak asasi manusia Bangsa-Bangsa Bersatu dalam tahun 1948, negara Malaysia mengatakan mereka tidak harus mengikutinya kerana ia diluluskan semasa Malaysia masih belum menjadi ahli atau menyertai Bangsa-Bangsa Bersatu.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, minta Yang Berhormat sambung besok.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Majlis bersidang semula.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 malam.*